

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 24 Khamis 12 Jun 2014

## KANDUNGAN

## **PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

- JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

## RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2014

### **Jawatankuasa:-**

### **Jadual:-**

- |                      |              |
|----------------------|--------------|
| Maksud B.10 dan B.11 | (Halaman 27) |
| Maksud B.7           | (Halaman 53) |
| Maksud B.21          | (Halaman 53) |

## **USUL-USUL:**

- Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat (Halaman 26)  
Penangguhan Mesyuarat di Bawah P.M. 16(3) (Halaman 99)

## **UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:**

- Masalah Gangguan Bekalan Elektrik di Tuaran  
- *Y. B. Datuk Madius bin Tangau (Tuaran)* (Halaman 99)
  - Kes Pecah Rumah di Taman Desa Pakatan  
- *Y. B. Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)* (Halaman 102)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA  
Khamis, 12 Jun 2014**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat Penggal yang lalu seperti berikut:

- (i) Akta Perbekalan Tambahan (2013) 2014;
- (ii) Akta Saraan Hakim (Pindaan) 2014; dan
- (iii) Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kedudukan terkini prestasi ekonomi negara; dan
- (b) nyatakan secara perbandingan dengan negara lain daripada segi pengangguran, eksport dan sebagainya.

**Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan daripada Yang Berhormat Lenggong yang dijadualkan pada hari ini bersama soalan daripada Yang Berhormat Kepala Batas yang dijadualkan pada 18 Jun memandangkan kedua-dua pertanyaan tersebut menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara telah menunjukkan trend yang memberangsangkan dalam tempoh suku pertama 2014 dengan mencatat pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar sebanyak 6.2% kadar tertinggi yang pernah dicatatkan sejak

suku keempat 2012. Malahan pencapaian ini adalah lebih baik berbanding dengan Negara Filipina - 5.7%, Indonesia - 5.2%, Singapura - 5.1% dan Thailand - 0.6%.

Prestasi yang meyakinkan ini disokong oleh aktiviti ekonomi domestik yang terus cergas serta perkembangan perdagangan luar yang bertambah baik. Pencapaian ini adalah hasil daripada langkah positif Program Transformasi Kerajaan yang dilaksanakan sejak tahun 2009. Keadaan ini turut disokong oleh asas-asas ekonomi yang mantap seperti paras simpanan domestik yang tinggi, *reserved* antarabangsa yang kukuh, sistem perbankan yang teguh, kadar pengangguran yang rendah dan momentum kegiatan pelaburan yang terus rancak.

Dalam tempoh suku pertama 2014, pelaburan swasta pada harga semasa berkembang 16.7% kepada RM44.4 bilion, menyumbang 66.5% kepada jumlah pelaburan. Kerancakan pelaburan swasta terus mencerminkan peranan sektor swasta dalam menerajui aktiviti ekonomi negara. Berdasarkan indeks keyakinan pelaburan langsung asing yang dikeluarkan oleh firma perunding pengurusan global A.T. Kearney, Malaysia kini berada di kedudukan ke-15 berbanding tempat ke-25 yang dicatatkan pada tahun 2013.

Keyakinan ini turut dicerminkan dengan peningkatan tertinggi pelaburan langsung asing sebanyak RM38.2 bilion pada tahun 2013 berbanding dengan RM28.5 bilion pada tahun 2012. Indeks Bursa Saham Kuala Lumpur (KLCI) berada pada paras yang tinggi iaitu 1,865.20 mata pada 4 Jun 2014. Suasana yang sihat ini juga selaras dengan laporan *World Bank Doing Business 2014* menunjukkan daya saing Malaysia melonjak kepada kedudukan ke-6 daripada tempat ke-12 pada tahun 2013. Begitu juga dengan laporan IMD, *World Competitiveness Yearbook 2014* menunjukkan daya saing Malaysia meningkat pada kedudukan ke-12 daripada ke-15 pada tahun 2013.

Dari sudut penawaran kesemua sektor ekonomi utama mencatat pertumbuhan positif kecuali sektor perlombongan, sektor perkhidmatan kekal sebagai peneraju pertumbuhan ekonomi dengan peningkatan sebanyak 6.6% diikuti oleh sektor pembuatan sebanyak 6.8%. Sektor pembinaan pula terus cergas dan mencatat pertumbuhan dua digit sebanyak 18.9% manakala sektor pertanian mencatat 2.3%.

Walaupun kegiatan sektor perlombongan mencatat pertumbuhan negatif namun prestasinya semakin baik dengan mencatat kadar penyusutan yang lebih kecil iaitu sebanyak - 0.8% berikutan peningkatan pengeluaran gas. Selain itu, jumlah perdagangan Malaysia meningkat pesat sebanyak 8.3% kepada RM349.4 bilion dalam tempoh suku pertama 2014 berbanding dengan RM322.6 bilion pada tempoh yang sama pada tahun sudah.

## ■1010

Didorong terutamanya oleh peningkatan eksport sebanyak 10.8%. Meskipun dalam persekitaran perdagangan dunia yang tidak menentu, peningkatan eksport Malaysia adalah lebih baik berbanding prestasi eksport negara-negara ASEAN yang lain. Sejajar dengan

perkembangan ekonomi negara yang memberangsangkan, kadar pengangguran terus kekal rendah sebanyak 3% pada Mac tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan prestasi ekonomi negara yang semakin memberangsangkan, terutamanya kegiatan domestik yang berdaya tahan dan kekuatan pasaran eksport yang berdaya saing dalam suku pertama 2014 serta jangkaan pertumbuhan ekonomi global yang lebih baik, kerajaan yakin momentum pertumbuhan ekonomi Malaysia akan kekal kukuh dalam tempoh separuh kedua 2014. *Insya-Allah* perkembangan yang menggalakkan ini akan membolehkan ekonomi negara mencapai sasaran melebihi 5% pada keseluruhan pada tahun 2014. Sasaran ini juga adalah selaras dengan unjuran terkini Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bagi Malaysia sebanyak 5.2% pada tahun 2014.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat, di atas jawapan yang menyeluruh sebentar tadi. Yang Amat Berhormat, dengan pencapaian ekonomi negara yang menunjukkan trend memberangsangkan ini. Saya ucapkan tahniah di atas pencapaian yang telah diperolehi oleh kerajaan kerana ini bukan satu yang senang dalam keadaan cabaran ekonomi yang semakin sukar ketika ini.

Saya ingin merujuk kepada Laporan A.T. Kearney 2014 yang disebut oleh Yang Amat Berhormat tadi. Ia menunjukkan bahawa Malaysia telah melonjak 10 tempat daripada kedudukan ke-25 kepada nombor 15 dalam Indeks Keyakinan Pelaburan Langsung Asing. Ini pencapaian yang cukup baik. Soalnya, apakah kerajaan yakin dapat mengekalkan kerancakan pelaburan swasta, terutama sekali ialah pelaburan langsung asing di negara kita. Kemudian, apakah faktor-faktor yang mendorong kepada peningkatan pelaburan swasta ini dalam negara kita. Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, faktor yang terbesar yang menjadi pendorong kepada penambahan pelaburan ialah faktor keyakinan (*confidence*) dan bila kita sebut dalam soal *confidence* (keyakinan) ia terbahagi kepada beberapa ciri. Antaranya ialah kestabilan politik dalam negara, dasar-dasar yang diamalkan oleh negara di mana kalau dasar kita mesra perniagaan termasuk pelabur asing, kita dapat membuat keputusan yang pantas, kita dapat memberi insentif yang kompetitif dan sebagainya. Maka, mereka akan ter dorong untuk menambah pelaburan mereka di Malaysia dan bagi tahun 2013 sahaja kita lihat bahawa pelaburan swasta merekodkan jumlah RM160.5 bilion iaitu peningkatan 14.5% berbanding dengan tahun sebelumnya.

Pihak kerajaan yakin bahawa berdasarkan kepada usaha-usaha yang kita lakukan termasuk juga tidak kurang penting ialah Program Transformasi Ekonomi yang telah dilakukan oleh kerajaan sejak tahun 2009. Semuanya ini menyumbang kepada tahap keyakinan yang semakin meningkat dan ini telah pun dicerminkan melalui *rating* ataupun penilaian yang dilakukan oleh badan-badan penarafan antarabangsa. Jadi, kesimpulannya *insya-Allah* momentum ini dijangka dapat kita teruskan.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Terima kasih kepada jawapan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat. Walaupun KDNK nampaknya 6.2% pada kebelakangan ini tapi realitinya *on the ground* di mana kita difahamkan oleh masyarakat bahawa situasi ekonomi bukan lagi *steady*. Menunjukkan ada ramai di antara pekedai-pekedai makan dan sebagainya mengatakan bahawa ada *no more than robust* ekonomi keadaan mereka dan juga industri-industri di mana pekerja-pekerja tidak dapat membuat *overtime* dan sebagainya. Mungkin ini semua Yang Amat Berhormat tidak dengar, tidak tahu atau mungkin kami di pembangkang dapat cerita yang benar dan Yang Amat Berhormat *don't have the feedback* yang berkenaan.

Jadi, soalan saya mengenai masalah pengangguran. Kalau saya tengok dalam 10 tahun ini dari angka lebih kurang 5% tahun 2004, sekarang sudah jadi lebih kurang 3% *full employment*. Akan tetapi dari realitinya bukan sedemikian. Ramai di antara *graduate* kita tidak ada kerja. *There is a mismatch production* dari *university students* dan peluang pekerjaan dan juga ramai di antara *lower income group* yang *affected*.

Jadi, apakah ini semua diketahui oleh kerajaan dan apakah tindakan yang diambil supaya *the real hardcore* yang perlukan pertolongan ini dapat diberi manfaat ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, itu memang kerja pembangkang menafikan kenyataan dan realiti. Realitinya ialah penilaian *rating* yang dibuat oleh badan-badan penarafan antarabangsa. Jadi Yang Berhormat, jangan nafikan hakikat sebenarnya kejayaan ekonomi negara kita. Saya tidak nafikan masih ada cabaran. Saya tidak kata tidak ada cabaran. Memang ada cabaran. Cabaran kos sara hidup, cabaran dari segi menambahkan peluang pekerjaan dan juga untuk meninggikan lagi permintaan dan sebagainya. Akan tetapi pada keseluruhannya kita tidak dapat menafikan pencapaian ekonomi Malaysia adalah amat memberangsangkan. Terima kasih. *[Tepuk]*

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat, dalam jawapan yang saya terima pada hari Selasa iaitu 10 hari bulan ini, saya difahamkan hutang Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM539.9 bilion atau 54.8% daripada KDNK pada akhir tahun 2013.

Soalan tambahan saya ingin tanya, adakah hutang Kerajaan Persekutuan ini termasuk dengan bon-bon yang *diguarantee* oleh Kerajaan Pusat iaitu bon-bon atau pinjaman yang *guarantee* oleh Kerajaan Pusat dan juga untuk memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55%. Saya ingin tanya, apakah perancangan atau usaha yang akan diambil oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengamalkan dasar kewangan yang bertanggungjawab dan, dengan izin, *prudent*. Kita perlu menambahkan perbelanjaan supaya ekonomi negara kita berkembang. Akan tetapi kita mesti lakukan dalam lingkungan tidak menambahkan beban hutang dengan cara yang kita belanja

dengan berhemah dan pastikan ekonomi kita ini terus berkembang. Jadi, kalau ekonomi kita berkembang, peratusan hutang dari segi KDNK dapat kitakekalkan pada paras tidak melebihi 55%. Kita jangka bahawa tahun ini dan tahun akan datang, *insya-Allah* kita dapat mengekalkan bawah paras 55%.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Bagaimana dengan bon Yang Amat Berhormat? Bon yang diguarantee oleh kerajaan, adakah itu termasuk?

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak:** Ya, kita ambil kira soal kontinjen liabiliti tapi ia tidak sampai ke peringkat yang mana mencemaskan kita sama sekali.

#### ■1020

2. **Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan apakah justifikasi kerajaan terhadap kenaikan kadar tarif elektrik pada bulan Januari 2014 dan adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan kadar tarif pada masa akan datang.

**Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya soalan nombor dua ini sudah berulang kali kita jawab pada bulan Januari dan bulan Jun. Namun untuk Yang Berhormat Gombak, kita seperti lagu hati yang luka itu, berulang-ulang kali kita jawab juga. Baiklah. Semakan tarif yang telah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014, sebahagian besarnya ialah disebabkan semakan semula harga bahan api iaitu gas domestik daripada RM13.70 per mmBTU kepada RM15.20 per mmBTU. Harga arang batu daripada USD85 setan kepada USD87.5 sen per tan serta penggunaan gas asli cecair (LNG) yang diimport pada harga pasaran iaitu RM41.68 per mmBTU.

Komponen bahan api ini telah menyumbang kepada kenaikan tarif sebanyak RM4.90 sen per satu kilowatt jam (1kWh) atau 82% daripada kenaikan tarif keseluruhan sebanyak RM4.99 sen satu kilowatt jam (1kWh). Sebarang perubahan harga bahan api ini sudah tentu akan memberi kesan yang *significant* kepada kos pembekalan elektrik. Komponen lain yang terlibat dalam kenaikan tarif ialah semakan tarif asas TNB iaitu sebanyak 8% atau 90 sen per kilowatt jam (kWh) daripada kenaikan tarif keseluruhan. Semakan tarif asas ini disemak setiap empat tahun bagi memastikan pihaknya teliti memperoleh pulangan yang munasabah agar dapat terus membekal elektrik yang berkualiti dan berdaya harap.

Tidak dinafikan bahawa pihak TNB memperoleh keuntungan bersih bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Ogos 2013 sebanyak RM4.58 bilion. Namun begitu, jumlah tersebut masih belum mencukupi untuk menampung kos pelaburan bagi membiayai projek-projek penjanaan yang baru serta projek-projek penghantaran dan pengagihan yang dianggarkan sekitar RM6 bilion sehingga RM7 bilion.

Bagi bahagian kedua soalan ini, berdasarkan mekanisme pelepasan kos bahan api dan penjanaan, kos sebenar untuk membekal elektrik akan disemak semula setiap enam bulan

selaras dengan semakan harga bahan api iaitu gas ataupun LNG kepada sektor elektrik. Sekiranya berlaku sebarang perubahan harga bahan api, kos ini akan dilepaskan kepada pengguna. Bagi mengurangkan kesan kenaikan tarif ke atas pengguna-pengguna, pihak kementerian sedang mengkaji cadangan untuk menggunakan penjimatan daripada rundingan semula Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) bagi penjana tenaga bebas iaitu IPP generasi pertama yang melibatkan amaun sebanyak RM1.57 bilion bagi tempoh kutipan Mac 2013 sehingga Jun 2017 bagi menampung kenaikan tarif elektrik pada masa akan datang. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri telah menegaskan bahawa kenaikan kadar tarif elektrik ini ada mempunyai hubung kait dengan semakan harga bahan api yang telah menyumbang kepada kos pembekalan elektrik. Namun pada masa yang sama, kita juga menyaksikan kerajaan terus menerus memberikan subsidi yang begitu besar kepada penjana tenaga bebas ataupun IPP. Sebagai contoh, jumlah subsidi gas yang diberikan kepada penjana tenaga bebas pada setiap tahun meningkat antara RM19 bilion hingga RM22 bilion.

Maka, persoalan saya ialah apakah keperluan pemberian subsidi yang begitu tinggi kepada syarikat-syarikat penjana tenaga bebas sekiranya tarif elektrik ini terus meningkat dan membebankan rakyat. Kedua Yang Berhormat Menteri, sehingga hari ini, semua perjanjian dan juga dokumen yang melibatkan rundingan tarif masih lagi diikat dengan dokumen sebagai rahsia kerajaan. Saya ingin mendapatkan pendirian daripada Yang Berhormat Menteri di dalam Dewan ini untuk tidak menjadikan perjanjian IPP dan rundingan tarif ini sebagai dokumen dan maklumat rahsia kerana ia memberikan kesan langsung kepada pengguna untuk melihat apakah termaterma dan syarat-syarat yang telah diletakkan dan ia tidak akan memberikan kesan kepada kenaikan kadar tarif elektrik kepada pengguna. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Yang Berhormat Gombak atas soalan yang dibangkitkan. Seperti mana yang saya katakan tadi, kenaikan tarif di peringkat TNB itu mengikut mekanisme *imbalance cost pass-through*. Maka mulai dari tahun lalu, apabila ada kenaikan di peringkat input iaitu LNG ataupun *coal* ataupun gas ataupun *distillate*, maka itulah sebabnya kita semak implikasi ini kepada kos setiap enam bulan. Jika wajib untuk disemak balik, maka kos itu sememangnya di *pass-through* kepada pengguna.

Ini juga ada kaitan dengan dasar subsidi pihak kerajaan. Bila kerajaan lepaskan ataupun kenaikan kos input semua ini di peringkat antarabangsa, maka secara automatik memang harga kos bahan-bahan ini di peringkat IPP atau TNB sekali gus naik juga. Soalnya ialah berapa banyak kerajaan hendak benarkan dan berapa banyak dia hendak *allow to flow in to the actual tariff*. Jadi ini diambil kira bagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Ini bukan sahaja kepada IPP tetapi juga kepada TNB. Hanya dasar sekarang ini kerajaan belum putuskan sampai berapa rendah jumlah subsidi yang dikurangkan. *So everybody is affected*, dengan izin.

Mengenai dengan soalan kedua iaitu perjanjian dan rundingan, ini pun sering kali dibangkitkan. Ini antara dua pihak. Pihak TNB dan pihak pemaju ataupun operator. Antara dua pihak ini, ini adalah perjanjian yang dianggap sulit. Jadi, ketetapan seperti sebelum ini masih kekal. Akan tetapi dalam rundingan khususnya dalam beberapa tahun ini, *bind rate* itu bukan menjadi sulit lagi. Dalam *companies*, dalam syarikat-syarikat yang berdaftar di Bursa Saham misalnya, isi kandungan perjanjian-perjanjian yang wajib diberitahu kepada *shareholders* dipaparkan dalam *annual reportnya*. Jadi sebenarnya bukan juga sukar mendapat maklumat-maklumat yang asas itu. Terima kasih.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Apakah *reserve margin* kita pada masa sekarang? Ini kerana saya ingat pada beberapa tahun yang lepas, ia pernah mencecah lebih kurang 55% tetapi ia akan menurun juga apabila pembangunan kita semakin berkembang. Jadi, adakah *reserve margin* ini akan meningkat berikutan kenaikan kadar tarif dan adakah kita masih berada di *comfort zone* iaitu pada paras yang sihat? Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam yang baru mendapat pingat PJN. Syabas dan tahniah kepada Setiausaha Agung Gerakan.

Bagi soalan yang dibangkitkan, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sebenarnya keadaan margin di peringkat nasional adalah dalam keadaan yang sebenarnya dalam perhatian pihak kerajaan .

#### ■1030

Saya ingin maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa hanya bagi tahun 2014, pihak Suruhanjaya Tenaga atau ST telah menyemak balik margin *installed capacity* yang ada di dalam semua penjana *plans* kita. Sebelum ini, yang terkini adalah sejumlah 450 kira-kira begitu, 449.9 MW adalah satu pengurangan dari segi *installed capacity*. Maka, *installed capacity* pada saat ini adalah sekadar jumlah 21,060 MW.

Namun, saya ingin maklumkan kepada Dewan bahawa dari segi perbezaan keadaan margin ini daripada tahun 2011 di mana *reserve margin* pada waktu itu adalah 6,341 MW atau pun hampir 41%. *Average actual operating reserve* sekadar 3,822 MW atau pun 24.7%, *operating reserve*. Itu *actual operating reserve* tetapi *plan operating reserve* ialah sekadar 2,300 MW atau pun 14.9%. *Plan spinning reserves* adalah 900 MW atau pun 5.8%. Bandingkan ini bagi tahun 2014 pada saat ini dan kita boleh lihat *situation* adalah perlu tindakan yang perlu.

Tahun 2014 bahawa kita lihat di sini *reserve margin* adalah 4,159 MW atau pun 24.6%. *Average plan operating reserve* adalah 2,300MW atau pun 13.6%. *Actual operating reserve* sekadar 1,510 MW atau pun 8.9%. *Just about 9% and plant spinning reserve* sekadar 900 MW daripada itu iaitu sekadar 5.3%. Keadaan sebenarnya dalam keadaan kurang sihat dari segi perbandingan *because of the reaction of plant* dan juga penjana-penjana yang sudah tua

khususnya yang *coal based* ini mula menimbulkan masalah-masalah pokok. Itulah, pada 7 Mei terjadi satu catuan yang cukup luas oleh kerana pada hari itu keadaan yang saya sebutkan tadi itu menjadi satu keadaan realiti di mana kedudukannya adalah -522 MW kerana beberapa penjana pada waktu itu dua-dua TNB dan juga IPP *became face outages*. Bagi tahun ini sahaja saya menerima maklum bahawa sudah enam kali kita *import power* daripada *Thailand* dan dua kali daripada *Singapore*.

Maka, ini telah membolehkan atau pun memaksakan pihak kerajaan meneliti balik kapasiti-kapasiti yang kita ada ini untuk memastikan kualiti bekalan elektrik sentiasa terjamin dalam keadaan yang baik. Atas itulah satu daripada langkah yang telah diambil yang dipersoalkan di Dewan kelmarin dan juga di surat khabar adalah yang mana perlu satu *phase 4A* yang 1,000 MW terpaksa dikedepankan dari tahun 2020 ke tahun pengeluaran 2018.

Dalam soal ini kerajaan telah mengambil ketetapan bahawa walaupun dalam *method* untuk memberi bidaan, kerajaan menggunakan tiga jenis bidaan terbuka, bidaan *selected tender*, atau pun *negotiate direct award* untuk mempercepatkan *on stream* pengeluaran tenaga kepada syarikat SIPP dan YTL, maka atas dasar-dasar ini dan atas keperluan-keperluan inilah ketetapan telah dibuat supaya bekalan elektrik negara terus terjamin dan dalam keadaan kualiti yang boleh mempunyai daya harap. Terima kasih.

**3. Tuan Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan negeri-negeri yang tidak mewartakan pemasangan Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH) bagi kawasan pembangunan baru sebagaimana dipersetujui dalam mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) pada 20 Mac 2012 dan nyatakan punca kerajaan negeri tidak mewartakan SPAH serta nyatakan kesan-kesan kegagalan negeri-negeri ini mewartakan SPAH khususnya bagi mengelakkan masalah gangguan bekalan air.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Sabak Bernam bersekali dengan soalan nombor 70 daripada Yang Berhormat Ipoh Barat kerana kedua-duanya berkaitan dengan isu sistem pengumpulan dan juga penggunaan semula air hujan atau pun SPAH.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Sabak Bernam dan juga Ipoh Barat, sistem pengumpulan penggunaan semula air hujan atau pun dikenali sebagai Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) adalah merupakan salah satu daripada *best management practice* dengan izin dalam pengurusan air yang berkesan. Melihat kepada kebaikan sistem SPAH ini Tuan Yang di-Pertua, maka kementerian telah pun membuat pindaan kepada Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) 1984 atau juga dikenali sebagai UBBL iaitu Undang-undang Kecil 2,10 dan 115 dan pindaan-pindaan ini telah pun dirunding dan dipersetujui secara bersama dengan kerajaan-kerajaan negeri dalam Majlis Mesyuarat Negara

bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-64 pada 23 Mei 2011 untuk mensyaratkan penggunaan sistem SPAH ini.

Buat masa ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan hanya mensyaratkan sistem SPAH ini untuk bangunan kediaman, rumah banglo dan juga rumah-rumah berkembar yang mempunyai keluasan bumbung 100 meter persegi atau pun lebih sahaja. Manakala bagi mana-mana bangunan yang berasingan, bukan jenis kediaman, juga yang mempunyai keluasan bumbung 100 meter persegi atau pun lebih secara amnya disyaratkan mengguna pakai kepada peruntukan yang ada. Air yang dikumpulkan ini melalui teknik SPAH ini boleh digunakan semula Yang Berhormat bagi tujuan selain daripada makan, minum atau pun non-potable dengan izin dan termasuklah juga untuk kegunaan kepada mana-mana sektor perladangan dan juga pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada kajian penyelidikan yang telah pun dijalankan oleh Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) menunjukkan sekurang-kurangnya 34% daripada jumlah penggunaan air bulanan isi rumah sebenarnya boleh digantikan dengan air hujan untuk dobi, *flush* dalam tandas dan juga untuk pembersihan di luar kawasan rumah.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, sehingga ini hanya enam buah negeri sahaja yang telah mewartakan pelaksanaan pindaan UKBS mengenai SPAH ini walaupun keputusan bersama telah dicapai dalam mesyuarat MNKT ke-64 pada 23 Mei 2011. Negeri yang telah pun mewartakan pelaksanaan pindaan UKBS mengenai SPAH ini ialah negeri Perak, Selangor, Johor, Melaka, Kelantan dan juga Perlis.

Saya dimaklumkan bahawa kerajaan-kerajaan negeri yang lain sedang mengambil langkah yang sama untuk mengambil kira beberapa pindaan yang akan dilakukan dalam UKBS yang lain dan seterusnya akan mewartakan secara bersekali. Harapan daripada pihak kementerian Tuan Yang di-Pertua supaya kerajaan-kerajaan negeri yang masih belum lagi mewartakan pelaksanaan bagi pindaan kepada mana-mana UKBS yang ada di peringkat negeri supaya dapat menyegerakannya untuk kebaikan dan kemudahan kepada rakyat.

Menjawab kepada kelewatian beberapa kerajaan negeri dalam menyesuaikan dan juga mewartakan pindaan UKBS mengenai SPAH ini sedikit sebanyak memberikan kesan seperti yang pertama Yang Berhormat berlakunya pembaziran air terawat yang sesuai untuk diminum di mana ianya turut digunakan untuk membasuh kenderaan, mencuci lantai dan lain-lain perkara yang luar dari kawasan keperluan untuk minuman kepada penghuni dalam rumah sedangkan untuk kegunaan-kegunaan tersebut Tuan Yang di-Pertua sebenarnya boleh digunakan melalui air hujan dalam takungan SPAH.

#### ■1040

Keduanya apabila tindakan ini tidak dilakukan maknanya tidak mendukung kepada pelaksanaan dasar teknologi hijau di Malaysia terutamanya dalam penggunaan air terawat di kawasan-kawasan industri bagi tujuan yang tidak memerlukan air terawat. Pelaksanaan SPAH ini Tuan Yang di-Pertua sebenarnya boleh membantu memelihara sumber air dan membantu

penjimatan tenaga elektrik di loji-loji rawatan air. Dari segi perspektif ekonomi pula Tuan Yang di-Pertua, penggunaan semula air hujan secara tidak langsung dapat mengurangkan bayaran bil-bil air sama ada kegunaan domestik, komersial atau pun industri.

Ia juga akan dapat mengurangkan penggunaan air terawat mengatasi masalah bekalan air dan seterusnya dapat memulihara sumber air dan mengurangkan kesan terhadap perubahan-perubahan kepada iklim.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan kepada UKBS, kementerian sedang menyediakan Panduan Pelaksanaan Inisiatif Sistem Pengumpulan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH) untuk membantu PBT merangka strategi melaksanakan inisiatif SPAH ini sama ada di dalam bangunan atau pun SPAH untuk landskap dan penyediaan panduan pelaksanaan ini merupakan rentetan daripada strategi-strategi yang terkandung dalam Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau yang telah diterbitkan oleh pihak kementerian pada tahun 2012.

Beberapa agensi yang lain juga turut terlibat secara langsung Tuan Yang di-Pertua dalam memperkenalkan dan melaksanakan penggunaan SPAH ini iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan juga Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM). Bagi negeri-negeri yang telah pun mewartakan UKBS mengenai dengan penggunaan SPAH ini, saya berharap supaya semua pihak berkuasa tempatan yang berkenaan akan melaksanakan program ini dengan sebaiknya kerana ia sedikit sebanyak akan memberikan impak yang positif terhadap pengurangan penggunaan air terawat di Malaysia.

Sekiranya Tuan Yang di-Pertua, PBT mendapati sesuatu projek baru tidak melaksanakan sistem penggunaan SPAH ini sebagaimana yang telah disyaratkan oleh pihak PBT, maka pihak PBT boleh mengambil tindakan untuk menarik balik CCC jika pemaju ingkar kepada arahan yang telah pun dikeluarkan dan boleh mengambil tindakan untuk menghantar mana-mana nama perunding, arkitek, jurutera ataupun perancang bandar kepada pertubuhan profesional yang berkaitan untuk menggantung lesen mereka. Saya amat berharap supaya mana-mana negeri yang belum lagi mewartakan supaya menyegerakannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Mohd Fasiah bin Mohd. Fakieh [Sabak Bernam]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan yang bernas tadi. Walaupun sudah dipersetujui dalam Majlis Mesyuarat Negara Bagi Kerajaan Tempatan pada Mac 2012 tetapi nampaknya hanya enam negeri sahaja yang telah diwartakan Pindaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

Soalan tambahan saya, selain pewartaan oleh negeri-negeri dan pindaan undang-undang kecil, saya ingin mendapat penjelasan setakat manakah pelaksanaan SPAH ini di negeri-negeri yang telah diwartakan? Saya khuatir kalau ia tidak dilaksanakan dengan berkesan akan menyebabkan kegagalan bagi mengatasi masalah kemelut bekalan air seperti yang berlaku di negeri Selangor.

Saya difahamkan sambutan yang kurang memuaskan daripada pemaju perumahan adalah berpunca daripada kos yang tinggi untuk memasang SPAH ini. Jadi apakah langkah kerajaan bagi mengurangkan kos pemasangan SPAH serta adakah kerajaan memberikan insentif yang sewajarnya kepada pemaju yang melaksanakan program SPAH ini. Sekian terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan tipikal ataupun normal, penggunaan air harian untuk satu isi rumah kepada Yang Berhormat Sabak Bernam dianggarkan lebih kurang 64% daripada penggunaan air tersebut sebenarnya boleh digantikan dengan air hujan di mana 22% daripada jumlah air yang ada digunakan untuk mencuci baju. Tuan Yang di-Pertua, 16% lagi sibuk mencuci kereta dan cucian dalaman dan luaran serta landskap mengambil lebih kurang 26% untuk tandas pula.

Kalau 64% yang ada dalam penggunaan air di rumah ini Tuan Yang di-Pertua dapat diselamatkan dengan penggunaan SPAH ini, maka secara tidak langsung penggunaan air harian dalam satu isi rumah itu akan dapat digunakan hanya untuk makanan dan minuman. Selainnya boleh digunakan melalui air hujan dalam kerangka program SPAH ini.

Purata kos untuk pemasangan SPAH di premis ini Tuan Yang di-Pertua ia adalah lebih kurang antara RM2,000 hingga RM5,000, mahal. Kalau kita tanya kenapa sampai RM2,000 hingga RM5,000? Mahalnya kerana apa Tuan Yang di-Pertua, ia mahal kerana komponen SPAH ini dalam bangunan atau pun di rumah yang hendak dipasangkan bernilai antara RM2,000 hingga RM5,000. Tuan Yang di-Pertua ia bukan sahaja pasang begitu sahaja tetapi dia mempunyai lima komponen asas yang perlu kita sediakan untuk kita laksanakan SPAH di rumah-rumah atau pun di bangunan-bangunan:

- (i) Kita perlukan *catchment area*, kawasan permukaan untuk kita kumpulkan air;
- (ii) *Conveyance* saluran paip yang kita salurkan air hujan daripada kawasan tadahan ke dalam tangki untuk simpan air hujan;
- (iii) *First flush* sistem untuk kita tapis dan mengeluarkan bahan-bahan kotor, sampah dan sebagainya;
- (iv) *Storage stand* dengan izin tangki untuk kita tangkung air hujan tersebut; dan
- (v) *Distribution*, sistem untuk salurkan air hujan itu untuk kegunaan harian dalam kawasan rumah kita.

Jadi oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, maka kosnya adalah tinggi antara RM2,000 hingga RM5,000 yang dicadangkan apabila perlu dipasangkan unit SPAH ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, cadangan Yang Berhormat tadi adakah kerajaan akan memberikan insentif khusus kepada pemaju untuk pelaksanaan SPAH ini? Ini merupakan cadangan yang baik Yang Berhormat. Saya akan bawa balik cadangan Yang Berhormat ini

kepada pihak kementerian untuk kita lihat apakah bentuk insentif yang boleh kita berikan yang bersesuaian kepada pemaju supaya pemaju akan pasang SPAH ini walaupun telah disyaratkan dalam UKBS yang ada.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat di samping SPAH ini merupakan air alternatif, ia akan menyelamatkan bekalan air terawat. Saya mengharapkan mudah-mudahan bekalan air yang berkaitan dengan kemelut bekalan air yang berlaku baru-baru ini di negeri Selangor, walaupun Selangor telah mewartakan pindaan UKBS ini. Selangor perlu memastikan supaya pelaksanaan SPAH ini akan dapat dibuat secara menyeluruh terutama kepada semua bangunan baru yang telah diwajibkan penggunaan SPAH.

Sekiranya ini berjaya untuk dilakukan Tuan Yang di-Pertua, maknanya secara tidak langsung masalah gangguan bekalan air terawat seperti yang berlaku di Selangor ini sedikit sebanyak akan dapat mengurangkan beban rakyat. Saya juga hendak mengingatkan kepada kerajaan negeri apabila berlaku masalah bekalan air jangan asyik tuding jari, hendak salahkan Kerajaan Persekutuan. Bila ada masalah bekalan air di negeri, jangan hendak salahkan Kerajaan Persekutuan kerana apa Yang Berhormat...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Ini cakap politik Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Ini bukan cakap politik. *I'm just cautioning the state government* kerana kita sudah keluarkan garis-garis panduan. Garis-garis panduan telah pun kita keluarkan dan Kerajaan Pusat sudah banyak buat kajian dan usaha untuk kita menggunakan sumber air yang ada. Jadi laksanakanlah SPAH ini dengan jayanya. *Insya-Allah* ia akan dapat mengurangkan bebanan kepada masalah isu air yang sedang berlaku di negeri Selangor. Terima kasih banyak-banyak.

**Seorang Ahli:** Johor pun sama.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Johor tidak ada masalah air. Angkat tengoklah sedikit.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan terima kasih dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri di atas ketegasan untuk memastikan rawatan air khususnya di negara kita dapat dijaga.

Saya ingin memohon penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah contoh-contoh negara di luar yang telah mewajibkan penggunaan SPAH? Kedua, apakah objektif utama dan tujuan pembangunan garis panduan reka bentuk sistem SPAH ini yang telah dikenal pasti sebagai satu sistem pengurusan air yang berkesan, lestari dan kos efektif dalam jangka masa panjang terutama sekali dalam negara kita. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap semua jawapan yang diberikan oleh kerajaan ini dia tidak berunsur sama sekali dengan niat untuk dipolitikkan jawapan itu.

■1050

Jadi, apa juga jawapan yang dibentangkan dalam sidang Parlimen ini ia adalah merupakan komitmen Kerajaan Persekutuan kepada rakyat di negeri-negeri. Saya harap Yang Berhormat Gombak faham masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab kepada Yang Berhormat Kuala Selangor tadi. Yang Berhormat, selain daripada melihat kepada pengalaman kajian-kajian yang telah dilakukan di luar negara, pihak-pihak NAHRIM sendiri telah pun melakukan kajian-kajian. Antara kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh pihak NAHRIM yang pertama ialah pemasangan SPAH di rumah teres dua tingkat Taman Wangsa Melawati, Kuala Lumpur. Sudah pasang untuk dijadikan projek perintis dan berjaya. Hasil daripada kajian itu Yang Berhormat, kita dapatiti bahawa ia telah menunjukkan purata isi rumah dapat menjimatkan air sebanyak 34% daripada bil air melalui penggunaan SPAH ini.

Keduanya, hasil daripada penyelidikan yang dijalankan ke atas SPAH rumah teres dua tingkat Taman Wangsa Melawati, Kuala Lumpur ini. Ia juga telah menunjukkan bahawa kualiti air hujan bagi sistem ini, ia memenuhi *National Water Quality Standards* dengan izin, yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar untuk Malaysia dan sesuai untuk kegunaan umum. Itu yang pertama. Kajian yang kedua yang dilaksanakan oleh NAHRIM ialah SPAH di Rumah Panjang Bair Betong, Sarawak fasa I dan fasa II tahun 2012.

Objektifnya, kita hendak tengok sama ada air hujan ini boleh dijadikan sebagai bekalan air alternatif dan sebagainya. Hasil daripada kajian yang dijalankan oleh NAHRIM di SPAH Rumah Panjang Bair Betong, Sarawak bagi fasa I dan fasa II, kita dapatiti Tuan Yang di-Pertua bahawa SPAH membekalkan air tambahan kepada penduduk dan dapat mengurangkan kebergantungan air daripada air sungai yang sering menjadi masalah dari segi kuantiti dan juga kualiti semasa musim kemarau dan banjir dan kapasiti bekalan sehingga 21 hari sebulan.

Keduanya ialah ia mengurangkan kebergantungan penduduk rumah panjang tersebut terhadap air sungai dan selain daripada itu dapat menyatakan hasil daripada kajian bahawa air hujan yang berkenaan boleh juga digunakan untuk minuman. Jadi, selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, sistem ini telah mendapat sambutan dalam pelaksanaan di negara-negara seperti di Amerika Syarikat, Jepun, China, Brazil, Jerman, India dan lain-lain. Malah di New Delhi dan Chennai, India sistem penuaian air hujan ini diwajibkan untuk setiap perancangan pembangunan yang memerlukan kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan.

Jadi, apa yang saya hendak tegaskan Yang Berhormat, keputusan yang dijalankan oleh kerajaan di peringkat pusat Ini adalah satu keputusan yang tepat untuk membantu rakyat

mengurangkan kos kepada mana-mana bil air yang ada dan air hujan boleh digunakan melalui sistem pelaksanaan SPAH ini. Terima kasih Yang Berhormat.

4. **Puan Teo Nie Ching [Kulai]** minta Menteri Kesihatan menyatakan pendekatan untuk menggalakkan penyusuan susu ibu dan cara untuk membantu golongan ibu bekerja yang menyusu badan.

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaksanakan pelbagai pendekatan untuk menggalakkan amalan penyusuan susu ibu di kalangan ibu-ibu di Malaysia terutamanya kepada ibu yang bekerja. Antara inisiatif yang dijalankan oleh kementerian dengan kerjasama agensi kerajaan dan bukan kerajaan ialah seperti melaksanakan inisiatif Hospital Rakan Bayi di hospital-hospital kerajaan dan swasta bermula pada tahun 1992. Inisiatif ini dapat membantu ibu-ibu memulakan penyusuan susu ibu semasa di hospital dan meneruskannya setelah kembali ke rumah.

Semua hospital kerajaan telah mencapai status Hospital Rakan Bayi dan ia sedang dimantapkan ke hospital swasta. Sehingga Disember tahun lalu sebanyak 132 buah hospital kerajaan dan 12 buah hospital swasta telah diiktiraf sebagai Hospital Rakan Bayi. Menggalakkan penubuhan kumpulan sokongan penyusuan susu ibu di peringkat hospital, klinik dan komuniti sehingga Disember 2013 terdapat 385 kumpulan sokongan yang ditubuhkan di peringkat hospital dan klinik. Sementara itu 42 kumpulan sokongan baru pula telah ditubuhkan di peringkat komuniti pada tahun 2012 dan tahun 2013.

Ketiga ialah untuk menggalakkan tempat-tempat kemudahan awam termasuk pusat membeli belah untuk menyediakan kemudahan bagi ibu menyusukan bayi. Data terkini daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menunjukkan terdapat sejumlah 148 tempat-tempat kemudahan awam yang telah menyediakan kemudahan ini dan kerajaan pun menggalakkan pihak majikan kerajaan dan swasta menyediakan tempat penjagaan anak atau *creche* di tempat kerja serta menyediakan kemudahan penyusuan susu ibu di tempat kerja.

Dari segi sokongan sosial pula, inisiatif yang telah dilaksanakan ialah memberi kelonggaran kepada pekerja wanita dalam sektor awam untuk mengambil cuti bersalin 60 hingga 90 hari untuk setiap kelahiran dari jumlah cuti bersalin 300 hari sepanjang perkhidmatan mereka. Pihak kementerian sentiasa bekerjasama dan menjalankan usaha yang berterusan dengan semua pihak terutamanya pihak media bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan susu ibu dan peranan mereka dalam menyokong dan menggalakkan amalan penyusuan susu ibu di Malaysia. Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pada mulanya saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri juga kerana kedua-dua anak saya adalah dilahirkan di Hospital Serdang dan saya pun

mula penyusuan susu ibu di Hospital Serdang. Jadi, di sini saya ingin menyatakan penghargaan saya kepada pihak hospital dan juga kepada pihak kementerian. Akan tetapi saya rasa cabaran yang dihadapi oleh golongan ibu adalah walaupun kita boleh mulakan penyusuan susu ibu di hospital dan juga di rumah apabila kita masih menikmati cuti bersalin tetapi cabaran yang kita hadapi, kami hadapi adalah semasa kita balik ke tempat kerja di mana kebanyakannya ataupun kita cakap ada segolongan majikan yang tidak menghormati hak seseorang ibu untuk teruskan penyusuan susu ibu.

Jadi, di sini saya ingin mencadangkan kepada kementerian sama ada kita boleh mencontohi USA ataupun Filipina. Di mana di USA sudah ada *Fair Labor Standards Act 2010* (FLSA) dengan izin dan juga di Filipina juga satu akta yang dipanggil *Expanded Breastfeeding Promotion Act of 2009* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Di mana majikan adalah diwajibkan untuk menyediakan satu bilik ataupun satu tempat untuk golongan ibu bagi memerah susu dan juga diwajibkan untuk mengizinkan golongan ibu ini, satu *break* ataupun waktu rehat yang tidak melebihi 30 minit sekali ataupun 20 minit sekali untuk memerah susu.

Ini kerana hakikat adalah golongan ibu ini di tempat kerja, kadangkala mereka ditegur oleh majikan mereka ataupun *manager* mereka apabila mereka hendak memerah susu di tempat kerja. Jadi, saya rasa kalau kita hendak menggalakkan golongan ibu untuk terus memberi susu ibu kepada anak mereka sekurang-kurangnya enam bulan ataupun sampai dua tahun, saya rasa kita perlulah mewujudkan satu tempat di tempat kerja yang lebih *mother friendly*. Itu cadangan saya dan saya harap boleh dapat *respond* daripada Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat kerana telah memberi cadangan-cadangan yang bernes yang selaras dengan pendekatan kementerian dan selaras dengan dasar kerajaan. Kita daripada segi dasar-dasar kerajaan ialah untuk menggalakkan dan seboleh-bolehnya memastikan bahawa para ibu menyusu bayi mereka sekurang-kurangnya untuk enam bulan dan kalau bolehnya sepanjang dua tahun selepas lahir.

Saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat, di dalam cabaran yang dihadapi oleh para ibu khususnya selepas habis tempoh kerja mereka, tempoh cuti bersalin mereka tetapi di sektor awam ada perkembangan. Ini kerana di sektor awam walaupun dahulu cuti bersalin hanyalah untuk 60 hari saja tetapi ada dasar yang baru yang telah memberikan kelonggaran untuk para penjawat awam supaya mereka boleh memilih daripada 300 hari yang diberi di dalam tempoh sepanjang mereka kerja, so mereka boleh pilih.

## ■1100

Kalau mereka pilih tiga orang anak sahaja, mereka boleh pilih untuk mengambil tiga bulan cuti bersalin dengan gaji dan pilihan untuk dapat lima bulan lagi tanpa gaji yang boleh memberi mereka peluang supaya mereka boleh terus dengan budaya menyusu anak mereka di dalam rumah. Akan tetapi di dalam tempat kerja walaupun dasar-dasar daripada kerajaan jelas untuk menggalakkan pihak majikan untuk menyediakan ‘creche’ dan tempat yang sesuai di mana

penyusuan boleh diteruskan semasa waktu kerja atau tempat untuk memerah susu seperti yang telah dicadangkan sebagai penggalakan.

Akan tetapi saya setuju kita tidak sampai ke peringkat untuk mewajibkan itu melalui undang-undang supaya tiap-tiap ini ialah satu pandangan yang ada di dalam pandangan kementerian juga dan di pandangan kerajaan. Kita akan bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat supaya kita boleh membawa harapan dan kerajaan sebagai satu dasar supaya para ibu di dalam negara kita boleh mendapat peluang untuk menyusu anak mereka di dalam satu keadaan yang selesa, sekurang-kurangnya untuk enam bulan selepas lahir. Terima kasih.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya hendak mohon penjelasan mengenai pendirian dan peranan yang dibuat, yang dimainkan oleh Kementerian Kesihatan berkaitan dengan trend di kalangan bakal-bakal ibu yang memilih untuk melahirkan anak mereka di rumah seperti yang dipromosikan di Europe. Memandangkan apabila dia melahirkan anak-anak mereka di rumah, mungkin terdapat komplikasi dan juga mungkin ada risiko ketika bersalin. Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai perkara ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Untuk menjawab soalan itu kita kena memahami proses. Proses selepas seorang ibu sudah mengandung sampai mereka bersalin. Di dalam proses itu kita melalui banyak tahap. Di mana satu ialah pendidikan para ibu tentang kesihatan mereka semasa mengandung dan persiapan di dalam sistem untuk memastikan bahawa kalau mereka bersalin di dalam rumah adakah ia selamat atau tidak selamat? Ini yang paling mustahak. Kita kena memastikan bahawa sistem kita ada kawalan yang mencukupi untuk memastikan kalau mereka bersalin di rumah itu masih selamat daripada semua segi.

Pada masa sekarang, pendirian kerajaan ialah seboleh-bolehnya untuk anak pertama bersalin di dalam tempat yang terkawal seperti hospital atau di dalam rumah-rumah bersalin yang diiktiraf. Ini kerana kebanyakan komplikasi yang banyak datang di dalam persalinan anak yang pertama. Untuk anak yang ketiga, keempat, risiko itu kurang dan di dalam itu kita boleh menggalakkan mereka bersalin di rumah seperti yang telah dibuat untuk di dalam masa dahulu di mana bidan-bidan di dalam kampung pun telah berjaya.

Ini kerana kadang-kadang bersalin anak ialah satu proses yang normal, yang cuma memerlukan sedikit bantuan dan sokongan daripada pihak-pihak yang lain. Akan tetapi mungkin di dalam 90%, semuanya akan dijalankan secara baik tetapi ada 10% di mana ada risiko. Kalau risiko ini berlaku mesti ada kemudahan-kemudahan yang berdekatan supaya kita boleh menyelamatkan ibu itu. So, cadangan Ahli Yang Berhormat, cadangan yang baik tetapi kena

dilihat daripada persepsi kemudahan-kemudahan yang tersedia ada supaya kita boleh mengurangkan risiko kepada ibu dan anak kalau ada apa-apa komplikasi yang wujud semasa bersalin berlaku di dalam rumah. Terima kasih.

5. **Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan perkembangan perbincangan serta resolusi yang telah dipersetujui oleh pihak Kementerian dengan syarikat konsesi tol berikut daripada laporan kerugian yang diterima oleh syarikat konsesi tol yang beroperasi di Lembah Klang. Adakah resolusi tersebut mengambil kira kaedah terbaik untuk mengurangkan beban pengguna.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya bersama-sama dengan Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS-JPM), Kementerian Kewangan dan Jabatan PEGUAM Negara sedang membuat kajian yang menyeluruh berhubung isu-isu berkaitan konsesi tol lebuh raya sedia ada di negara ini.

Kajian ini telah memperincikan beberapa cadangan tol yang bersesuaian seperti penstrukturran semula kadar tol dengan mengambil kira kos operasi, kos penyelenggaraan, jumlah trafik, keuntungan atau kerugian syarikat-syarikat konsesi terbabit. Ia turut melibatkan cadangan pindaan terhadap terma-terma perjanjian konsesi sedia ada. Di mana ini memerlukan persetujuan kedua-dua pihak iaitu pihak kerajaan dan pihak konsesi.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu pada masa kini beberapa siri rundingan telah diadakan dengan syarikat-syarikat konsesi lebuh raya berkaitan. Rundingan tersebut bertujuan untuk mencari kaedah penyelesaian jangka pendek, sederhana dan jangka panjang berkaitan dengan isu tol. Prinsip utama rundingan ialah berdasarkan kepada situasi menang-menang kepada semua pihak iaitu pertamanya sudah tentu kepada rakyat, kerajaan, syarikat konsesi, pelabur dan pemberi pinjaman. Hasil rundingan dengan syarikat-syarikat konsesi ini dijangka akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri dalam tempoh masa terdekat untuk pertimbangan dan kelulusan. Itu sahaja jawapan saya, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh nafikan satu perkara bahawa expressway ataupun lebuh raya di Malaysia ini adalah yang terbaik di Asia Tenggara, yang ketiga terbaik di Asia dan kelima terbaik di dunia. Akan tetapi dalam masa yang sama kita juga tidak boleh nafikan masalah kutipan tol ini yang berbelas-belas di Lembah Klang ini. Contohnya, BESRAYA Sdn. Bhd., Syarikat Mengurus Air SMART Tunnel, NKVE, GRAND SAGA, SPRINT, New Pantai Expressway, Lingkaran LDP, LATAR, SILK dan sebagainya. Dalam masa yang sama, ini belum saya katakan lagi tentang *under planning*. Contohnya, *highway* seperti KIDEX ataupun Sungai Besi-Ulu Klang dan sebagainya.

Soalan saya, sekiranya kerajaan dapat memperuntukkan sebanyak RM36.6 bilion untuk membina MRT dengan jajaran sebanyak 150km. Adakah kerajaan bercadang untuk memperuntukkan sebahagian daripada belanjawan negara untuk mengambil alih tiap-tiap tahun, mungkin satu atau dua tol. Dalam masa yang sama mengekang daripada mana-mana konsesi tol yang telah melebihi perkiraan kenderaan yang melalui tol mereka seperti mana sebelum perjanjian ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa di atas soalan tambahan. Memang soalan tambahan ini soalan yang saya kira cukup baik. Terima kasih juga kerana Ahli Yang Berhormat memperakui bahawa kita sebenarnya mempunyai jajaran lebuh raya yang baik. Yang Berhormat, terima kasih banyak-banyak.

Namun Yang Berhormat, atas cadangan Yang Berhormat kepada kementerian, kerajaan sebenarnya belum bercadang untuk melaksanakan seperti yang dicadangkan itu Yang Berhormat. Ini kerana sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, kita perlu melihat perkara ini secara holistik, Yang Berhormat ya. Dalam melihat perkara ini juga kita tidak boleh bertindak secara populis. Ini kerana dalam jangka panjang apabila tindakan kita salah, ia sudah tentu memberikan implikasi negatif kepada negara kita dan kepada rakyat secara keseluruhan.

Antara sebab mengapa kita memperkenalkan konsep penswastaan dalam pembinaan lebuh raya Yang Berhormat, adalah antaranya untuk mengurangkan bebanan kerajaan. Di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara dengan penyertaan pihak ataupun sektor swasta dalam pembangunan negara kita.

#### ■1110

Sekiranya kerajaan mengambil langkah seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi, sudah pasti ia akan melibatkan implikasi kewangan yang besar dan sudah pasti ia akan juga membantutkan usaha kerajaan di dalam membangunkan sektor-sektor yang memerlukan perhatian dan juga sumbangan kerajaan, terutama sekali pembangunan luar bandar Yang Berhormat.

Namun pada masa yang sama saya ingin juga menyatakan bahawa sebagai sebuah kerajaan yang berkredibiliti, kerajaan pada masa yang sama perlu menghormati terma-terma perjanjian yang telah ditandatangani bersama pihak swasta. Ini kerana perjanjian kerajaan dan pihak swasta. Kerajaan juga perlu menjaga imej serta reputasi kerajaan di kalangan negara-negara luar dan juga pelabur-pelabur asing. Namun Yang Berhormat, saya juga ingin menyatakan di sini seperti yang saya nyatakan pada jawapan asal, pihak kerajaan akan sentiasa meneruskan meneliti serta mengkaji mekanisme yang terbaik Yang Berhormat.

Saya tidak katakan cadangan Yang Berhormat tidak merupakan – ini merupakan juga cadangan yang perlu kita teliti. Namun, apa yang penting pada kementerian ia haruslah mewujudkan situasi *win-win* ataupun menang-menang dengan izin. Sudah tentu hasil daripada kajian ini seperti juga Yang Berhormat ketahui kita sedang dalam proses perbincangan dengan

syarikat-syarikat konsesi. Hasil ini akan dibentangkan di peringkat Majlis Ekonomi dan seterusnya dibentangkan di Jemaah Menteri untuk kelulusan.

Jadi sudah tentu apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat itu akan diambil maklum. Bagi menjawab soalan yang kedua yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, terima kasih di atas cadangan tersebut. Di dalam soal ini Yang Berhormat sebelum sesuatu perjanjian konsesi ditandatangani kita sering melakukan kajian unjuran atau *forecast traffic* yang dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat di dalam setiap perjanjian konsesi. Berdasarkan kajian ini Yang Berhormat, selalunya pihak kerajaan dan pihak konsesi akan mengetahui keupayaan untuk membayar balik pinjaman oleh pihak konsesi itu. Kita ada *forecast*, kajian *forecast* Yang Berhormat.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga kenaikan kadar tol tidak akan dilaksanakan secara automatik. Di mana di dalam setiap perjanjian konsesi, terutama sekali perjanjian konsesi generasi kedua dan yang terkini, pihak kerajaan telah mewujudkan elemen *toll review mechanism* dengan izin. Melalui kaedah ini Yang Berhormat kenaikan kadar tol seterusnya akan ditentukan oleh semakan jumlah hasil tol sebenar berbanding dengan hasil tol dalam perjanjian konsesi itu. Jadi, hak untuk menaikkan tol itu bukan terletak kepada syarikat konsesi. Ia tidak dilakukan secara automatik. Ia masih di *subject* dengan izin, kepada *toll mechanism review* yang saya nyatakan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri. Kita guna tol sebab kita hendak cepat. Kadang-kadang kita guna jalan tol sampai pun lewat sebab kemalangan yang berlaku di tengah-tengah lebuh raya. Jadi pengalaman saya sendiri bukan – mungkin pengalaman orang lain pun sama. Pengalaman saya sendiri pun banyak kali kita lihat antaranya contoh seperti mana daripada Ipoh ke Tol Changkat Jering. Apabila berlaku kemalangan kadang-kadang makan masa sampai dua jam perjalannya.

Persoalan saya apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak PLUS ataupun pengendali lebuh raya dan di dalam untuk meleraikan soal *jammed* ataupun kesesakan akibat daripada kemalangan tersebut? Apakah SOP yang dibuat oleh pihak pengendali lebuh raya seperti mana buka laluan bertentangan yang perlu ada masa yang kita rasakan masa itu mesti masa yang singkat. Oleh sebab kita minyak petrol kita kena bayar, kemudian tol kita kena bayar, jadi ini sudah tentu membebankan kepada pengguna.

Maka soalan saya, saya hendak tanya ialah apakah ada di sana SOP yang dibuat oleh pihak pengendali lebuh raya bagi mengatasi masalah kesesakan terutamanya apabila berlaku kemalangan di tengah-tengah lebuh raya. Kadang-kadang berlaku kemalangan di lebuh raya ini lebih dahsyat kesesakannya berbanding dengan jalan biasa kerana kita boleh lalu melalui jalan yang lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang di atas soalan yang juga saya kira begitu baik sekali untuk kita kongsi bersama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat sebelum saya jawab secara terperinci, saya ingin maklumkan tanggungjawab syarikat konsesi yang termaktub dalam perjanjian konsesi adalah antara lainnya adalah untuk memastikan pengendalian lebuh raya itu dilaksanakan oleh pihak konsesi mengambil kira soal-soal seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai kemalangan tadi.

Antara usaha-usaha yang sentiasa dilaksanakan bukan sahaja oleh pihak PLUS sahaja Yang Berhormat tetapi juga syarikat-syarikat konsesi yang lain. Tanggungjawab mereka yang paling utama adalah sentiasa memastikan lebuh raya itu berada dalam keadaan yang baik melalui kerja-kerja penyelenggaraan yang sentiasa dilakukan.

Keduanya adalah usaha-usaha menaik taraf perkhidmatan yang ada di lebuh raya terutama sekali R&R contohnya. Paling penting yang saya ingin tekankan adalah pihak konsesi juga perlu memastikan jalan yang berada di dalam lebuh raya itu sentiasa di selenggara dan di baik pulih. Untuk kawasan-kawasan *black spot* juga Yang Berhormat audit sentiasa dilaksanakan. Di mana melalui audit ini pihak konsesi akan dapat memastikan kawasan-kawasan *black spot* yang perlu diperbaiki atau di naik taraf ataupun di selenggara. Jadi perkara-perkara ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab pihak konsesi yang perlu dilaksanakan sepanjang tempoh konsesi Yang Berhormat.

Sudah tentu untuk masalah *disperse of traffic* dengan izin, banyak perkara yang boleh dilakukan oleh pihak konsesi. Antaranya adalah dengan mewujudkan persimpangan-persimpangan untuk memastikan *flow traffic* itu dapat dialihkan daripada kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan dari segi unsur trafiknya. Ini juga sentiasa dilakukan. Contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat iaitu Ipoh ke Changkat Jering, saya akan maklumkan Yang Berhormat tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak PLUS untuk mengurangkan kadar trafik yang wujud terutama sekali kawasan yang melibatkan jajaran yang telah disebutkan tadi secara bertulis Yang Berhormat.

Ini kerana banyak usaha yang dilakukan oleh pihak PLUS apa juga syarikat-syarikat konsesi untuk memastikan lebuh raya kita, bukan sahaja yang seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiawangsa antara yang terbaik tetapi juga untuk memastikan keselamatan rakyat Malaysia itu terjamin Yang Berhormat. Itu sahaja Jawapan saya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

6. **Dr. Haji Izani bin Haji Husin [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:-

- (a) apakah punca kelewatan projek Retikulasi Bekalan Air Bersih di Mukim Peralla, Tanah Merah yang sepatutnya siap dan berfungsi sejak tahun 2012; dan
- (b) berapakah kos sebenar bagi keseluruhan Projek Retikulasi Bekalan Air Bersih tersebut.

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat daripada Rantau Panjang untuk...

**Tuan Yang di-Pertua:** Pengkalan Chepa.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Pengkalan Chepa... *[Disampuk]* Untuk makluman Yang Berhormat Projek Retikulasi Bekalan Air Bersih di Mukim Peralla, Tanah Merah adalah termasuk di bawah Projek Bekalan Air Luar Bandar, Sistem Retikulasi Negeri Kelantan 2011/2012, Zon 2E. Projek ini telah disiapkan pada 31 Mac 2013. Walau bagaimanapun dalam tempoh tanggungan kecacatan kontrak, kontraktor perlu memperbaiki baki kecacatan ataupun kerosakan seperti teguran yang dibuat oleh pihak berkuasa air negeri iaitu pihak AKSB. Dalam hal ini Loji Rawatan Air Peralla yang dibina di bawah pakej projek telah diterima oleh pihak AKSB pada 24 Februari 2014 dan seterusnya kerja-kerja *tapping* ke rumah-rumah khususnya ke Kampung Peralla 1 dan 2 hanya dapat dilaksanakan selepas loji tersebut beroperasi.

#### ■1120

Walau bagaimanapun, buat masa ini kerja-kerja *tapping* ke rumah-rumah di Kampung Peralla 1 dan 2 masih belum disiapkan sepenuhnya oleh kontraktor kerana kontraktor menghadapi masalah kewangan untuk menyiapkan projek. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak ketiga akan dilantik sekiranya kontraktor gagal mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh kementerian dan projek ini dijangka akan dapat disiapkan pada September 2014.

Kos Projek Bekalan Air Luar Bandar Sistem Retikulasi Negeri Kelantan tahun 2011-2012 adalah sebanyak RM18.6 juta. Terima kasih.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri yang menjawab. Soalan ini timbul daripada hasil rungutan rakyat daripada Peralla dan masuk dalam *Sinar Harian* pada Februari 2014. Jadi saya melihat sering kali kontrak-kontrak kerajaan berlaku kelewatan yang agak melampau dan juga penyudahan (*finishing*) yang tidak begitu baik dan ini memberi kesan yang sangat negatif kepada kerajaan sendiri dan juga akan merugikan pengguna sedangkan setiap kontrak itu mempunyai terma-terma kontrak yang tertentu. Jadi soalan saya ialah, kenapa benda ini berlaku. Adakah kerana pemantauan daripada kementerian yang lemah atau adakah pemilihan kontrak yang tidak betul ataupun apa masalahnya.

Jadi soalan saya, apakah mekanisme-mekanisme untuk memastikan bahawa kontrak-kontrak kerajaan ini berlaku mengikut terma-terma yang tertentu dalam mana-mana kontrak.

Yang kedua, saya mohon soalan ini agak lari sikit daripada soalan asal yakni mengenai keadaan sistem air di Kelantan di mana kalau kita perhatikan bahawa paip-paip, keseluruhan paip-paip air di Kelantan ini terdiri daripada paip lama iaitu daripada jenis asbestos simen yang mana yang berusia lebih daripada 30 tahun yang kita tengok sekarang apabila telah ditambah baik loji-loji air ini, maka apabila Air Kelantan menyalurkan air dalam tekanan yang agak tinggi maka paip-paip ini akan pecah. Justeru itu, untuk mengatasi perkara ini, Air Kelantan telah memohon peruntukan daripada Kementerian sebanyak RM400 juta untuk projek tahun 2014 hingga 2018. Untuk itu, saya ingin tanya apakah status permohonan tersebut. Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Dia ada dua soalan, pertamanya ialah proses tender yang kita lakukan. Ini merupakan salah satu tender yang dilakukan secara terbuka dan kebiasaan pelaksanaan ini kita amalkan berdasarkan dengan beberapa perkara yang menjadi pertimbangan lembaga tender yang ada. Saya yakin kontraktor ini juga saya difahamkan melaksanakan beberapa projek yang dikendalikan oleh kerajaan negeri. Jadi maknanya kontraktor ini ada sedikit sebanyak pengalaman dan keupayaan mereka dan daripada segi proses pelaksanaan, saya yakin bahawa di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar walaupun saya akui ada sedikit sebanyak projek yang tertangguh tapi kita pantau dengan secara mendalam. Kita tegaskan kalau sekiranya kontraktor itu gagal melaksanakan dalam tempoh yang kita letakkan, maka kita akan tamatkan.

Kita akan mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah seperti yang saya sebutkan. Kita jangka akan disiapkan pada bulan September tahun ini dan kerana ada beberapa kandungan yang telah pun kita masukkan dalam perjanjian dengan kontraktor, kalau mereka gagal, ada wang jaminan yang kita masih tidak bagi dan itu akan memulihkan kita melaksanakan.

Sebenarnya masalah di kawasan Peralla ini oleh kerana bukan masalah loji. Loji dah siap dah, paip pun kita dah sambung dah. Masalahnya dah hampir 200 rumah yang hendak memohon dan di antaranya ada 100, kita dah pasang dah 296 meter *tap* di kawasan itu melebihi daripada kapasiti. Yang bermasalah hampir 146 yang perlu kita sambung, nak sambung sahaja. Lepas dia sambung sahaja oleh kerana mereka ini memohon kepada kerajaan negeri nak pasang supaya meter. Sekali kita sambung, masalah dia nanti *leakages* dengan izin. Kita takut nanti ada kecurian. Ini akan membebankan kerajaan negeri pula kerana hasil tak mencukupi. Jadi maka dengan itu kita bekerjasama dengan kerajaan negeri di peringkat pihak berkuasa air negeri Kelantan untuk kita dapat selaraskan bagaimana mengatasi masalah ini sebelum kita nak sambung ke paip itu, meter kena kerajaan negeri lakukan kerana pemasangan meter itu merupakan tanggungjawab pihak kerajaan negeri.

Kita hanya menyediakan contohnya loji air dan juga paip yang ada ke kampung-kampung dan *the end part of it* dengan izin, iaitu pemasangan meter pihak berkuasa negeri kerana mereka akan mengutip hasil, bukan Kerajaan Pusat yang akan mengutip hasil akhirnya. Maka dengan itu saya yakin perkara ini kita boleh atasi. Jadi Yang Berhormat jangan bimbang sangat. Pihak kementerian akan melakukan yang terbaik untuk para penduduk yang ada. Cuma saya minta supaya kontraktor ini dah kita maklumkan dan kalau gagal, pihak ketiga kita akan laksanakan untuk mengambil tindakan seterusnya dan saya berharap sungguh supaya pihak berkuasa bekalan air negeri Kelantan akan membantu kita untuk mengatasi masalah ini.

Yang masalah daripada segi kedua tadi, daripada segi apa Yang Berhormat katakan. Banyak permohonan daripada kerajaan-kerajaan negeri sebenarnya iaitu daripada segi paip yang agak lama, yang usang dan ada hasil yang tak ada dan perlu diperoleh oleh kerajaan-kerajaan negeri termasuk dari Perlis, termasuk dari Kelantan. Oleh kerana keterbatasan kewangan yang kita hadapi, saya juga berharap kerajaan negeri boleh membantu kita kerana di situ bukan hanya kutipan hasil yang diperolehi oleh kerajaan negeri menurun, ada juga *leakages*. Baik pulih paip-paip yang dah begitu usang untuk membolehkan supaya ada kerjasama baik di antara kerajaan negeri dan saya di peringkat kementerian saya, insya-Allah kita akan bantu bagaimana untuk mengatasi masalah daripada segi bagaimana penukaran paip-paip.

Bukan hanya di Kelantan dan di Perlis, banyak negeri lagi termasuk di kawasan saya sendiri pun contohnya paip yang dah begitu usang dah, 30 tahun ke 40 tahun yang perlu pembaikan. Namun sebenarnya kalau mengikut amalan biasa, itu merupakan tanggungjawab kerajaan negeri tetapi kerajaan pusat amat prihatin kerana ini membabitkan kepentingan rakyat dan kita akan sudi membantu bagaimana untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga berterima kasih kepada Yang Berhormat Pengkalan Chepa lahir kerana kawasan Peralla ini sebenarnya kawasan Parlimen saya. Jadi Yang Berhormat Pengkalan Chepa ini prihatin kepada Tanah Merah, terima kasihlah.

Yang Berhormat Menteri, soalan tambahan saya, sepatutnya *alhamdulillahlah* apabila Yang Berhormat Menteri berkata akan siap September bererti lagi enam bulan lagi, lima bulan daripada sekarang yang di mana sepatutnya projek ini siap pada 2012 seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri. Apabila siap projek ini, ia memberi rahmat kepada 400 keluarga sebenarnya yang selama ini mereka minum air daripada bukit.

Bagi saya sebagai rakyat Kelantan, memanglah saya kesal dengan Kerajaan Negeri Kelantan walaupun mereka dah memerintah 23 tahun tetapi masih gagal membekalkan air bersih. Jadi, kalaularah serah kepada Kerajaan Pusat, saya percaya kepada Kerajaan Barisan Nasional dah siap lama dah isu air ini. Kerana kita di Kelantan ini masih lagi minum air yang kurang bersih.

Jadi Yang Berhormat Menteri, cuma saya nak mintalah kepada kerajaan kerana rata-rata penduduk kawasan Peralla ini mereka adalah penoreh getah. Harga getah pun kita tahu jatuh. Terima kasih lagi kepada Kerajaan Pusat yang saya baca berita dalam surat khabar hari ini, *Utusan Malaysia*, bagi RM500 kepada penoreh getah yang meringankan beban kepada penoreh getah. Terima kasih kepada Kerajaan Pusat.

Soalan saya ialah, kerana rata-rata mereka ini adalah penoreh getah, boleh tak pemasangan meter itu, yang menjadi masalah kepada penduduk Peralla hari ini ialah walaupun kos pemasangan meter ini hanya RM100 sahaja, saya mohon kepada Kerajaan Pusat, alang-alang dah buat saluran, kita dah belanja besar kerana saya difahamkan pihak satu lagi ini, kita dah belanja berjuta tapi kos pasang RM100. Mereka sponsor yang RM100 menyebabkan penduduk kampung dia tak tengok yang kita dah belanja berjuta ini, dia tengok dan dia hargai yang bayar RM100 ini. Jadi kalau bolehlah, boleh tak kerajaan alang-alang dah buat ini tampunglah segala daripada A sampai Z, barulah penduduk kampung akan menghargai. Kalau tidak, belah sana ambil kesempatan. Kita dah buat dari mula, yang hujung itu yang dia sponsor. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat dari Tanah Merah tentang persoalan ini. Sebenarnya saya amat setuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tanah Merah tentang peranan yang dilakukan oleh Kerajaan Pusat.

#### ■1130

Banyak sebenarnya yang kita lakukan, bukan hanya puji sendiri. *This is reality. I didn't pay him to say such good things to us*, dengan izin. Akan tetapi ini kenyataan dia dari segi bantuan kita termasuklah di kawasan negeri Selangor pun. Kita bantu masalah air yang diatasi bukan RM900 juta, berbilion ringgit supaya rakyat di kawasan negeri Selangor juga bukan hanya pelabur-pelabur, pekerja-pekerja yang ada mendapat imbuhan dan bantuan termasuk di negeri Kelantan. Sebenarnya kita pentingkan rakyat yang ada di situ yang amat memerlukan.

Jadi bab untuk masalah meter ini kerana ini amalan biasa. Kutipan dilakukan oleh pihak kerajaan negeri. Kita tidak boleh pasang meter sesuka hati kita kerana mereka perlu memohon kepada kerajaan, pihak berkuasa kerajaan negeri mana rumah hendak pasang meter. Kalau kita yang pasang meter, *they are doing the collection* dengan izin. Hasil ini akan diperoleh oleh kerajaan negeri pun kita yang pungut.

Jadi kena faham sistem yang sedia ada dan itu yang saya kata tadi kalau boleh kita duduk semeja bagaimana untuk mengatasi masalah ini, sebahagian besar yang kita sudah tampung dan cuma kecil sahaja yang akan perlu dibantu oleh kerajaan negeri supaya meter itu perlu dipasang oleh pihak berkuasa negeri. Ini kerana mereka akan menyelesaikan *mapping out* rumah-rumah, permohonan menyelaraskan supaya kutipan ini dapat diselaraskan. Kita tidak mahu nanti esok *revenue* tidak akan diperoleh oleh pihak berkuasa negeri kalau sekiranya kita tidak selari dari segi *mapping out* dari segi pembekalan meter-meter yang ada.

Perkara ini kita boleh bincang, bukan kita tidak boleh bincang ya. Cuma saya berharap sungguh seperti yang saya nyatakan, kita akan cuba atasi masalah di kawasan Parlimentan Merah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa khususnya dalam segi mengatasi keperluan rakyat, *insya-Allah* jangan bimbang sangat dari segi kita selaku pihak Kerajaan Pusat untuk membantu rakyat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang berhormat. Sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan berakhir.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, dua perkara peraturan mesyuarat Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya merasa amat dukacita kerana usul yang saya kemukakan telah ditolak dan ini adalah berkaitan dengan kes-kes kematian di lokap yang mendadak kebelakangan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya tahu Yang Berhormat telah memberitahu beberapa kali pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini di mana usul di bawa Tuan Yang di-Pertua tidak akan *review* perkara tersebut. Akan tetapi saya perlu membawa untuk perhatian Tuan Yang di-Pertua supaya esok hari dapat membuat dengan teliti beberapa perkara yang dibangkitkan khususnya dalam perkara ini.

Salah satu perkara Tuan Yang di-Pertua adalah di mana saya telah mengatakan dan Tuan Yang di-Pertua telah berkata perkara ini adalah dalam siasatan polis. *That is the asas dalam perkara ini di mana saya mengatakan Tuan Yang di-Pertua di mana apabila kematian di lokap berlaku, yang membuat penyiasatan adalah pihak polis. The police investigate their own - wrong. They judge jury and prosecutor.* Itulah yang saya cadangkan, kita perlu ingat *out of the box* di mana IPCMC perlu dilaksanakan dan saya juga Tuan Yang di-Pertua juga ada mengatakan *standard operating procedure*. Itu menjadi asasnya di mana ia perlu *there could be a cover up* dalam perkara ini. Kenapa kebelakangan ini dalam tiga empat tahun ini, berapa ratus orang telah mati di lokap? Bukankah satu perhatian dan tindakan yang relevan yang terkini dan Parliment menjadi forum di mana perkara itu patut dibahaskan. Itu perkara nombor satu Tuan Yang di-Pertua.

Perkara kedua ialah adalah mengenai soalan yang telah saya kemukakan pada hari Selasa. Jawapan yang saya dapat daripada Kementerian Luar Negeri, soalan saya yang ke-16. Dengan izin saya baca, ‘*Jumlah sumbangan yang telah disumbangkan oleh Malaysia untuk Secretariat Commonwealth.*’ Jawapan beliau dikatakan, “*Kadar sumbangan ini ditentukan oleh Secretariat Commonwealth pada setiap tahun. Jadual sumbangan tahunan Malaysia kepada Secretariat Commonwealth adalah seperti dilampirkan*”. Lampiran itu tidak ada Tuan Yang di-Pertua kerana ini berkaitan kerana saya telah mengatakan bahawa adakah kerajaan akan menghentikan sumbangan itu atas sebab-sebab penyalahgunaan *abuse of human rights* hak

asasi manusia oleh Sri Lanka. Tidak ada lampiran. *These are matters I may not raise* pada hari ini. Akan tetapi apa ruangan lain yang saya ada Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Pertama, respons saya kepada Peraturan Mesyuarat 18(2) yang Yang Berhormat bawa saya tolak dalam kamar. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa perkara itu adalah perkara mustahak dan perlu dibincang. Akan tetapi saya berpendapat bahawa ianya tidak menepati peraturan mesyuarat untuk dibincang dalam Peraturan Mesyuarat 18(2). Ianya boleh dibincang dalam ruang-ruang lain umpamanya sewaktu ucapan penangguhan. Boleh Yang Berhormat bangkitkan di situ dan Menteri terpaksa respons kepada perkara-perkara begitu.

Kedua, saya menolak usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2) umpamanya apabila saya mendapat maklumat terperinci daripada kementerian-kementerian yang berwajib. Mereka faham apa yang saya maksudkan dan usul itu disertakan dengan maklumat yang ingin saya minta daripada kementerian yang berkenaan dan mereka tahu dan prihatin. Akan tetapi malangnya apabila saya layan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) saya sendiri akan melanggar Peraturan Mesyuarat 18, itu sebabnya.

Ketiga saya telah ingatkan beberapa kali dalam Dewan ini terhadap soalan-soalan yang perlu dijawab melalui bertulis dan sedemikianya. Saya ingatkan kepada kementerian berwajib supaya buat. Jadi kalau sewaktu sesi seperti ini pegawai-pegawai hadir bersama. Jadi tolong kepada pihak-pihak yang berwajib itu sampaikan jawapan-jawapan itu kepada pihak-pihak Yang Berhormat yang bertanya. Kerana tidak elok kalau saya ingatkan sering kali pada sesi seperti begini. Tolong ambil perhatian yang serius. Terima kasih.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**11.37 pg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2014 bagi Kementerian Kewangan B.10 dan B.11, Jabatan Perdana Menteri B.7 dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani B.21 dan sehingga selesai ucapan-ucapan penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Isnin, 16 Jun 2014.”

Tuan Yang di-Pertua, kalau perbahasan dibuat dengan elok, kita boleh habis awal dan selepas itu boleh hadir ceramah Perdana untuk memantapkan makanan rohani supaya kita sentiasa boleh berinteraksi dengan baik di antara satu sama lain.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima dan membenarkan permohonan susunan giliran Kementerian Kewangan di nombor 2 dipinda ke nombor 1 menggantikan Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Luar Negeri di nombor 3 dipinda ke nombor 5 seperti dalam ringkasan jadual Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2014 di peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2014.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2014) 2014

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2014) 2014 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Pertama]**

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]*

#### Maksud B.10 dan B.11 [Jadual] -

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B.10 dan B.11 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat.

■1140

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berucap mengenai Butiran 02000 bagi Maksud B.11.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

Adalah dimaklumkan bahawa bajet asal 2014 ialah sebanyak RM263.7 bilion iaitu perbelanjaan mengurus sebanyak RM217.7 bilion dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM46.5 bilion. Jadi, anggaran perbekalan yang asal yang diumumkan pada 25 Oktober tahun lepas dicantum dengan peruntukan tambahan yang dipohon dalam sidang ini maka anggaran perbekalan bagi keseluruhan 2014 akan mencecah RM268.3 bilion sedangkan anggaran pendapatan 2014 hanya setakat RM224.1 bilion. Saya ingin kejutkan Tuan Penggerusi dan bertanya apakah kerajaan masih boleh berpegang kepada janjinya bahawa nisbah defisit tidak akan membatasi had maksimum berbanding Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) 2014 di sekitar 5% jika kesemua *contingent allocation* juga diambil kira.

Saya ingin masuk ke tajuk subsidi bahan api. Dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2014(2014) ini, subsidi gas cecair LPG, diesel dan petrol serta bantuan tunai yang digolongkan di bawah pemberian dan kenaan bayaran tetap, anggaran dan peruntukan asal adalah sebanyak RM22.341 bilion manakala tambahan RM1 bilion bagi maksud yang sama juga telah dipohon buat sidang kali ini. Akhir-akhir ini isu subsidi bahan api berbangkit semula sebagai buah mulut orang ramai. Maka persoalan semasa ialah adakah gagasan rasionalisasi subsidi bahan api yang diuar-uarkan itu mencapai matlamatnya?

Terlebih dahulu saya ingin membangkitkan soal ketirisan dalam sistem subsidi bahan api yang berkuat kuasa sekarang. Menurut pelbagai laporan, ketirisan tersebut mungkin mencecah 6 bilion liter bagi petrol RON95 serta ketirisan sebanyak 3.5 bilion liter bagi diesel. Kesemuanya diseludup ke luar negeri kerana harga runcit bahan api di Indonesia, Thailand dan Singapura adalah lebih tinggi berbanding di Malaysia sedangkan jumlah penggunaan petrol dan diesel di Malaysia hanyalah setakat 20 bilion liter setahun. Dalam sistem subsidi bahan api yang diberi secara keseluruhan ataupun dengan izin, *the blanket fuel subsidies system* yang berkuat kuasa sekarang, persoalannya begini. Siapa dan lapisan masyarakat yang lebih berhak menikmati subsidi bahan api?

Sudah pasti terdapat banyak cacat cela dan kesan-kesan ketirisan dalam sistem subsidi sekarang. Adakah sistem pelaksanaannya berkesan? Adakah kumpulan kaya, mewah dan berpendapatan tinggi juga diberi subsidi bahan api? Adakah pendatang asing juga diberi nikmat subsidi bahan api? Baru-baru ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dilaporkan berkata bahawa satu mekanisme subsidi bahan api tersasar atau dengan izin *the targeted fuel subsidy system* bagi para pemilik kenderaan komersial akan diumum menjelang bulan September dan satu sistem yang sama bagi pemilik kenderaan persendirian akan diumum menjelang bulan November.

Ingin saya nyatakan di sini bahawa jumlah subsidi bahan api bagi 2013 adalah sekitar RM28.9 bilion. Mengikut pandangan pakar, adalah dianggar bahawa setiap 10 sen yang ditarik balik daripada sistem subsidi akan menghasilkan penjimatan antara RM1.65 bilion hingga RM2 bilion setahun. Sekiranya anggaran subsidi bahan api bagi tahun ini iaitu sasaran kita ialah sebanyak RM22.3 bilion iaitu pengurangan sebanyak RM6.6 bilion berbanding dengan *target* tahun lepas. Anggaran pengurangan subsidi tahun ini iaitu RM22.3 bilion itu tetap tidak berubah sedangkan tiada sebarang kenaikan harga minyak sejak September tahun lepas. Adakah sasaran pengurangan subsidi bahan api kita akan tercapai bagi tahun ini?

Misalan ini ialah berdasarkan kita sudah memasuki separuh tahun kedua bagi tahun 2014. Misalan lagi jika sasaran pengurangan subsidi ini terus berjalan lancar maka masih mengejar angka-angka tertentu. Angka sasaran kita ialah untuk mengurangkan subsidi sebanyak RM6.6 bilion. Maka sebagai kesan pengurangan subsidi, harga bahan api harus dinaikkan antara 16.5 sen sehingga 20 sen satu liter dalam tempoh enam bulan akan datang. Apakah pula kesan inflasi menjelang Bajet 2015 yang akan diumumkan pada bulan Oktober nanti? Menjelang tahun persekolahan baru...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Jelutong, boleh? Boleh saya...

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Saya habiskan perenggan ini ya. Apakah kesan inflasi dari segi penguatkuasaan GST menjelang April 2015. Bolehkah rakyat bernafas? Terdapat lebih kurang 13.4 juta warga kerja di Malaysia. Kenaikan harga bahan api yang menjelma datang dalam kurang daripada enam bulan ini akan mendatangkan impak sebanyak tidak kurang daripada RM500 setiap orang sebulan bagi kumpulan warga kerja yang saya sebutkan tadi. Ya sila.

**Tuan Pengurus [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengurus, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin bangkitkan berkaitan dengan ketirisan pengedaran dan juga penggunaan diesel. Apa pendapat Yang Berhormat tentang proses *nano tagging* kepada diesel yang disubsidikan. Jadi ini kita memberi satu identiti kepada diesel bermakna proses pemantauan dan juga penguatkuasaan dapat dibuat dengan lebih berkesan kerana saya secara peribadi menyokong tentang penggunaan *nano tagging* kepada diesel-diesel yang disubsidikan. Apa pandangan Yang Berhormat untuk kita mengurangkan ketirisan pengedaran dan juga penggunaan diesel ini?

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Pengurus. Tentang *nano tagging* itu pernah saya berbahas dalam Dewan ini semasa penggal yang lepas, *term* yang lepas dan saya terdengar semasa pelaksanaan *nano tagging* itu walaupun objektifnya betul tapi sekarang syarikat bekal *nano tagging* itu terlibat dalam satu macam

skandal. Jadi projek itu telah tidak diteruskan lagi. Jadi, saya akan sentuh tentang cara-cara untuk menyumbat ketirisan tadi. Saya berbalik kepada kesan inflasi yang belum saya sempat tamatkan tadi.

Jika kita melihat semula perangkaan tahun 2008 di mana harga bahan api naik secara mendadak. RON97 naik sebanyak 78 sen seliter menjadi RM2.70 satu liter. Diesel naik RM1 liter menjadi RM2.58 sen satu liter dan RON92 pada kadar, ketika itu masih ada RON92 dan RON92 naik RM0.74 satu liter menjadi RM2.62 sen seliter. Meskipun RON92 telah dimansuhkan dan diganti dengan RON95 kemudiannya. Sesudah itu kesan inflasinya agak ketara. Kadar inflasi telah mencecah 7.7% *year on year* dengan izin, pada bulan Jun 2008. Justeru hampir semua barang naik. Pada bulan Disember, harga RON97 diturunkan di tahap RM1.80 sen satu liter dan RON92 diturunkan ke tahap RM1.70 satu liter dan kemudiannya RON92 dimansuhkan pada bulan 2009 dan diganti dengan RON95 juga dengan subsidi.

#### ■1150

Kemudian pada Julai 2010, subsidi bagi RON97 dimansuhkan sama sekali. Pada hari ini, tidak tahulah esok kita tahu tetapi pada hari ini harga RON97 ditetapkan pada RM2.85 satu liter, RON95 pada RM2.10 satu liter dan diesel pada RM2.00 satu liter. Nampaknya dari tahun-tahun yang lepas itu banyak *flip-flop* dari segi skema untuk menentukan tarif harga minyak.

Mengikut laporan yang mutakhir, kadar inflasi pada bulan April tahun ini mencecah rekod tertinggi dalam tempoh masa dua tahun kebelakangan sehingga menjadi 3.4%. Jika kenaikan harga bahan api dalam enam bulan yang kita menduga itu diambil kira sebagai satu kesan langsung daripada penarikan balik subsidi bahan api, maka bagi tempoh separuh tahun yang baki untuk tahun ini kadar inflasi dianggar akan berfoya-foya pada tahap 3.4% sehingga 3.6%.

Jadi, saya ingin berbalik kepada gagasan. Mekanisme subsidi bahan api secara tersasar, *the targetted fuel subsidy system*, dengan izin, dan siapa yang layak menerima subsidi bahan api andai kata subsidi tidak akan ditarik balik secara langsung ataupun secara mendadak. Persoalan saya begini, bagaimakah kerajaan hendak membuat penggolongan kumpulan sasar yang boleh disingkirkan supaya kumpulan tidak layak itu kita dapat kenal pasti dengan cara berkesan sekali.

Jadi, dari segi olahan *income segregation*, dengan izin, adakah ia berdasarkan pendapatan individu ataupun ia berdasarkan kepada kapasiti enjin kenderaan. Jadi, pada zaman pentadbiran Tun Abdullah Badawi dahulu, olahannya amat mudah, primitif mungkin dalam pemberian rebat sebanyak RM625 setiap kenderaan bermotor dan secara *one-off*. Sudah nyata sistem itu tidak berkesan kerana sistem itu tidak mampan. Adakah diambil kira pula lebih kurang 40% tenaga kerja di Malaysia berpendapatan antara RM2,300 sehingga RM7,000 sebulan? Adakah kumpulan ini masih dianggap sebagai kumpulan berpendapatan sederhana mengikut kayu ukur PEMANDU, misalannya.

Yang lebih pentingnya adakah mereka ini akan terus diberi subsidi bahan api sesudah mekanisme subsidi bahan api tersasar itu berkuat kuasa menjelang bulan September nanti ataupun kumpulan ini akan diberi kuota dan kelayakannya dikawal selia menerusi semacam sistem *smart card* kah, *nano taggingkah* ataupun menerusi aplikasi baru dalam MyKad kita yang sekarang.

Jadi, kalau ditinjau takrif subsidi bahan api sekarang, harga RON95 ditetapkan pada harga RM2.10 seliter di mana subsidinya sebanyak 73 sen satu liter. Diesel ditetapkan harga runcitnya pada RM2.00 satu liter di mana subsidinya sebanyak 77 sen satu liter. Tiada sebarang subsidi diberikan untuk RON97. Jadi, menurut laporan yang saya sempat kutip, dengan menarik balik subsidi bahan api secara berperingkat-peringkat, kerajaan menduga dapat menjimatkan sebanyak RM9.8 bilion dalam perbelanjaan subsidi bahan api di samping dapat juga menduga dapat memperbaiki kedudukan fiskal dan kedudukan kewangan kerajaan.

Di sini saya rasa juga timbul polemik yang baru sama ada pemberian subsidi bahan api boleh dikawal selia menerusi tahap pendapatan perseorangan begitu sahaja ataupun ia lebih efisien jika ia dikawal selia menerusi satu bentuk *monthly consumption model*, dengan izin. Lebih banyak diguna, maka bahan api sebulan itu akan jadi lebih mahal bayarannya. Nampaknya kerajaan masih belum bersedia dengan gagasan yang komprehensif. Apa yang kita dengar daripada kementerian-kementerian tertentu hanya cebisan-cebisan sahaja. Saya ingin mengucapkanlah selamat maju jaya kepada pihak yang akan mengendalikan *the targetted fuel subsidy system*. Begitu sahaja Tuan Pengerusi, hujah saya mengenai B.11. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Tumpat.

#### **11.56 pg.**

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin bercakap ringkas sahaja oleh kerana sebentar tadi Yang Berhormat Jelutong telah memberikan satu pendedahan yang amat baik dan seolah-olah itulah yang juga hendak saya nyatakan di bawah maksud B.11 ini. Oleh kerana subsidi ini menjadi isu dan bahan perbahasan yang amat kerap dalam Dewan yang mulia ini, boleh dikatakan hampir setiap kali rang undang-undang kewangan sama ada dalam bentuk belanjawan tambahan seperti ini subsidi akan dibangkitkan.

Soalan saya dan harapan saya kepada pihak kerajaan ialah oleh kerana peranan dan kedudukan subsidi begitu merupakan penentu kepada keadaan ekonomi negara kita ini adakah kerajaan bersedia untuk membentangkan suatu kajian dan dibentangkan sebagai kertas putih kepada Dewan ini dengan menyentuh semua aspek yang berkaitan dengan subsidi ini.

Kadangkala subsidi ini sebagaimana Yang Berhormat Jelutong sebutkan dengan baik, banyak kekeliruannya dan banyak cadangannya. Kadang-kadang seperti kes subsidi petrol dan

diesel kepada pengguna-pengguna kereta ini, maklumat-maklumat awal yang kita dengar amat membimbangkan dan meragukan kita akan kemampuannya menyelesaikan masalah yang kerajaan sedang hadapi hari ini.

Jadi, misalnya dalam kes subsidi juga, kita dalam akhir-akhir ini mendengar laporan bagaimana tuan punya syarikat gergasi YTL menafikan bahawa kekayaan dan kehebatan syarikat beliau itu adalah kerana pilihan khas oleh pihak kerajaan kerana subsidi yang syarikat beliau perolehi dalam mengendalikan IPP itu. Manakala rakyat umumnya menganggap bahawa ini adalah satu aspek di mana penggunaan dan pemberian subsidi kepada yang kaya-raya, yang syarikat-syarikat gergasi ini, inilah yang menyulitkan rakyat. Inilah akhirnya rakyat akan dibebankan dengan harga-harga petrol dan gas dan diesel yang akan dinaikkan dari semasa ke semasa.

Manakala kalau kita dengar dan baca pula penulisan oleh bekas Pengerusi TNB, Tan Sri Ani Arope, beliau menganggap bahawa ada konspirasi seolah-olah untuk memberi kemudahan kepada syarikat-syarikat gergasi ini memperoleh perniagaan-perniagaan yang besar berlandaskan pada subsidi-subsidi yang mudah untuk mereka menjadi besar dan kaya-raya.

Jadi, ini perkara-perkara yang saya rasa perlu kita lihat dengan lebih serius lagi dan tidak dengan cuba untuk menyelesaiannya dengan kaedah-kaedah seperti yang dicadangkan untuk menaikkan harga walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak akan sekali-kali menggunakan istilah naik harga minyak atau gas tetapi sekadar mengatakan pengurangan subsidi oleh pihak kerajaan. Walaupun semua dalam Dewan, luar Dewan faham bahawa penarikan atau pengurangan subsidi itu maknanya tidak lain tidak bukan, kenaikan harga.

Tahulah dan fahamlah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kenaikan harga minyak diesel dan gas ini akan mengakibatkan kenaikan inflasi yang mendadak dan akan menyulitkan lagi rakyat. Jadi, seruan saya Tuan Pengerusi, supaya kajian yang lebih menyeluruh dan kertas putih dibentangkan ke Dewan ini berkaitan dengan isu subsidi dalam negara kita. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Belakang. Yang Berhormat Wangsa Maju.

**■1200**

**12.00 tgh.**

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Tuan Pengerusi bagi peluang kepada saya mengambil bahagian Maksud B.11 02000. Nombor satu, pembayaran emolumen. Kalau ikut penjelasan emolumen lebih RM2 bilion. Saya baca Kertas Perintah ya. Sebanyak RM2 bilion untuk menampung kekurangan peruntukan emolumen yang telah didahulukan bagi pembayaran imbuhan tahunan kakitangan awam tahun 2013 yang dibayar pada Januari 2014. Maknanya, saya minta Ahli Yang Berhormat dan juga Tuan Pengerusi ini wang lebih RM2 bilion

sudah dibayar. Sepatutnya sebelum bayar minta Dewan lulus dahulu. Maknanya minta maaf, Dewan ini satu *rubber stamp*. Memang ramai orang di Dewan ini tidak puas hati.

*Point* nombor dua ialah subsidi RON95 petrol. Baru-baru ini kita baca satu *statement* dari kementerian berkenaan ada cadangan subsidi RON95 petrol tidak bagi orang yang pendapatan sebulan lebih RM5,000 tetapi penjelasan tidak ada. Maka, bila ada satu sistem yang banyak birokrasi maknanya sistemnya susah dikawal. So, saya minta Menteri Kewangan beri satu penjelasan tentang *statement* ini. Satu lagi *statement* tentang GST Timbalan Menteri Kewangan lepas satu forum diminta satu perkara yang penting sebab sekarang tidak kira orang biasa atau sederhana dia bimbang tentang perkara GST ini yang penting yang dilaksanakan tahun depan.

Bila Yang Berhormat Timbalan Menteri minta GST ada dikenakan petrol dan diesel jawapannya pelik. Ini perkara yang penting dan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri kata kerajaan belum tentukan. Bolehkah? Tidak lama lagi April tahun depan dan banyak komen termasuk blog saya kata jikalau petrol dan diesel dikenakan GST, banyak kesan negatif. Kalau tidak masuk GST petrol dan diesel kadar inflasi memang naik. Kalau ikut contoh lain-lain negara kalau petrol dan diesel masuk GST lagi teruk Tuan Pengerusi.

Sebelum saya mengakhiri perbahasan saya, baru-baru ini *Bloomberg* bagi satu komen. Bukan ketua pembangkang bagi komen, bukan pihak pembangkang bagi komen. *Bloomberg* punya *remark* dahulu betul Malaysia punya ekonomi kuat berbanding dengan Asian Tiger seperti South Korea, Taiwan, Singapura dan sebagainya. Sekarang minta izin *Bloomberg* punya komen, *Malaysia is the weakest link in Asia*. Kalau berbanding dengan negara India, Indonesia dan Thailand. Saya minta penjelasan tentang perkara ini sebab *Bloomberg* punya komen ialah *external debt* negara kita tinggi. Kerajaan punya pinjaman makin teruk lebih kurang 55% kalau berbanding dengan GDP dan *domestic debt* pun sudah naik. Dengan komen-komen itu saya minta penjelasan apa maknanya kerajaan sentiasa mengagung-agungkan transformasi negara kita sedangkan *Bloomberg* kata *the reverse*. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Labuan.

#### 12.05 tgh.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh sedikit mengenai subsidi minyak seperti yang dihuraikan dan dibahaskan oleh rakan-rakan kita daripada sebelah tadi. Memang pun saya setuju kita perlu untuk mengadakan satu *study* yang komprehensif dalam program rasionalisasi minyak ini memandangkan ia adalah sesuatu yang amat kompleks dan bukannya mudah. Maka saya rasakan satu *study* yang serius perlu diadakan untuk kita membuang terus subsidi juga akan menyebabkan inflasi yang mendadak.

Jadi apa yang saya lihat dan apa yang ingin saya cadangkan adalah supaya kita mempunyai satu *target*. Kalau selama ini kita mempunyai perbelanjaan yang melebihi RM20 bilion untuk *fuel* subsidi mungkin kita *target* lebih kurang *saving* RM10 bilion dan kita *walk*

*backward* dengan memastikan kita cuma membelanjakan lebih kurang RM14 bilion. Dari pengetahuan yang kita ada seperti juga yang diperkatakan Yang Berhormat Menteri kelmarin *smuggling* yang berleluasa ini adalah disebabkan perbezaan harga yang begitu ketara di antara negara jiran dengan negara kita dan ini juga telah menyebabkan nelayan-nelayan yang layak mendapat subsidi ini yang berada di sekitar, yang berdekatan dengan negara-negara jiran telah mula melihat ataupun menjual diesel dan minyak itu kadang-kadang adalah satu alternatif yang lebih baik lebih menguntungkan dibandingkan dengan menangkap ikan.

Jadi, saya lihat ini adalah di antara yang kita kena beri perhatian dan mekanisme-mekanisme yang teratur perlu diadakan. Mungkin juga *instead of* memberi subsidi kepada minyak mungkin apa yang kita boleh buat adalah untuk membeli tangkapan dengan harga yang berpatutan di mana subsidi itu diberikan mengikut tangkapan yang dibuat. Kalau selama ini mungkin subsidi diberikan mengikut *declaration of* tangkapan di mana ia masih boleh dimanipulasikan sebagaimana nano teknologi juga telah dimanipulasikan sehingga ia menjadi sebahagian daripada sindiket penyeludupan. Jadi, begitu juga di area lain seperti subsidi kepada kenderaan-kenderaan di mana kadang-kadang kita lihat *priority*nya sudah salah di mana yang lebih banyak memanfaatkan ataupun beruntung daripada subsidi ini adalah orang yang mempunyai pendapatan yang besar yang mana memiliki kereta-kereta yang besar.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan juga seperti ada di antaranya yang saya rasakan perlu diberi subsidi yang lebih tetapi tidak mendapat adalah seperti pengangkutan-pengangkutan awam sebagai contohnya feri yang membawa kenderaan daripada Menumbok ke Labuan. Daripada Menumbok ke Labuan, harga ataupun *rate* atau kadar untuk sebiji kereta menaiki feri adalah RM40 yang mana kadar ini tidak berubah dari sejak berbelas-belas tahun sehingga menyebabkan feri-feri daripada Menumbok ke Labuan ini tidak berapa berminat untuk membawa kereta-kereta ini menyeberang dan dengan itu ia telah memberikan kesan yang tidak baik di dalam sistem *booking* di mana kenderaan-kenderaan biasa tidak diterima *booking*nya cuma akan diberi ruang setelah ruang-ruang yang ada dipenuhi oleh kenderaan-kenderaan komersial.

## ■1210

Ini telah menyulitkan terutamanya di musim-musim perayaan di mana pemilik-pemilik kenderaan ingin menyeberang. Malah, di Labuan ini sebenarnya setiap hujung minggu memang banyak yang akan menyeberang terpaksa bersusun secara fizikal sebelum mereka diberi ruang untuk menyeberang. Jadi permohonan-permohonan yang sudah lama dihantar untuk mendapatkan subsidi untuk feri-feri ini saya harap akan diberikan perhatian di dalam proses rasionalisasi ini. Saya menyokong bajet tambahan untuk ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**12.11 tgh.**

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud B.10 Perbendaharaan. Tambahan sebanyak RM208,994,000 telah diperuntukkan untuk pembayaran bonus kepada kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Saya ingin tahu berapakah purata bonus ini. Berapa bulan yang telah diberi kepada setiap kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri dan juga bilangan kakitangan yang terlibat. Adakah pemberian bonus ini tidak sama dengan bonus yang telah diberi kepada kakitangan awam yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu setiap kakitangan awam hanya mendapat satu bulan bonus. Adakah kakitangan di Lembaga Hasil Dalam Negeri ini dapat bonus yang lebih berbanding dengan kakitangan awam yang lain.

Adakah peruntukan bonus ini bertambah berbanding tahun lepas iaitu dua hingga tiga tahun yang lalu. Saya juga ingin merujuk kepada sistem e-Filing yang telah diperkenalkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri beberapa tahun yang lalu. Berapakah jumlah pembayar cukai yang membentangkan cukai perseorangan melalui e-Filing mengikut tahun. Adakah jumlah ini bertambah? Dengan penggunaan sistem e-Filing ini, adakah jumlah kakitangan di Lembaga Hasil Dalam Negeri berkurangan atau bertambah? Kalau kita menggunakan sistem e-komputer ini, sepatutnya jumlah kakitangan berkurangan. Kita tidak perlu kakitangan yang ramai untuk kendalian tentang cukai ini sebab kita ada e-Filing. Itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Sebelum itu, B.10, Tuan Pengerusi. Berkaitan dengan B.10. Semasa penggulungan oleh Yang Berhormat Menteri pada tahap perbahasan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini hendak minta penjelasankah apa?

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan sudah habis.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Sudah habis? Adui!

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Boleh tanya orang lain.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Sudah noktah sudah? Boleh? Tidak boleh lagi? Tidak apalah. Tidak apalah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, Yang Berhormat Langkawi.

**12.14 tgh.**

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang B.11 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan Bab 2 iaitu tentang Keperluan Tambahan Subsidi.

Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa subsidi minyak kita di negara ini telah begitu besar nilainya menjadi lebih RM24 bilion dan sebagainya. Apa yang menjadi isu ketika ini ialah oleh kerana harga kita terlalu rendah berbanding dengan negara jiran, berlaku penyeludupan yang sangat berleluasa. Contohnya baru-baru ini saya berkesempatan pergi ke Thailand dan saya amat terkejut kerana apabila saya sampai ke stesen minyak Shell di Selatan Thailand, saya tengok harga petrol RON95 nya ialah RM4.30 berbanding dengan negara kita RM2.10.

Makna kata RON95 untuk Thailand dengan Malaysia adalah dua kali ganda sedangkan harga pasaran kalau kita ambil bersama dengan RON97 lebih kurang dalam RM2.80. Jadi perbezaan subsidi sebanyak hampir 70 sen ini ditanggung oleh kerajaan. Di samping itu, di pihak Thailand pula mereka tidak menjual harga minyak ini dengan harga pasaran tetapi mereka menjual dengan harga keuntungan iaitu RM2.80 harga pasaran dan dijual kepada rakyatnya dengan harga RM4.30.

Jadi isunya di sini ialah perbezaan yang sangat nyata antara dua sempadan yang hampir dekat ini. Contohnya macam saya di Pulau Langkawi. Kawasannya perairannya luas dan banyak berlaku penyeludupan yang sudah tentu tidak mampu dibuat kawalan oleh penguatkuasaan ketika siang dan malam. Contohnya saya pernah melihat sebuah kapal minyak yang berlabuh di Pulau Tuba berhampiran dengan Pulau Langkawi. Akan tetapi *alhamdulillah* selepas tiga atau empat hari kapal itu ditangkap kerana kapal itu sudah tentu digunakan untuk membawa minyak-minyak seludup ke Thailand kerana nilainya sangat tinggi. Dua kali ganda.

Jadi pada masa yang sama juga, ada dimaklumkan bahawa terdapat juga penyeludup-penyeludup daripada Penang dan sebagainya mengenakan pontun untuk membawa minyak kita dan dijual ke negara jiran. Jadi di sini, saya ingin bertanya kepada kerajaan apakah kita akan berada dalam keadaan ini selama-lamanya. Apakah subsidi minyak kita akan digunakan oleh orang lain begitu lama dan negara kita terpaksa menghabiskan berbilion-bilion untuk menyara masyarakat di sebelah sana. Jadi saya rasa kerajaan patut buat dua perkara.

Pertama, perkukuhkan penguatkuasaan. Kalau boleh bawalah satu atau dua batalion tentera duduk di situ supaya tidak berlaku penyeludupan ini. Kedua, kemungkinan kita boleh melihat kepada memansuhkan subsidi bagi minyak RON95 dijual dengan harga pasaran. Dengan demikian, sudah tentu perkara ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam bangun.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, hendak tanya kepada Yang Berhormat Langkawi. Terima kasih Yang Berhormat Langkawi dan terima kasih Tuan Pengerusi. Dengan kita menjual dengan harga pasaran iaitu RM2.80 berbanding dengan RM4.20, masalahnya tetap sama. Ia tetap merupakan kadar harga...

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Yang jauh berbeza dan dengan itu penyelesaian muktamad ialah kawalan yang berkesan.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Saya faham.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak perlu kita bebankan rakyat Malaysia dengan menaikkan harga minyak. Selepas itu harga itu tetap merupakan harga yang lebih rendah daripada harga di Siam. Terima kasih Yang Berhormat Langkawi.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Terima kasih. Saya berpendapat Yang Berhormat Shah Alam mungkin sedikit keliru dalam hal ini. Ini kerana saya berkata kita kehilangan kewangan dari segi subsidi. Apabila kita letakkan RM2.10 dan subsidinya sehingga RM2.80, maksudnya harga pasaran RM2.80 kalau kita jual dengan harga RM2.80 maksudnya kerajaan kita tidak perlu ada subsidi. Jadi kalau mereka hendak seludup dan sebagainya tidak apa. Itu harga pasaran. Subsidi tidak ada masalah.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya hendak dapatkan penjelasan di sini. Saya hendak dapatkan penjelasan di sini. Adakah Yang Berhormat Langkawi...

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Keduanya, keduanya...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Adakah Yang Berhormat Langkawi sekarang ini mencadangkan ataupun mengatakan bahawa sekiranya harga minyak RM2.80 iaitu tidak ada subsidi, maka rakyat Malaysia boleh bawa keluarlah minyak dan jual dekat Siam dan sebagainya.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Saya tidak berkata demikian.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ia tetap akan merupakan satu masalah.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Okey, terima kasih. Terima kasih ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Maknanya bagi saya, saya hendak tegaskan di sini. Biar, Yang Berhormat Langkawi. Jangan kita ubah tajuk. Hakikatnya masalah penyeludupan merupakan satu masalah yang berterusan. Sama ada ada subsidi ataupun tidak, ia perlu ditangani.

**Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Bagi saya, masalah penyeludupan memang berlaku dan kalau boleh kita kurangkan atau hapuskan. Akan tetapi kalau penyeludupan itu tidak merugikan negara, maksudnya kita tidak berapa beri penekanan kerana kalau mereka hendak seludup sedikit pun, kalau setakat RM2.80, kita beli RM2.80. Mereka seludup RM2.80 tidak ada masalah subsidi kerana subsidi kita RM24 bilion. Yang kita pertikai di sini ialah penambahan subsidi sebanyak RM1 bilion ini untuk membayar kes-kes yang sebegini.

**■1220**

Sebab itu bagi saya kita kena ada dua cerita di sini. Yang pertama, kerajaan perlu tingkatkan dari segi penguatkuasaan. Kalau tidak ada penguatkuasaan yang kukuh sudah tentulah bocor di sana sini. Bukan sahaja di darat, malah di lautan yang luas.

Kedua, melihat bagaimana boleh kita kurangkan sedikit demi sedikit subsidi ini agar duit itu kita boleh gunakan dengan cara lain untuk diberi kepada masyarakat yang memerlukan.

Sehingga kini kita tengok, ramai di antara mereka yang mempunyai kekayaan yang lebih pun dapat subsidi RM2.10 juga, sedangkan mereka pakai *Mercedes* dan sebagainya. Sudah tentu ianya tidak memberi sasaran yang tepat, dan kita mengharapkan kerajaan dapat mencari format atau pun prosedur, atau pun cara lain supaya subsidi ini dapat dinikmati oleh orang yang memerlukan sahaja, dan tidak kepada mereka yang tidak memerlukan, seperti orang kaya.

Keduanya, saya hendak masuk tentang bab subsidi kepada IPP. Kelmarin kita telah dimaklumkan bahawa subsidi kepada IPP ini memberi impak yang tinggi kepada negara kita, tetapi sebenarnya, saya ingin membuat koreksi di sini, kerana subsidi yang kita beri kepada IPP bukan dapat kepada IPP. Ianya dapat kepada rakyat itu sendiri, kerana ianya dimasukkan balik ke dalam *bill electricity* kita. Sebab itu Yang Berhormat-Yang Berhormat kalau tengok bil elektrik, di bawah itu akan tertulis subsidi kerajaan- berapa-berapa. Saya kira lebih kurang 70%. Makna kata, kalau kita hilangkan subsidi Petronas kepada IPP dan juga kepada TNB yang mana sekarang ini harga gas RM43 per mmbtu, sedangkan Petronas menjual kepada IPP dan TNB sendiri dengan harga RM15.70/mmbtu.

Sudah tentulah mereka terpaksa lepaskan kos ini kepada masyarakat dalam bil itu, dan akhirnya bil kita akan meningkat hampir dua kali ganda. Sudah tentunya ini tidak memberi kesan yang baik kepada masyarakat dan sudah tentu masyarakat akan membuat bising. Dalam keadaan yang demikian itu, saya juga ingin membuat koreksi kepada pendapat yang mengatakan bahawa subsidi diberi kepada IPP adalah tidak benar. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Lagi tiga ya. Empat. Yang Berhormat Seputeh, lepas itu Yang Berhormat Jasin, Pasir Mas, dan *last sekali* Kapar. Lepas itu Yang Berhormat Menteri jawab.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *Last* ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Seputeh. Ringkas ya Yang Berhormat Seputeh, lima minit sahaja.

**12.22 tgh**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Ya ringkas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang satu isu yang berkaitan dengan beberapa kementerian termasuk juga dengan Kementerian Kewangan. Iaitu Yang Berhormat

Sedang dan saya, telah pun menerima berpuluhan-puluhan aduan daripada pembeli kereta yang ditipu oleh satu sindiket penipuan kenderaan terpakai, import di Langkawi.

Pada pembeli kenderaan bermasalah tersebut mengesyaki mereka telah jatuh dalam satu perangkap yang dikonspirasikan oleh satu sindiket penipuan yang melibatkan pegawai agensi kerajaan dan penjual kereta terpakai. Mereka telah pun melaporkan kes ini kepada pihak polis, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia tetapi sehingga sekarang tiada apa-apa maklum balas.

Menurut mereka, kereta terpakai import yang berdaftar di Langkawi itu telah dibawa masuk ke kawasan utama Kastam iaitu kawasan-kawasan lain yang dikenakan cukai sepenuhnya, dan kemudian ditukar menjadi kenderaan yang berdaftar di luar Langkawi dengan kelulusan daripada beberapa agensi kerajaan termasuk JPJ, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, PUSPAKOM dan juga lain-lain. Perkara ini telah menarik perhatian kami kepada kes pembunuhan bekas Timbalan Pengarah II Kastam iaitu Datuk Shaharuddin Ibrahim pada bulan April tahun yang lalu.

Menurut anak kepada beliau iaitu Muhammad Akhtar Shaharuddin yang mengatakan pembunuhan ayahnya adalah berkaitan dengan sindiket penipuan dan penyeludupan kereta di Langkawi. Para pengadu yang membeli kereta dari Langkawi tersebut membuat pembelian berdasarkan dokumen sahih tetapi selepas itu mereka dimaklumkan oleh Pegawai Kastam bahawa kereta mereka adalah barang belum lulus Kastam. Selepas itu, kereta mereka disita oleh Kastam dan pembeli diminta untuk membayar duti Kastam. Ini adalah amat tidak adil bagi kesemua mangsa pembeli tersebut.

Mengikut undang-undang, Langkawi adalah pulau yang bebas daripada cukai. Kereta yang didaftarkan di pulau berkenaan tidak boleh dibawa keluar dari pulau tersebut dan masuk ke kawasan utama Kastam melebihi 30 hari bagi satu permohonan, dan tidak lebih 90 hari dalam satu tahun. Itu mengikut Butiran 21A, Perintah Duti Kastam Pengecualian, Tahun 1988. Jadi, sekiranya mana-mana kereta yang didapati telah digunakan di kawasan utama Kastam melebihi tempoh enam bulan dan secara automatik telah melanggar syarat di bawah Butiran 21A, Perintah Duti Kastam Pengecualian, Tahun 1988 dan kenderaan berkenaan akan menjadi barang belum lulus Kastam.

Jadi, Yang Berhormat Serdang, dan juga saya telah pun menyiasat kesemua dokumen-dokumen berkenaan, dan sebenarnya kami telah pun menulis surat kepada Menteri Dalam Negeri, Menteri Kewangan dan juga Menteri Pengangkutan. Semua surat telah pun dihantar tetapi sampai sekarang kita tidak dapat apa-apa maklumat daripada mereka. Saya memang berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau Menteri-menteri ini begitu sibuk di dalam politik, bolehkah tolong panggil satu mesyuarat. Minta mangsa sindiket pembelian kereta itu, dan pihak agensi-agensi yang berkenaan, untuk kita semua bertemu bersama dan buat satu mesyuarat, dan buat satu keputusan. Kalau mereka ini adalah sindiket penipuan dan sebagainya,

jadi tindakan haruslah diambil, dan pihak kementerian atau pun SPRM haruslah mengikuti kes ini dan membongkar sindiket ini, dan menghalang lebih ramai lagi pembeli kereta tertipu dalam kes macam ini.

Jadi, saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri tolonglah. Ini dalam sidang lepas, surat telah pun dihantar kepada Menteri Dalam Negeri, tetapi tidak ada apa-apa dibuat. Selepas itu Penolong Kanan Menteri Dalam Negeri minta saya tulis surat kepada Menteri Kewangan- tidak ada apa-apa tindakan yang dibuat. Tulis surat kepada Menteri Pengangkutan- juga tidak ada apa-apa tindakan dibuat. Jadi, kalau surat daripada Ahli Parlimen juga tidak dilayan dengan betul, jadi macam mana kesemua pembeli kereta ini boleh buat? Ini kerana ini melibatkan beberapa agensi kerajaan.

Jadi, saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh ambil tindakan cepat atas aduan yang dihadapi oleh sebenarnya beberapa ratus pembeli kereta yang beli kereta dari Langkawi yang tertipu ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Jasin. Tiga minit sahaja Yang Berhormat Jasin.

#### 12.27 tgh

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ringkas sahaja.

Yang pertamanya, saya pergi kepada Butiran B.10 iaitu ganjaran atau pun bonus sebanyak RM208 juta kepada kakitangan LHDN. Kakitangan LHDN ini telah diberi sebanyak empat bulan bonus walaupun sebenarnya LHDN adalah sebuah badan berkanun kerajaan. Apakah sebenarnya sebab-sebab yang membolehkan LHDN membuat keputusan untuk membayar bonus sebanyak empat bulan kepada kakitangan mereka? Memang kita terima hakikat bahawa LHDN adalah satu daripada agensi yang telah dapat menyumbang lebih daripada 52% kepada pendapatan negara...

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Yang Berhormat Jasin.  
**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Dan bilakah LHDN akan terus di corporatizekan?

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Yang Berhormat Jasin, boleh saya celah sekejap.  
**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Saya ada tiga minit sahaja, minta maaf. Tiga minit sahaja.

Selepas itu, saya pergi kepada RM2.08 bilion iaitu bonus kepada kakitangan awam. Banyak dipersoalkan mengapakah bonus ini dibayar pada tahun 2014. Keputusan untuk membayar bonus ini, kakitangan awam bukan secara automatik mendapat bonus. Ia adalah *the proactive of PM* sahaja. PM telah membuat keputusan ini semasa membentangkan bajet untuk tahun 2013, pada penggal minggu ketiga bulan Oktober tahun lepas. Memang bayaran tidak

boleh dibuat dan mana-mana organisasi kalau hendak bayar bonus, satu daripada syaratnya mestilah semua kakitangan telah berkhidmat penuh selama 12 bulan barulah bulan berikutnya, tahun berikutnya baru bonus dibuat. Bukanlah sengaja kerajaan untuk membuat perkara ini konon hendak mengelakkan daripada kerajaan akan menyebabkan defisit kita daripada terus melebar. Akan tetapi memang perkara ini adalah satu perkara yang mengikut peraturan-peraturan kewangan.

Selepas itu, saya pergi kepada sebanyak RM1 bilion untuk menampung keperluan peruntukan tuntutan subsidi barang api.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tambahan yang diperlukan kerana kenaikan harga minyak *brent* di dunia yang terus meningkat. Saya hendak tanya kepada pihak Menteri, kadar trend pada ketika ini adalah pihak *brent* adalah terus meningkat. Adakah kerajaan akan terus menanggung subsidi sekiranya harga minyak di pasaran dunia terus meningkat?

#### ■1230

Adakah kerajaan akan terus menanggung subsidi sekiranya harga minyak di pasaran dunia terus meningkat? Apakah sebenarnya rasionalisasi subsidi yang akan dikenakan kepada rakyat? Apa yang terjadi pada ketika ini Tuan Pengerusi, kita lihat di TNB pada ketika ini orang ramai bising. Pertama, apabila kita menurunkan subsidi minyak sebanyak 20 sen. Selepas itu kita memansuhkan subsidi kepada gula sebanyak 38 sen. Selepas itu kita naikkan tarif elektrik tetapi semua ada sebab. Bukan kerana kerajaan tidak ada mempunyai kewangan tetapi kerajaan mahu memastikan supaya masalah subsidi yang terus melebar akan menyebabkan kewangan negara akan terjejas.

Apa yang terjadi pada ketika ini, kenaikan tarif adalah transformasi kerajaan bagi rasional pelarasian subsidi untuk menampung kenaikan kos bahan api yang semakin meningkat. Pada ketika ini bahan api yang digunakan oleh TNB selain daripada gas, minyak terlalu sedikit. Akan tetapi arang batu dan juga bahan-bahan yang lain. Rasionalisasi tarif ini adalah berdasarkan daripada keadaan kenaikan harga bahan bakar. Apakah yang akan terjadi sekiranya bahan bakar ini yang begitu penting sekali terutamanya gas dan juga batu bara akan meningkat, adakah tarif elektrik akan dinaikkan sekali lagi? Sekiranya ini berlaku maka memang akan menyebabkan bebanan kepada rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pasir Mas dan selepas itu Yang Berhormat Kapar. Kemudian Menteri jawab.

#### 12.32 tgh.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim*. Saya ingin merujuk kepada maksud B.41 Kementerian...

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya terlupa satu perkara. Minta maaf sekejap. Saya hendak alu-alukan kehadiran Pengerusi dan Ahli-ahli

Jawatankuasa Kemajuan Kampung daripada Parlimen Lipis yang bersama-sama kita pada petang ini. Terima kasih. [Tepuk]

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Pasir Mas.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Maksud B.41 Kementerian Pendidikan Butiran 1000 – IPG.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Belum. Sekarang ini B.10 dan B.11.

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]:** Okey, minta maaf.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya mencelah bagi Yang Berhormat Pasir Mas, boleh?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak mengapa Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak payah? Tidak mengapa ini macam mana Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak mengapa, kita bagi laluan kepada Yang Berhormat Kapar.

### 12.33 tgh.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Salam reformasi. Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan Maksud B.11 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan. Pada amnya pembayaran imbuhan atau bonus ini untuk tahun 2013 sepatutnya dirancang pada tahun 2013. Tadi saya terkejut Yang Berhormat Jasin menjawab bagi pihak Menteri Kewangan pula. Tidak payah, kita hendak dengar daripada Menteri Kewangan sendiri.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Yang Berhormat Kapar boleh saya mencelah sekejap?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *I just want to finish...*

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat, boleh mencelah Yang Berhormat?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Biar saya habis dahulu. Baru mukadimah sudah ganggu, sabarlah. Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ringkas Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh, boleh. Tuan Pengerusi, saya ingin memetik ucapan perbahasan Belanjawan 2014 negara oleh Ketua Pembangkang Yang Berhormat Permatang Pauh pada 28 Oktober 2013. Ia berbunyi begini, kena dengar. “Meskipun

*bajet Barisan Nasional diramal akan mengakibatkan pengurangan defisit negara dari 4% kepada 3.5% KDNK, apabila dikaji dengan teliti masalah fizikal ini tidak diatasi dengan cara yang betul.”* Ini memang betul kerana kalau RM4.6 bilion ini dimasukkan dalam belanjawan negara 2013, kita tidak akan dapat defisit pada 3.5%. Ia akan melebihi paras itu. Persoalan saya ialah mengapa kejadian begini berlaku semasa pembentangan Belanjawan Negara 2013 pada 26 Oktober 2013?

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** *[Bangun]*

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sepatutnya walaupun ini dibayar pada bulan Januari tetapi berapa banyak dibayar, untuk berapa orang dibayar? Sepatutnya telah dirancang dalam belanjawan negara 2013. Itu yang membawa maksud belanjawan negara 2013. Tidak payah kelirukan Dewan. So, ini bermaksud sengaja telah dikurangkan nilai supaya defisit itu 3.5% dan ini boleh mengakibatkan rakyat boleh dikelirukan. Ini adalah sesuatu yang tidak betul dan telah mengkhianati kepercayaan rakyat kepada UMNO Barisan Nasional.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Minta laluan Yang Berhormat Kapar. Sebenarnya semalam apabila Timbalan Menteri membuat penggulungan pada peringkat dasar kita juga tanyakan persoalan yang sama, kenapa bayaran bonus untuk Bajet 2013 itu diambil keluar dan dimasukkan kepada peruntukan perbekalan Tambahan begini? Adakah ini satu *differ debt* atau pun *creative accounting*? Bagaimana? Akan tetapi jawapan daripada Timbalan Menteri yang bertugas semalam itu, dia kata kita terpaksa memindahkan perbelanjaan itu ke tahun 2014 supaya *target* defisit yang diumumkan pada Bajet 2013 itu tercapai. Bukankah ini *creative accounting*?

**Seorang Ahli:** Ya betul.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih. Masukkan semua yang disebut oleh Yang Berhormat Jelutong dalam sebahagian daripada ucapan saya. Akan tetapi saya *just* hendak tambah sedikit sahaja. Ini bukan *creative accounting*, ini adalah *bullshit accounting*. Itu yang perlu ditekankan. So, saya minta penerangan dan penjelasan daripada Menteri Kewangan.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Kapar, boleh bagi saya sedikit?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kapar, perkataan yang dikeluarkan. Boleh?

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Kapar, saya hendak terangkan sedikit. Saya fikir ramai daripada kita banyak pengalaman. Bukan sahaja dalam jabatan kerajaan atau swasta, kita juga telah menjalankan macam-macam perniagaan. Tidak ada mana-mana organisasi sama ada kerajaan ataupun tempat perniagaan membayar bonus pada tahun yang sama. Pertamanya, bonus...

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Okey, saya sudah faham.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** ...Bukan hak. Bonus adalah prerogatif dan bayaran akan dibuat setelah 12 bulan tamat perkhidmatan. Terima kasih

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Sungai sangat putar belit, mengelirukan rakyat itu sahaja kerja. Duduk, terima kasih. Saya tidak kata bayar pada tahun 2013. Saya kata rancangan dilakukan pada tahun 2013 dan bayaran dilakukan pada tahun 2014, jelas bahasa Malaysia saya. Saya minta, mohon dan menuntut Menteri menjawab soalan saya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Salam reformasi. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

### 12.37 tgh.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Pengerusi, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam 1Malaysia. Terima kasih kepada sembilan Ahli Yang Berhormat iaitu:

- (i) Yang Berhormat Jelutong;
- (ii) Yang Berhormat Tumpat;
- (iii) Yang Berhormat Wangsa Maju;
- (iv) Yang Berhormat Labuan;
- (v) Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan;
- (vi) Yang Berhormat Langkawi;
- (vii) Yang Berhormat Seputeh;
- (viii) Yang Berhormat Jasin; dan
- (ix) Yang Berhormat Kapar.

Yang Berhormat Seputeh ini tidak ada dalam butiran tetapi tidak mengapalah nanti saya jawab dan juga pencelahan daripada beberapa orang Ahli Yang Berhormat.

Banyak yang bertanya tentang subsidi. Saya ingin memaklumkan di sini, ini kali pertama pernah dibacakan di dalam Dewan Rakyat sejak daripada tahun 2000 hingga tahun 2014. Saya akan bacakan jumlah subsidi petroleum yang terdiri daripada petrol, diesel dan LPG daripada tahun 2000 hingga tahun 2014. Nisbahnya petrol 50% daripada angka yang saya bacakan, diesel 40% dan LPG 10%.

Tahun	Jumlah (RM)
2000	3.425 bilion
2001	2.398 bilion
2002	917 juta
2003	1.823 bilion
2004	4.788 bilion

2005	8.164 bilion
2006	7.281 bilion
2007	8.770 bilion
2008	15.378 bilion
2009	5.593 bilion
2010	9.605 bilion
2011	20.275 bilion
2012	24.726 bilion
2013	23.458 bilion
2014	Anggaran 22.24 bilion

Jadi, ini adalah merupakan cabaran yang berada di hadapan kerajaan, cabaran yang berada di hadapan kita apabila...

■1240

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Celahan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Pandan, Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memperincikan subsidi bahan api yang ditanggung oleh kerajaan. Akan tetapi tidak adil kalau hanya dibaca subsidi. Tidak dibaca perolehan dan keuntungan dan hasil daripada minyak mentah yang diperoleh oleh kerajaan. Kenapa tidak disebut kebelakangan ini setiap tahun sekurang-kurangnya kerajaan mendapat RM70 bilion daripada petroleum. Kenapa tidak dibandingkan dalam tahun 2003 contohnya, kerajaan hanya mendapat RM3 bilion dividen daripada Petronas berbanding dengan RM30 bilion dividen sekarang?.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya baru baca, saya belum banding. Jadi, janganlah marah apabila saya tidak banding *[Ketawa]* Salahkah saya baca macam ini? Tidak salahkan? Tidak salah. Jadi Tuan Yang di-Pertua, angka yang *detail* tentang berapa banyak hasil petroleum itu kemudianlah kita bagi... *[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Memang tidak ada rancangan hendak bacalah...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Salahkah, saya tanya, salahkah? Tidak salah. Hasil Kerajaan Persekutuan secara amnya diperoleh daripada 70% hasil cukai dan 30% daripada hasil bukan cukai. Seterusnya, apa yang saya ingin kongsikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini ialah mengenai perbandingan harga. Kalau tadi ada disebut oleh seorang Ahli Yang Berhormat sama ada perlu atau tidak GST dikenakan kepada minyak?. Saya ingin menyatakan di sini kita belum buat keputusan tentang perkara itu.

Sebagaimana juga Ahli-ahli Yang Berhormat menimbulkan apakah kaedah rasionalisasi subsidi yang akan kita jalankan pada bulan 9 kah, bulan 10 kah, bulan 11 kah, itu juga belum dipastikan bulan-bulannya. Kita menunggu dulu apakah kaedah-kaedah terperinci yang akan diumumkan oleh kerajaan. Pada saat dan ketika ini masih lagi belum dibuat keputusan, masih lagi kita kaji apakah yang akan dilakukan. Mekanisme-mekanisme sebahagiannya ada disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Jelutong. Misalnya, sama ada dari segi pendapatan, sama ada daripada kapasiti enjin, sama ada daripada kapasiti rebat, kuota, *smart card*, MyKad, semua belum ada keputusan.

Oleh sebab semua itu belum ada keputusan, maka keputusan untuk mengenakan GST kepada minyak atau tidak juga belum boleh dibuat...

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** *[Bangun]*

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Kita ingin melihat setakat mana penjimatan daripada usaha yang kita lakukan untuk membuat rasionalisasi subsidi itu. Pada saat dan ketika ini petrol dan diesel di Malaysia di kecualikan daripada cukai jualan. Bukan hanya petrol dan diesel di Malaysia ini kita bagi subsidi, bulan Mei 2014 RON95 subsidinya ialah RM0.71 satu liter. Sebanyak RM2.10 kita bayar, RM0.71 kerajaan *top up* sebagai subsidi. Diesel RM2 kita bayar, RM0.74 kerajaan *top up* sebagai subsidi. RM0.71 dengan RM0.74 ini dicampurkan pada tahun ini jadi RM22.24 bilion.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Minta celah Yang Berhormat Menteri. Minta celah.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Pada ketika yang sama kita juga tidak mengenakan cukai jualan kepada petrol dan juga diesel. Sebanyak RM58.62 satu liter petrol kita kecualikan daripada cukai jualan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jelutong bangun.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Jadi, apabila kita sudah kecualikan daripada cukai jualan, ada kemungkinan pada 1 April 2015 juga dikecualikan daripada GST. Diesel pula kita kecualikan daripada cukai jualan RM0.40 satu liter. Kalau kita campurkan dengan cukai jualan dan juga subsidi yang kita bagi, jumlahnya lagi besar, tanggungan yang diberikan oleh kerajaan.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri, minta...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, sila.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut pengumuman yang dibuat oleh kerajaan, *target* kita untuk membuat penjimatan dari segi penarikan subsidi atau pun pengurangan subsidi bagi bahan api, *target* untuk tahun ini ialah RM6.6 bilion. Jadi setakat ini, mulai Januari bagi kewangan tahun ini tidak ada sebarang pengurangan subsidi telah diumumkan atau pun kenaikan minyak setakat lima bulan yang lepas.

Jadi, saya hendak tanya kalaulah *target* kita yang telah sediakan RM6.6 bilion supaya dikira sebagai penjimatan subsidi bahan api tahun ini. Bagaimana *target* itu akan tercapai kalau tiada sebarang pengurangan diumumkan atau pun kenaikan harga minyak. Atau pun harga minyak sudah tetap menduga akan dinaikkan pada bulan September dan bulan-bulan yang akan datang. Itu soalan yang tidak terjawab.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya, saya faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Satu perkara yang kita ingin dimaklumkan di sini ialah dari segi sasaran itu ia boleh lagi berkurang atau bertambah. Mungkin penjimatan enam, mungkin penjimatan tujuh, mungkin penjimatan lapan, mungkin penjimatan dua. Kita belum putuskan tentang penjimatan itu, sedang dikaji. Jadi, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat faham sama ada Yang Berhormat Kuala Kangsar mengenai *nano tagging* dan sebagainya itu, semuanya itu kita akan fikir dan akan kita putuskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat masih boleh memberikan pandangan-pandangan sebelum ia dilaksanakan supaya sebagaimana yang disebut tadi, subsidi kita bukan lagi menjadi subsidi pukal tetapi subsidi yang bersasar, *targeted subsidy*. Bukan subsidi yang tersasar. Ini yang penting.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Celahan yang terakhir ini Yang Berhormat Menteri ya, untuk hari ini.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sila.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Saya hargai kenyataan Yang Berhormat Menteri bahawa sebelum keputusan belum dibuat sama ada mengenakan GST ke atas petrol dan diesel. Akan tetapi GST ke atas petrol dan diesel ini adalah komponen paling besar dalam kutipan GST. Ini kerana kalau dikira berdasarkan penggunaan petrol dan diesel setiap tahun, paling kurang kalau dikenakan 6%, kutipannya paling kurang RM3 bilion setahun.

Kalau sasaran kutipan itu adalah di antara RM21 bilion hingga RM26 bilion seperti Yang Berhormat Menteri pernah jelaskan. Maknanya, 12% hingga 14% daripada sasaran kutipan GST setiap tahun itu adalah daripada petrol dan diesel. Penjelasan yang saya mohon daripada Yang Berhormat Menteri, kalau ini belum diputuskan, maknanya unjuran yang digunakan oleh kerajaan bahawa GST ini akan membantu kewangan negara dan defisit negara itu tidak betul. Ini kerana kalau GST tidak dikenakan ke atas petrol dan diesel, maka kutipannya kurang, maka GST yang kita bimbang akan menaikkan inflasi ini, akhirnya lebih kurang sama sahaja kutipannya dengan SST yang ada sekarang. “*Jadi yang dikehjari tidak dapat, yang dikendong berciciran*”, akhirnya rakyat juga terpaksa berhadapan dengan kenaikan harga akibat pelaksanaan GST.

Oleh sebab itu saya minta Yang Berhormat Menteri, kalau hendak kenakan pun, itu keputusan Kabinet dan kerajaan. Akan tetapi perlulah diumumkan lebih awal. Jangan dibiarkan perniagaan dan rakyat tertunggu-tunggu keputusan mengejut seperti yang mahu dibuat oleh kerajaan sekarang.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri boleh saya mencelah?

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tiga bulan sebelum dilaksanakan GST, kita akan mengeluarkan senarai *shoppers guide*. Saya ingin menyatakan di sini, tujuan kita laksanakan GST untuk menambah hasil negara, itu tujuan yang bawah Yang Berhormat Pandan, yang bawah, tidak tahu nombor berapa. Nombor satu kita melaksanakan GST ini ialah untuk memastikan sistem percuai negara kita ini lebih telus (*transparent*), lebih cekap (*efficient*), dan lebih berkesan (*effective*). Selain daripada kita untuk meningkatkan daya saing negara di peringkat antarabangsa.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Barang ekspor kita sekarang ini ada cukai jualan 10% atau lebih. Jadi, ekspor Malaysia ini lebih mahal jika dibanding dengan negara-negara lain. Masa GST nanti ekspor tidak akan dikenakan GST dan SST 10% itu juga tidak akan ada...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Bererti, ekspor kita akan lebih murah dibandingkan dengan pasaran antarabangsa. Itu untuk daya saing negara. Kemudian dari segi kutipan, ia lebih kurang RM2 bilion begitu untuk kita punya kutipan dijangka GST kalau dikenakan kepada minyak.

#### ■1250

Akan tetapi kalau kita boleh membuat penjimatan, sejumlah penjimatan yang agak besar dengan sistem yang kita boleh berikan pada bulan September, atau bulan Oktober atau bulan November ini yang boleh diterima pakai oleh rakyat dan boleh diterima dengan kaedah-kaedah yang tertentu, penjimatan itu boleh membantu daripada kehilangan hasil tanpa mengenakan GST kepada petrol dan diesel pada 1 April 2015 nanti. Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih. Saya menghargailah kenyataan yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri kata matlamat GST ini bukan untuk hendak tambah pendapatan negara, itu kalau matlamatnya pun di antara yang terbawah. Atas dasar itu kita kurangkanlah jadi 1% sahajalah ya? GST itu biar 1% kerana matlamat yang utama ialah untuk hendak tentukan sistem percuai yang cekap, telus. 1% sahajalah ataupun 0.5%.

Saya hendak ingatkan Yang Berhormat Menteri, kenyataan Yang Berhormat Menteri ini bercanggah dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Ia sama ada GST ataupun *bankruptcy*. Apabila dibentangkan Rang Undang-undang GST, memang disebut. Di antara matlamat utama GST ialah untuk mencari sumber pendapatan yang baru untuk menggantikan sumber pendapatan yang lain. Khususnya daripada minyak dan sebagainya.

Kedua Yang Berhormat Menteri, saya hendak menyatakan pelaksanaan GST ini bila digandingkan pula dengan persoalan mengurangkan subsidi ia merupakan pukulan yang berlipat kali ganda ke atas kos kehidupan rakyat.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Bab pukulan-pukulan ini kita sedia- okeylah. Okey.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dan ini merupakan satu kenyataan, sudahlah kita tarik subsidi...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey, saya tahu. Kita faham.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Maknanya kos sudah naik. Walaupun kita hendak *target*, katakanlah pendapatan yang rendah tidak payah kena, masih dapat apa ini...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Celahan tidak perlulah panjang sangat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Hakikatnya ekonomi, perniagaan...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Yang Berhormat sebut sekali sahaja saya faham.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...Pengangkutan, semua akan terjejas. Ini ialah hasil daripada subsidi. Lalu saya minta Yang Berhormat Menteri, saya minta dengan penuh hormat...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kerajaan perlu buat keputusan berhubung dengan GST untuk minyak ini dengan seberapa segera, dan janganlah kita bermain-main dengan kata-kata untuk hendak menolak ataupun hendak menyembunyikan impak yang akan dikenakan ke atas rakyat melalui GST.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Shah Alam. Tidak perlu hendak mengajar sangat apa yang kami hendak lakukan ya. Kita melihat dan segala data itu kita ada.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tadi baru minta pandangan. Yang Berhormat Menteri tolonglah *be consistent...*

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Sudah tolaklah pandangan ini. Pandangan bukan tidak...

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sekejap hendak minta pandangan, sekejap kata hendak mengajar. Kalau tidak hendak pandangan beritahulah kita keluar sahaja senang.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Hendak dengar sahaja apa Yang Berhormat Menteri cakap. Tidak boleh beri pandangan.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Okey, tidak payah keluar. Duduk sahajalah Yang Berhormat. Keluar tidak payah tetapi duduk.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Pandan, sikit sahaja Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ada banyak sebab kita hendak melaksanakan GST. Ada tujuh, lapan sebab. Tujuh, lapan sebab kenapa kita hendak melaksanakan GST itu. Memang saya tidak nafi sebab untuk menambah pendapatan itu salah satu daripada tujuh, lapan sebab. Akan tetapi, dari segi urutan keutamaan untuk kita memperkembangkan ekonomi 0.3%, untuk kita menambah dan mengembangkan eksport 0.5%, untuk kita memastikan sistem cukai kita lebih cekap, berkesan dan telus. Itu berada di atas. Untuk kita mengurangkan kelemahan apa yang ada daripada sistem cukai yang ada sekarang ini itu berada di atas iaitu berwujud cukai atas cukai (*tax-on-tax*). Malah juga untuk mengelakkan *tax on tax* ataupun *the shadow economy* dengan izin *the underground economy*. Itu lebih di atas...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Celahan sikit Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Daripada untuk kita dapatkan tambahan. Jadi...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Ini pasal sistem cukai sekarang ini Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Saya hendak berhenti pukul satu ya?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Sekejap, sekejap sahaja. Satu minit sahaja Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ada beberapa lagi perkara, saya rasa cukuplah celahan dan Yang Berhormat Pandan tadi kata...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Ini penting sebab hendak menjawab Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** ...Celahan terakhir...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Ya lah, tadi Yang Berhormat Menteri jawab lain.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Jadi...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Menteri tidak menjawab dengan betul.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Bagaimana saya hendak menjawab itu terpulang kepada saya. Yang Berhormat Pandan tidak boleh hendak menyatakan apa yang perlu saya jawab kepada Ahli-ahli Yang Berhormat... [*Dewan riuh*]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya punya soalan bukan yang terakhir Yang Berhormat Menteri... [*Dewan riuh*]

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Ada fakta- Yang Berhormat Pandan janji celahan terakhir...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Ada fakta Yang Berhormat Menteri bagi tidak betul... [*Dewan riuh*]

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Janji tidak ditepati.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Jadi, saya hendak betulkan. Saya tidak ada celahan lain ya. Okey, ini mengenai Lembaga Hasil Dalam Negeri. Daripada 70%, daripada 100% cukai, 70% daripada hasil cukai pendapatan Kerajaan Persekutuan - 30% daripada hasil bukan cukai. Daripada 70% hasil cukai itu yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri berjumlah 56%. Bererti 56% daripada pendapatan negara ini disumbangkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri, 56%. Jumlah kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri 11,000 jawatan diisi seperti berikut:

Jawatan	Jumlah
Tetap	10,700
Kontrak	134
Sambilan	1,614

Sambilan ini antaranya ialah untuk menjadi pegawai-pegawai yang menguruskan BR1M. Jumlah 12,489 kakitangan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Jumlah bonus yang diberikan pada tahun – sebelum bonus kita tengok kutipan yang mereka kutip.

Tahun	Kutipan (RM/bilion)	Bonus (RM/juta)
2010	86.5	172.8
2011	109.6	212
2012	124.9	389
2013	129.0	283

Unjuran pada tahun ini kutipan Lembaga Hasil Dalam Negeri ialah RM140 bilion. Kemudian Yang Berhormat Labuan bertanya sama ada pihak kementerian mengkaji polisi dasar memanjangkan kelayakan pemberian subsidi minyak petrol, diesel pada operator feri, kenderaan penumpang Menumbok - Labuan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun memanjangkan pelaksanaan pemberian subsidi diesel kepada pengusaha feri penumpang yang beroperasi di enam buah pulau utama di Malaysia termasuklah Pulau Labuan mulai pada tahun 2012. Pemberian subsidi diesel ini adalah tertakluk kepada jumlah kuota diesel yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kelulusan Subsidi Diesel (JKSD) di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Sehingga kini sebanyak enam buah syarikat telah diberikan dan untuk pengusaha feri penumpang ke Pulau Labuan yang telah memohon dan memberikan kelulusan subsidi diesel yang berkaitan.

Lagi, saya tengok nota saya ini. Ada Ahli Yang Berhormat memaklumkan bahawa daripada segi laporan *Bloomberg* itu. Akan tetapi, saya juga ingin memaklumkan walaupun apa

juga laporan *Bloomberg* dalam suku pertama tahun ini pertumbuhan ekonomi negara kita mengatasi banyak negara. Filipina 5.7%, Thailand -0.6% kerana keadaan politik yang tidak stabil, Malaysia 6.2%, Singapura 5.1%, Indonesia 5.2%, Korea Selatan 3.9%, UK 3.1%, Jepun 3.0%, USA 2.3%. Yang mengatasi Malaysia ialah China 7.4%, Malaysia 6.2%.

Walau apa pun yang disebut oleh *Bloomberg* tetapi itulah fakta-faktanya dan fakta-fakta ini adalah angka-angka yang benar dan ia tidak berbohong angka-angka itu. Jumlah bajet tahun 2014, RM262 bilion. Pecahan OE RM217.65 bilion, DE RM45 bilion. Kita servis hutang RM14.1 bilion atau 5.3% bererti hutang kerajaan ini boleh kita servis. Jumlahnya 52.2% daripada KDNK, RM560.6 bilion. Syiling yang kita tetapkan ialah 55%, ia lebih rendah daripada banyak negara. Walau bagaimanapun kita mengambil ingatan tentang hal hutang ini.

Seterusnya, terima kasih kepada Yang Berhormat Jasin Yang Berhormat memberikan pandangan-pandangan yang baik dan juga Yang Berhormat Seputeh. Saya ingin maklumkan bahawa kes ini dalam pemerhatian dan saya telah dapat laporan penuh dan saya telah membuat kenyataan akhbar. Jika ada perkara-perkara yang tidak baik, tidak betul dan tidak kena, apa yang berlaku tentang kes kereta Langkawi ini, maka SPRM silakan membuat penyiasatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kapar, tidak jawab kah?

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM208,954,000 untuk Maksud B.10; dan RM3,082,188,000 untuk Maksud B.11 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM208,954,000 untuk Maksud B.10; dan RM3,082,188,000 untuk Maksud B.11 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Timbalan Yang di-Pertua, (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ahli-ahli Yang Berhormat kita tangguhkan mesyuarat sehingga jam 2.30 petang.

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Ronald Kiandee) mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Maksud B.7 [Jadual] -**

**Tuan Penggerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Kepala Perbekalan B.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk bahas.

*[Tiada perbahasan]*

**Tuan Penggerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM88,000,000 untuk Maksud B.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM88,000,000 untuk Maksud B.7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Maksud B.21 [Jadual] -**

**Tuan Penggerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Kepala Bekalan B.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terbuka untuk bahas. Tidak ada? Yang Berhormat Jerlun.

**2.33 ptg**

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Yang Berhormat Tuan Penggerusi, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya sebenarnya semalam telah pun membahaskan agak panjang lebar tajuk keperluan untuk memperkenalkan semula, diwujudkan semula Lembaga Padi dan Beras Negara. Jadi saya tidak berhasratlah untuk hendak melebar-lebarkan lagi perbahasan ini. Jadi saya minta kementerian mengambil perhatian dan memberi jawapan sama ada perlu ataupun bila yang hendak dibuat dalam penggulungan nanti. Terima kasih.

**Tuan Penggerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Pendek itu. Ya, Yang Berhormat Hulu Langat.

**2.33 ptg.**

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Tuan Penggerusi, saya hanya ingin mendapat sedikit penjelasan di bawah Butiran B.21 ini. Semalam Yang Berhormat Menteri menjawab bahawa peruntukan RM72 juta itu untuk setup ataupun membina beberapa kemudahan-kemudahan dalam pengedaran agro makanan tetapi saya ingin mendapat sedikit penjelasan dari segi konsepnya ataupun bagaimana kaedahnya supaya kita hendak pastikan bahawa tidak

berlaku kenaikan harga barang makanan, yang pertama. Yang kedua dari segi jenis-jenis agro makanan itu ataupun produk-produk yang kita keluarkan bagi memastikan bahawa harga barang-barang makanan kita ini sentiasa terpelihara bagi membantu terutama rakyat yang berada di luar bandar dan sebagainya.

Jadi saya mengambil contoh adakah ia melibatkan dari segi pemasaran ikan, pemasaran daging dan sebagainya ataupun...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Okey, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Jangan panjangkan pun boleh Yang Berhormat.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Tidak ada. Tidak boleh panjang-panjang... *[Disampuk]* Sikit lagi. Jadi begitu juga dari segi mungkin makanan-makanan yang telah pun diproses umpamanya dari segi pemasaran umpamanya, kerepek, baulu dan sebagainya yang diproses oleh orang-orang kampung, oleh orang-orang tempatan. Bagaimanakah langkah Kementerian untuk memastikan bahawa mereka mempunyai pasaran yang cukup. Jadi itu persoalan saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sekijang.

### 2.36 ptg.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Biasanya kena berebut-rebut. Hari ini dapat peluang pula cakap. Masalah orang tengah ini saya hendak sebut sebab sudah begitu sebat dengan kehidupan petani serta pekebun dan juga nelayan dalam negara. Golongan ini kita tahu yang memang bersusah payah membanting tulang tapi hasil yang mereka dapat biasanya memang tidak seberapa. Manakala orang tengah yang membeli daripada mereka ini pula membuat keuntungan memang berlipat kali ganda apabila menjual hasil kepada peraih dan juga kepada peruncit.

Jihad menentang orang tengah yang juga merupakan inisiatif daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, dari segi asas dan objektifnya memang sangat menarik. Namun kita harus akui masalah orang tengah masih belum untuk kita dapat atasi dengan sepenuhnya. Walau bagaimanapun dengan pelbagai program dan promosi yang telah dijalankan, kita lihat golongan petani dan nelayan ini masih lagi bergantung kepada orang tengah terutamanya untuk menjual hasil mereka. Ini bermakna program serta promosi yang dijalankan tidaklah begitu sampai maksudnya kepada golongan dan peranan orang tengah masih dilihat terlalu berleluasa.

Jadi saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian dapat kalau boleh membina seberapa banyak hab jualan hasil pertanian dan juga tangkapan di mana setiap aktiviti jualan antara semua petani serta nelayan dengan pemberong dalam satu kawasan Parlimen di jalankan

menerusi hab ini dan mungkin ia dapat membantu mengurangkan peranan orang-orang tengah. Harga jualan yang ditetapkan melalui hab ini juga perlulah mengikut permintaan pasaran dan kita boleh menetapkan harga minimum pada setiap jualan.

Jika hab sebegini diwujudkan, agensi seperti FAMA boleh memainkan peranan dan petani serta nelayan akan mendapat pulangan yang berbaloi, manakala bekalan di pasaran pula dapat dipastikan mencukupi sesuai dengan permintaan. Inilah yang saya harapkan apabila sejumlah tambahan sebanyak RM72 juta ini untuk menampung perbelanjaan bagi pelaksanaan program jaminan berkaitan dengan bekalan dan pengedaran agro makanan bagi menangani kesan kenaikan harga barang. Itu saja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong.

### **2.39 ptg.**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ucap terima kasih kerana memberi peluang untuk turut sama berbahas. Saya hendak sentuh berkaitan dengan Dasar Agro Makanan Negara. Mengikut rekod pada September 2011, Kabinet telah mewujudkan Dasar Agro Makanan Negara bagi menggantikan Dasar Pertanian Negara. Satu dasar baru yang dibuat untuk membuat lonjakan lebih besar dalam sektor industri pertanian dan asas tani.

■ 1440

Dalam kita menghadapi keadaan ekonomi dan cabaran di peringkat global, tentu juga dalam satu usaha untuk kita angkat kedudukan industri makanan kita hingga ke peringkat pasaran antarabangsa dan saya lihat juga dalam dasar ini ialah tujuannya tidak lain juga adalah untuk menjamin supaya bekalan barang makanan kita mencukupi bagi kita menghadapi situasi-situasi di luar jangkaan dengan perubahan iklim cuaca dan fenomena-fenomena alam yang lain dan tentunya bagi menjamin supaya berlaku keadaan di mana makanan kita sentiasa selamat dan juga tidak lain pentingnya ialah untuk memastikan supaya melalui Dasar Agro Makanan Negara ini kita dapat tingkatkan pertamanya kuantiti pengeluaran dan dengan sendirinya ia dapat membantu untuk meningkatkan pendapatan petani dan juga pengusaha dalam bidang industri pertanian ini.

Ini suatu perkara yang amat penting dan sudah tentu kita harap apabila dasar ini diwujudkan tentu akan meletakkan industri pertanian kita ini setanding dengan industri lain kerana kita tahu bahawa dalam keadaan hari ini, jumlah eksport import makanan kita dari luar negara begitu tinggi dan bila import kita begitu tinggi, maka bila berlaku keadaan tidak menentu di luar negara, di negara-negara yang kita import bahan makan itu sudah tentu akan memberi kesan kepada kita dan antara kesannya ialah tentu berlaku kenaikan harga bekalan makanan dan sebagainya. Sebab itu saya ingin mendapat ....

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Lenggong, mencelah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ha, sila.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sekijang.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Yang Berhormat Lenggong, nak tanya. Tadi Yang Berhormat Lenggong sebut tentang keperluan untuk penambahan produk-produk berkaitan dengan agro makanan ini. Setuju tak Yang Berhormat Lenggong kalau kita minta supaya pihak kementerian untuk penambahan produk berkaitan dengan agro makanan ini, kita perlu lebih ramai lagi pengusaha-pengusaha, petani-petani terutamanya mereka di kalangan golongan muda dan juga golongan belia ini untuk terlibat dalam produk-produk ataupun pengedaran berkaitan dengan produk agro makanan ini.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Sekijang. Saya setuju dan saya fikir dalam Dasar Agro Makanan Negara ini, perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Sekijang juga termaktub dalam dasar berkenaan di mana usaha mesti dilakukan untuk meningkatkan pendapatan dan tentunya antara perkara yang boleh dilakukan ialah untuk mewujudkan lebih banyak usahawan-usahawan dalam bidang pertanian industri asas tani ini. Sebab itu saya lihat bahawa dengan peruntukan besar yang dipohon oleh kementerian untuk menampung perbelanjaan bagi program jaminan bekalan makanan, saya lihat bahawa antara perkara yang mungkin sudah sebatи dengan kementerian ialah apa yang dipanggil projek Tapak Kekal Pengeluaran Makanan Negara.

Ini juga sebagai satu program dalam usaha untuk memastikan supaya bekalan makanan kita cukup ...

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Minta laluan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ... dan kita lihat bahawa dalam program TKPM ini, biasanya pihak kementerian atau pelaburan daripada sektor swasta dan bila ada syarikat-syarikat besar melabur, saya fikir antara apa yang disebut oleh Yang Berhormat Sekijang tadi, kerajaan mesti secara serius sama ada melalui FAMA dan sebagainya mewujudkan *young entrepreneur* atau usahawan-usahawan kecil sebagai syarikat yang dipayungi oleh syarikat besar yang melaksanakan projek di TKPM dalam program bekalan makanan dan sebagainya. Sila Yang Berhormat Jerlun.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya juga tertarik dalam TKPM ini, berkaitan juga sudah tentulah berkait rapat dengan dasar agro makanan negara dan kita juga mendengar tentang 3F ini, *Fund For Food*. Jadi, adakah Yang Berhormat Lenggong melihat bahawa tabung ini betul-betul dapat membantu dan memang membantu mereka-mereka yang mencuei diri dalam pengeluaran makanan berskala besar. Sejauh mana keberkesanan tabung ini dan juga macam mana dapat kita tingkatkan lagi. Mohon pandangan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Saya lihat bahawa program TKPM ini, Tapak Kekal Pengeluaran Makanan Negara ini yang mana kebanyakan kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah kawasan yang besar untuk

pelaburan sektor swasta ataupun kerajaan dalam industri makanan. Ia memang satu program yang besar dan baik Yang Berhormat Jerlun tapi kita kena akui juga hakikat bahawa ada juga program-program TKPM ini yang dilaksanakan dia menemui kegagalan. Mungkin atas faktor-faktor tertentu tetapi saya fikir kalaularah kerajaan melalui kementerian benar-benar memberi fokus kepada perkara ini, saya cukup yakin kalau di Perak misalnya, di Perak kalau saya tak silap lebih daripada enam kawasan TKPM di mana setiap satu kawasan, geran peruntukan kawasan yang cukup besar untuk melaksanakan projek ini tetapi sebagaimana Yang Berhormat Gerik sebut tadi, ia dilaksanakan secara serius atau tidak.

Saya percaya kalau ia dilaksanakan secara serius dengan begitu tumpuan, dengan menentukan syarikat yang membangunkan dengan syarikat yang betul-betul baik, saya percaya kita boleh mewujudkan satu industri pengeluaran makanan. Kalau kita tak boleh mengurangkan begitu banyak import kita, sekurang-kurangnya kita boleh membantu mengurangkannya dan dengan sendirinya kita boleh melahirkan usahawan-usahawan kecil dan ia juga boleh menyelesaikan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jerlun tadi. Saya fikir, sebab itu saya lihat bahawa dengan peruntukan RM72 juta ini untuk menampung program jaminan bekalan makanan ini, saya harap bahawa kerajaan memberi tumpuan sebenar-benarnya untuk membangunkan kawasan-kawasan TKPM ini secara serius.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: [Bangun]**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: [Bangun]**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya tengok contoh Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya, di Gerik pun. Sebab itu disebut tadi.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Gerik bangun.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Diwujudkan kawasan TKPM dah lama, betul Yang Berhormat Gerik kan?

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Ya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Akan tetapi tak dibangunkan. Dengar cerita dahulu, oh projek besar tetapi ia tak dibangunkan secara serius.

**Tuan Pengurus [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Gerik bangun, Yang Berhormat. Semua dari Perak.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya bagi Gerik dahulu sat lagi baru Yang Berhormat Batu Gajah. Jangan risau.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam nak memperkasakan jaminan bekalan, kita mesti melihat yang dok bercakap ini dalam skala yang besar tetapi kita cukup kaya dengan ini Yang Berhormat Lenggong. Kita ambil contoh di Perak, ada berapa tempat ternak lembu ini yang kita panggil padang ragut tetapi padang ragut tadi dibiarkan. Kalaularah dengan kita nak memperkasakan dengan jaminan bekalan, kalau boleh kementerian beli lembu-lembu ditaburkan

di semua, kita wujudkan kumpulan-kumpulan baru di padang ragut, saya percaya iaitu apa yang dikehendaki untuk memperkasakan program jaminan bekalan sedangkan kalau ikut semalam saya terdengar pihak Yang Berhormat Bukit Gantang kata kita import dari luar ini hampir-hampir dekat 80% terutamanya daging, yang ada dalam negara ini sikit sahaja. Bagaimana di negeri-negeri lain yang mempunyai padang ragut pun sama juga masalah jawatankuasa padang ragut nak menunjukkan kuasa sahaja, tak nak bagi orang baru. Padahal kalau kita wujud kumpulan wanitanya, kumpulan pemudanya untuk bawa tambah lagi, saya percaya kita menghadapi satu masalah baru nak menghadapi raya korban.

Lembu yang diimport dari Thailand hari ini kosnya pun dah RM3000. Kalau setakat RM3000 sahaja entahlah kita, macam mana kita nak buat majlis korban ini. Yang kedua, saya nak bangkitkan kepada Yang Berhormat Lenggong, macam mana kita nak mengubah sikap orang kita ini. Padahal kementerian dok sebut pertanian ialah perniagaan. Sampai hari ini tak ada nampak, tak ada nampak pun. Slogan tinggal slogan. Macam mana nak merealisasikan pertanian tadi ataupun ternakan tadi ialah perniagaan, pasal saya tengok tak tahulah apa bendanya, mungkin orang Melayu ini takut tanggung risiko. Nak minta pandangan Yang Berhormat Lenggong sedikit, terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya sokong apa yang disebut oleh Yang Berhormat Gerik tadi. Yang penting saya harap supaya kementerian beri benar-benar tumpuan dan fokus kepada apa yang telah pun sedia ada hari ini iaitu kita ada kawasan-kawasan yang begitu luas.

#### ■1450

TKPM di kawasan saya 4,000 hektar, di Gerik pun ada. Kawasan padang ragut di kawasan saya sahaja 13, di Gerik pun banyak. Jadi, apakah tidak ada usaha yang bersungguh-sungguh oleh pihak kementerian untuk membangunkan kawasan-kawasan ini supaya ia menjadi pusat kepada pengeluaran makanan yang membolehkan kita mengurangkan kebergantungan kita kepada negara luar. Kebimbangan kita ialah apabila kita banyak bergantung kepada negara luar misalnya kita bergantung kepada Thailand untuk sumber beras. Apabila berlaku krisis di Thailand ia menjelaskan negara kita, begitu juga dengan negara lain dengan berlaku fenomena alam sebagainya.

Jadi kerana itu, kita melalui program ini saya harap supaya apa yang telah dibincangkan, diperhalusi dan terkandung dalam Dasar Agro Makanan Negara yang diputuskan dan diperakui oleh Kabinet pada 28 September 2011 itu benar-benar dimanfaatkan dan dilaksanakan. Kerana apa? Kerana kita lihat dengan peningkatan harga makanan di peringkat global dan kekurangan bekalan makanan hari ini apabila berlaku fenomena, ia merupakan satu cabaran besar kepada kita dan tentunya kesan besar ialah apabila berlaku kenaikan harga barang dan sebagainya. Ia juga berpunca daripada kurangnya bekalan makanan...

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: [Bangun]**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Batu Gajah, hendak cakap? Sila.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Tadi Yang Berhormat Lenggong ada sebut tentang negeri Perak dan juga ada sebut tentang kita kekurangan beras dan terpaksa import beras daripada negara lain terutamanya daripada Thailand. Saya difahamkan negara kita mengimport lebih kurang 30% daripada beras dari negara-negara lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah hasil pengeluaran padi negeri Perak pada tahun 2013 adalah 337,058 tan matriks iaitu lebih kurang 12.83% berbanding dengan jumlah hasil pengeluaran padi negara iaitu sebanyak 2.6 juta tan matriks.

Jadi, saya lihat di sini bahawa negeri Perak adalah sebuah negeri yang besar. Akan tetapi hanya menyumbangkan lebih kurang 12.83% dan saya rasa Perak mempunyai potensi tinggi untuk membuka lebih banyak kawasan untuk penanaman padi, di mana ini boleh meningkatkan sumber beras untuk seluruh negara kita. Saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri Perak juga bersama-sama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani membuat usaha sama untuk membuka lebih banyak kawasan tanaman padi dan ia juga dilakukan secara penanaman padi berskala besar. Apa pandangan Yang Berhormat Lenggong berkaitan perkara ini?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Batu Gajah, saya setuju supaya kerajaan menambahkan kawasan-kawasan pengeluaran makanan ini kerana ia penting kerana jika kita menghadapi masalah kekurangan bekalan ia menimbulkan kesan-kesan yang banyak. Apabila permintaan tinggi, kurang pengeluaran, berlaku kenaikan harga dan sebagainya, sudah tentu ia memberi kesan kepada rakyat dan rakyat akan marah dan isu-isu lain akan timbul. Oleh sebab itu saya setuju, memang di Perak antara kawasan yang potensi dan besar ialah kawasan Timbalan Menteri sendiri, kawasan pengeluaran padi itu boleh dilaksanakan dengan begitu baik dan tersusun. Saya fikir ia memang dalam perancangan dan pelaksanaan kementerian. Nanti Yang Berhormat Menteri jawablah.

Saya juga difahamkan kita ada kawasan baru jelapang padi di Kota Belud. Saya dahulu waktu Yang Berhormat Kota Belud ada di sebelah sini dia selalu bangkitkan perkara ini. Saya pun hendak tanya kementerian, apa sudah jadi dengan projek jelapang padi di Kota Belud, di Sabah sebagainya? Yang pentingnya...

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Parit, Parit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit bangun Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang pentingnya saya minta kementerian supaya apa yang terkandung dengan Dasar Agro Makanan Negara yang

diputuskan, yang dirancang, kalau dapat kita laksanakan betul-betul saya ingat ia baik kepada kita. Sila Yang Berhormat Parit.

**Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong, terima kasih Tuan Pengerusi. Pada hari ini kita nampak masalah beras. Setuju tidak Yang Berhormat Lenggong kalau kita katakan bahawa kerajaan hanya memberikan tumpuan kepada kawasan-kawasan jelapang padi sahaja. Pada hal di kawasan-kawasan luar jelapang padi langsung dibiarkan, contohnya di tempat saya. Tidak lebih daripada 10 tanpa, hanya 4 tan hingga 5 tan saya dapat satu ekar sebab kalau tanah bendang mereka teruk, yang perlu kepada pembaikan, air tidak masuk... *[Dewan riuh]* Air tidak cukup. Jadi maksudnya, apakah Yang Berhormat Lenggong setuju supaya di samping mengutamakan jelapang-jelapang padi, tengok juga kawasan-kawasan luar jelapang padi. Umpamanya supaya kawasan-kawasan di parit itu dimasukkan dalam skim- Sungai Manik ataupun wujudkan skim berasingan bagi menambah hasil padi di kawasan-kawasan di luar jelapang padi. Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Setuju Yang Berhormat Parit, memang kena buat. Dia sama juga macam apabila kerajaan peruntukan RM500 untuk pekebun kecil getah, yang menoreh getah banyak juga bukan pekebun kecil. Akan tetapi mereka juga sebenarnya penyumbang kepada pengeluaran getah negara. Malah sesetengahnya yang dapat RM500 dia sewa pada Bangla, bukan orang Malaysia yang menorehnya pun. Macam apa Yang Berhormat Pendang cakap, betul! Jadi, saya fikir pesawah-pesawah yang mengeluarkan padi yang bukan dalam kawasan jelapang padi ini, saya ingat Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu maksud dia, juga harus diberikan tumpuan yang penting bagi saya fikir perlu ada usaha yang bersungguh-sungguh supaya kita jangan lagi bergantung terlalu banyak kepada luar kerana keimbangan kita ialah apabila berlaku fenomena cuaca keadaan politik yang tidak stabil kepada negara-negara yang kita import barang makanan, ia tentu memberi kesan kepada kita dan saya tahu kementerian tahu semua perkara ini.

Apa yang saya hendak sebut di sini ialah Yang Berhormat Menteri, saya harap kerajaan bangunkan bersungguh-sungguh kawasan-kawasan yang telah digazetkan untuk pengeluaran makanan TKPM banyak sangat. Kawasan-kawasan padang rugut tadi walaupun tanahnya milik kerajaan negeri, saya percaya kalau kementerian boleh wartakan dan bincangkan untuk jadikan ia sebagai kawasan TKPM juga, kerajaan boleh memberi bantuan sepenuhnya untuk menjadikan kawasan ini sebagai kawasan pengeluaran ternakan. Tidak kiralah sama ada lembu, kerbau, kambing, kawasan saya ada rusa. Kita boleh menambahkan jumlah bekalan makanan. Yang berlaku hari ini, saya faham dimaksudkan oleh Yang Berhormat Gerik tadi usaha bersungguh-sungguh. Tahun hadapan kementerian bagilah pagar, sedikit itu pun buat sekerat. Dua tahun lagi bagi lembu 10 ekor.

Jadi, ia tidak berlaku secara bersungguh-sungguh. Jadi yang menternak pula, ada di kalangan dua, tiga kerat yang tua-tua ini pun, jadi tidak bersungguh-sungguh. Apa salahnya kita

duduk dan bincang betul-betul? Kawasan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebanyak 13 kawasan padang rugut yang kita dalam projek *Lenggong Agro Valley* untuk penternakan rusa. Kita sudah bangun enam. Ada 11 lagi yang boleh kita bangunkan bersungguh-sungguh, di tempat-tempat lain. Kalau ini diusahakan bersungguh-sungguh, di Perak, di Kedah padinya, saya ingat ia boleh membantu untuk tujuan tersebut. Jadi, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Puteh.

## 2.59 ptg.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya terpanggil untuk memberikan sedikit sumbangan kepada B.21 tentang pertanian dan industri asas tani. Bagi saya masalah kita yang pertama tentang orang tengah. Bagi saya orang tengah ini penting dalam industri pertanian. Hanya sekarang ini mungkin kita tidak berapa percaya dengan orang tengah kerana mengambil untung yang banyak dan menganiayai pengeluar atau petani-petani di bawah.

### ■1500

Saya rasa di sinilah peranan yang patut dimainkan juga oleh kementerian untuk mendidik orang-orang tengah ini supaya menjadi peniaga-peniaga yang beriman dan bertakwa kepada *Allah*. Dengan itu mereka boleh berlaku adil kepada petani-petani di bawah dan tidak menganiayai mereka. Seterusnya, menjual hasil-hasil mereka itu dengan harga yang berpatutan ke pasaran dengan tepat dan cepat sehingga harga barang-barang ini tidaklah melonjak terlalu tinggi. Jadi, ini ialah semua ini daripada perkaryanya ialah perkara *supply* kemudian daripada bawah, ladang sampailah kepada pasaran itu mestilah berjalan dengan baik. Untuk berjaya dalam pertanian juga, kesemua *step-step* ini mestilah berjalan dengan baik dan menjaga kepentingan semua.

Lebih-lebih lagi kerana semuanya akan menentukan juga pembangunan pertanian itu sendiri akan berjalan dengan baik. Membangunnya pertanian di negara kita juga mestilah semua itu berjalan dengan baik daripada bawah. Daripada ladang, laut dan ladang-ladang ternakan, semua ini berjalan dengan baik. Kemudian *chain* dia, kemudian itu orang tengah juga mesti berjalan dengan baik. Sekarang ini kerajaan cuba mengambil peranan orang tengah ini melalui FAMA. Kita tahu FAMA tidak mungkin dapat menjalankan tugas ini dengan sepenuhnya, *take over* semua, tidak mungkin.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Atau hendak mengambil 50% pun daripada *chain* ini tidak boleh. Bahkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerlun bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Yang Berhormat Pasir Puteh, minta laluan sikit sahaja.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Ya, ya silakan.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Saya mendengar tadi idealisme itu tinggi. Memang kita orang tengah ini mestilah adil, apatah lagi kalau Islam itu beriman, bertakwa kan? Saya ada seorang, dia di kawasan saya, dia digalakkan menternak ayam kampung. Jadi, dia ini pun kata, “Okey, *Dato' kita buat projek ayam kampung 300 ekor*”. Belalah ayam kampung ini. Bela ayam kampung, bagi makan apa semua, dedaklah makan. Makanan semua ada classlah.

Sampai umur 70 hari, sampai masa untuk dijual, kita pun mencari-cari siapa yang hendak beli? Adalah orang tengah ini kata, “*Boleh Dato', saya boleh beli semua satu reban, 300 ekor*”. Masa itu tinggal 280 ekor. Akan tetapi harganya RM6.50. Jadi, kawan ini dia apa choice, apa pilihan yang dia ada, jadi saya kata, “*Tidak payahlah, saya beli satu reban ini kita sedekah dekat orang*”. Oleh sebab kos pengeluaran dia untuk satu kilo ketika umur 70 hari itu sudah mencecah RM8. *And then, retail price* ayam bersih ayam kampung di *market*, di pasar RM13. Tiba-tiba orang tengah ini dia kata boleh beli tapi RM6.50. Jadi, daripada awal lagi memang kerajaan, kementerian baik di peringkat negeri/Persekutuan menggalakkan pelbagai hal, KTPM apa semua ini, termasuklah juga menternak ayam.

Ayam ini ayam reban dan juga ayam kampung. Akan tetapi *classic case* yang saya sendiri lalui bahawa orang tengah ini memang mengambil kesempatan sebab dia tahu kawan ini dia tidak ada pilihan. Jadi, sampailah hari ini, tinggal lagi 70 ekor, ayamnya sudah berat empat kilo setengah dan hendak disimpan sampai raya. Tidak tahulah hendak jadi ayam itu ayam apa. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan peranan yang saya kata orang tengah ini pun selalunya lah menekan pengeluar. Jadi, pengeluar sama ada dia tanam pokok, jagung, padi, dia tanam apa pun. Dia ternak ayam, lembu dia ternak apa, dia lah yang menjadi mangsa mainan orang tengah. Apa komen Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Itulah masalahnya kita sekarang. Saya setuju dengan Yang Berhormat Jerlun, berlaku. Jadi, apa yang kita patut lakukan sekarang ini ialah kita cuba lahirkan orang tengah daripada kalangan petani-petani ataupun penternak-penternak ini sendiri, anak-anak mereka, kita latih menjadi orang tengah pula. Mereka inilah yang dapat memahami masalah yang dihadapi oleh ibu bapa mereka atau sahabat-sahabat mereka di bawah.

Di sini adakah peranan itu dilakukan? Kalau dilakukan, saya percaya dilakukan oleh kementerian, sedang dilatih. Akan tetapi hendak tahu, berapa ramai anak-anak daripada anak-anak petani ini yang telah berjaya dilatih menjadi orang tengah yang baik dan tidak menganiayai keluarga-keluarga mereka yang menternak atau memelihara ayam seperti mana yang atau petani-petani yang di bawah sana. Jadi, inilah melahirkan orang tengah. Usaha melahirkan orang tengah yang baik. Adakah sudah dilakukan oleh pihak kerajaan. Kalau sudah dilakukan, sejauh

mana kejayaannya. Kalau ada *figure*? Inilah yang saya cuba hendak terangkan di sini bahawa kita tidak boleh lari daripada orang tengah.

Ini ialah proses perniagaan dan kita perlu kepada orang tengah yang amanah, bertanggungjawab, yang menjadi peniaga-peniaga yang hebat sebagaimana yang dituntut oleh Islam itu sendiri dan sistem perniagaan pun demikian juga. Akan tetapi kenapa lahir begitu ramai orang tengah-orang tengah yang tidak berperikemanusiaan, lintah darat ini. Kenapa lahir manusia-manusia seperti ini di tengah-tengah proses petani. Inilah yang boleh menggugat usaha kita untuk membangunkan pertanian di negara kita. Itu yang pertama.

Kedua, yang saya ingin sentuh sedikit ialah tentang perikanan. Perikanan kita sebagaimana yang diberitahukan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam masalah kita, khususnya perikanan di laut dalam. Semakin kurang. Sekarang ini kapal-kapal kita semakin kurang. Kalau di Tok Bali itu daripada 300 buah beberapa tahun yang lepas, sekarang ini mungkin tinggal kurang daripada 100 buah kapal milik kita, milik rakyat kita untuk keluar menangkap ikan di luar. Apa yang sudah jadi? Kenapa kapal kita semakin kurang? Apakah masalahnya? Adakah di sana *regulation* yang menyebabkan susah bagi orang kita untuk mendaftar kapal-kapal untuk menangkap ikan di laut? Atau apakah masalahnya, kenapa ia semakin berkurangan?

Saya tahu jawapan yang sebelum ini, saya sudah tanya tentang hal ini ialah tentang bahawa perikanan kita semakin banyak tetapi bilangan kapal kita semakin kurang. Apakah masalahnya? Ia adalah masalah bekalan makanan ikan kepada pasaran yang kekurangan ini boleh menyebabkan juga harga ikan naik di pasaran. Jadi, bekalan yang ada di pantai-pantai kita, di laut-laut kita ini sudah semakin berkurangan. Jadi, saya ingin tahu daripada kementerian adakah usaha-usaha dilakukan, adakah disebabkan kita ingin menjaga minyak kita tidak dihantar keluar, maka kita mengetatkan undang-undang sehingga susah untuk pengusaha-pengusaha kita untuk memiliki kapal. Ini kerana kita bimbangkan subsidi diesel kita itu di bawa keluar.

Adakah sebab itu ketatnya perundungan kita sehingga kapal-kapal kita semakin berkurangan? Atau apakah masalah yang sebenarnya? Kemudian tentang tanah-tanah TKPM. Banyak tanah-tanah TKPM di seluruh negara termasuklah di Kelantan. Tanah-tanah ini termasuklah tanah ragut. Akan tetapi tidak ramai ataupun tidak banyak yang diusahakan secara besar-besaran ataupun betul-betul menggunakan tanah-tanah ini untuk pembangunan pertanian. Di sini saya percaya kalaular pihak kementerian boleh memberikan tumpuan sedikit, memberi galakan kepada pengusaha-pengusaha swasta atau koperasi-koperasi, membantu mereka untuk membuat program-program yang untuk membawa bekalan makanan ini supaya setiap tanah-tanah TKPM ini betul-betul menghasilkan hasil-hasil pertanian yang mencukupi untuk bekalan kita di pasaran nanti.

Perkara yang akhir sekali ialah tentang padi kerana banyak yang bercakap tentang beras dan padi. Apa yang berlaku di tempat saya, banyak tanah-tanah padi sudah bertukar menjadi

tanah-tanah yang tidak diusahakan dengan padi. Sama ada dibiarkan begitu sahaja, naik dengan lalang dan tidak diusahakan padi atau ditukar kepada tanaman-tanaman yang lain seperti getah atau sawit. Sepatutnya yang patut berlaku ialah kalau kita hendak menjaga bekalan makanan kita ialah tanah getah ini tukar jadi padi. Akan tetapi sebaliknya sekarang ini tanah-tanah padi ditukar menjadi untuk getah atau sawit. Jadi, kita tidak boleh kenyang dengan getah dan kita juga tidak boleh kenyang dengan sawit.

Mungkin minyak sikit tetapi kita hendak kenyang dengan padi. Akan tetapi banyak tanah-tanah padi sudah menjadi terbiar dan saya ingin bagi sedikit input. Kenapa terbiar ini, ada banyak faktornya. Ia bagi saya pertama ialah kerana bilangan petani-petani kita sudah tua, kebanyakannya sudah tua dan tidak larat hendak buat dan petani muda tidak ada.

#### ■1510

Rangsangan kepada petani-petani muda kita ini setara mana kejayaan kita untuk membangunkan orang muda kita supaya berminat kepada pertanian dan menceburkan diri dalam pertanian sehingga tanah-tanah padi kita ini *insya-Allah* diusahakan oleh orang muda? Sejauh mana kejayaannya? Itu yang pertama. Kedua ialah bekalan air. Bekalan air yang tidak menentu *especially* khususnya pada tanah-tanah padi yang di luar daripada jelapang. Apa yang terjadi kepada tanah-tanah ini, air tidak mencukupi dan kita tahu musim kita sudah berubah dengan *E/Nino* dan sebagainya, lagi susah bagi kita untuk menjamin bekalan air.

Jadi pengusaha-pengusaha yang hendak mengusahakan jelapang padi atau di luar jelapang padi pun akan berfikir dua kali. Modal mereka bagaimana? Kalaulah cuaca yang tidak menentu ini dan kalaulah pihak kerajaan JPS dan sebagainya tidak membekalkan bekalan air yang mencukupi pada musim-musim menanam padi ini, maka tidak guna mereka menanam padi. Akhir sekali sebab yang mungkin ialah kerana di sana itu subsidi-subsidi tidak sampai kepada petani-petani yang mengusahakan, sudah menyebabkan ramai petani sendiri sudah putus asa, *give up* dengan penanaman padi ini kerana subsidi tidak sampai kepada mereka.

Pengagihan subsidi ini tidak rata kepada orang yang menanam padi. Dapat kepada orang yang tidak menanam padi atau kerana pilihan-pilihan, pilih kasih dan sebagainya berlaku di bawah. Jadi di tempat saya, inilah punca utama sebenarnya yang menyebabkan ramai petani-petani sudah tidak mahu menanam padi ialah kerana tidak dapat subsidi sebagaimana yang dijanjikan oleh kementerian.

Jadi, saya ingin sekali lagi mengatakan perkara ini sedang berlaku di bawah. Kalaulah boleh diperbaiki, *insya-Allah* kita boleh menjaga tanaman-tanaman padi kita, tanah-tanah padi kita ini dan terus ditanam dengan padi, *insya-Allah* hasil keluaran padi negara kita akan mencukupi. Di Kelantan sebenarnya sudah mencukupi untuk bekalan Kelantan, kita boleh eksport 20%-30% daripada hasil padi kita.

Akan tetapi kita tahu ini jelapang padi, yang boleh sepatutnya mengeluarkan lebih banyak lagi padi untuk kepentingan negara dan menampung 30% yang kita import dari luar itu.

Banyak lagi yang kita boleh lakukan tetapi kalau kita tidak menyelesaikan masalah-masalah yang saya sebutkan tadi maka lambat lagilah kita dapat menyelesaikan masalah bekalan makanan kepada negara kita. Kita tahu kepentingan bekalan makanan ini ialah sekuriti negara kita. Kalaulah makanan tidak cukup...

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat berkaitan dengan kepentingan kebajikan ataupun petani-petani. Di antara yang kita lihat ialah kelemahan yang perlu diperhatikan oleh semua pihak terutamanya dari sudut kebajikan para petani ialah apabila tanah-tanah yang dimiliki oleh petani ini terutama mereka yang mengerjakan sawah, bukan semua mereka memiliki geran tanah. Kebanyakannya mereka, petani miskin ini menyewa daripada tuan punya tanah yang mana mereka tidak mempunyai geran tanah sendiri sedangkan di antara syarat untuk mendapatkan bantuan ialah kena kemukakan geran tanah. Ini juga satu masalah yang timbul termasuk dalam kawasan saya sendiri. Jadi, supaya perkara itu diteliti.

Kedua saya ingin meminta pandangan Yang Berhormat ialah berkaitan dengan bekalan baja padi ataupun dipanggil untuk menyuburkan padi. Saya ingat berlaku dalam kes pilihan raya kecil di Sungai Limau dahulu, di mana petani memberitahu kami dan menunjukkan sampel sendiri di mana baja ataupun bahan yang diberikan untuk menyuburkan padi itu sangat tidak berkualiti. Malah petani tidak menggunakanannya, diletakkan di bawah-bawah pokok, di tepi-tepi rumah, mereka tidak manfaatkan yang diberikan oleh kerajaan kerana kualitinya sangat rendah. Katanya kalau diletakkan baja yang diberi ini, maknanya ia tidak memberikan hasil yang lumayan malah daunnya, padinya menjadi merah dan dia terpaksa membeli vitamin ataupun baja yang lain. Jadi minta pandangan Yang Berhormat dalam isu ini.

**Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]:** Terima kasih, jadikan sebahagian daripada ucapan saya. Tentang kualiti baja ini ada di tempat-tempat lain yang okey, saya dengar bagus tetapi ada tempat-tempat yang tidak okey. Jadi *supply* baja ini juga mesti diteliti oleh pihak kerajaan supaya baja ini betul-betul standardnya adalah baik dan betul-betul boleh menyuburkan tanaman itu. Kalaulah standard dan kualitinya itu tidak menentu, maka ini boleh menyebabkan petani-petani tidak meyakini pihak kerajaan sendiri yang memberikan baja-baja yang tidak berkualiti, banyak hampas, banyak pasir sahaja di dalamnya dan tidak mempunyai zat yang sesuai untuk tanaman tadi.

Jadi, sebab-sebab tadi banyak sebabnya yang menyebabkan hasil padi kita menurun dan saya bimbang, takut ia makin menurun kalau kita tidak boleh menyelesaikan masalah ini. Kalau kita boleh menyelesaikan masalah ini dengan adil dan saksama serta usaha yang berterusan, saya percaya kita boleh mencapai 100% *supply* makanan negara boleh dihasilkan kerana tanah kita memang subur, air kita mencukupi dan orang kita pun *insya-Allah* hendak bekerja dalam pertanian ini dan hanya perlu kepada sedikit rangsangan, sedikit perancangan

yang lebih kemas daripada pihak kerajaan, saya percaya kita boleh menyelesaikan masalah makanan negara kita. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pokok Sena.

### 3.16 ptg.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberikan peluang kepada saya untuk turut membahaskan belanjawan tambahan untuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi Maksud B.21 yang berkaitan dengan satu peruntukan untuk menampung perbelanjaan melaksanakan program jaminan bekalan dan pengedaran agro makanan bagi menangani kesan kenaikan harga barang. Saya gembira kerana Timbalan Menteri yang hebat ada di dalam Dewan yang tekun mendengar perbahasan dan mencatat untuk menjawab dengan cermat dan bersopan kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri ini Timbalan Menteri yang sentiasa memberikan jawapan yang sangat bersopan dan lemah lembut. *[Ketawa]* Senyum pun kadang-kadang manis sampai ke telinga. Hah, itu kata hebat Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian ini.

Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua khususnya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Awat? Pasai apa? Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab jaminan bekalan makanan ini ialah isu-isu yang lebih luas khususnya dalam menghadapi musim perayaan kerana kita bakal memasuki bulan Ramadhan pada penghujung bulan ini, 28 ataupun 29 hari bulan ini maka akan bertemu dengan bulan Ramadan. Setiap kali ketika ketibaan bulan Ramadhan ini yang menjadi masalahnya ialah kepada bekalan-bekalan makanan yang berkaitan dengan kementerian Yang Berhormat iaitu bekalan ayam, daging lembu dan juga ternakan yang lain yang merupakan kegunaan-kegunaan yang begitu banyak yang digunakan pada bulan Ramadan.

Jadi, saya hendak minta sebab kalau tahun sudahnya telah timbul satu agak krisis sehingga penentuan, penetapan harga yang hendak dibuat oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna terhadap harga ayam pun, hendak menentukan harga siling ayam itu sampai lagi seminggu hendak raya barulah boleh dapat membuat satu penentuan. Ini ekoran hujah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengatakan bahawa kerana kita menghadapi masalah bekalan, kekurangan dan sebagainya. Jadi sepatutnya perkara tersebut telah pun dapat dibuat dari setiap tahun kerana kita bukan baru berpuasa, pada satu-satu tahun yang kita hadapi. Ini kerana kita telah berpuasa lama dan kita telah tahu sebagai sebuah kerajaan, ada jenteranya kita telah tahu berapa keperluan dalam satu tahun.

Kalau tahun ini banyak ini mungkin kita boleh buat unjuran pada tahun yang akan datang itu mungkin ada lebih daripada apa yang dihadapi pada tahun tersebut. Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dari segi bekalan daging ayam dan bekalan ayam hidup itu, cukup ataupun tidak. Kita tidak mahu nanti bahawa akhirnya kerajaan terpaksa berhadapan dengan tekanan daripada penternak-penternak ayam yang besar ini yang menguasai, yang dominan terhadap pasaran harga ayam ini akhirnya akibat daripada tuntutan mereka memaksa kerajaan akan dapat menentukan pula harga siling.

Hak baru pula dia akan naik lagi. Jadi naik, lama-lama atas daripada siling duduk atas bumbunglah. Duduk di atas bumbung. Maknanya ini sudah tentu akan memberikan beban kepada kehidupan masyarakat dan rakyat khususnya orang-orang kampung dalam keadaan orang-orang yang terlibat dalam sektor pertanian itu sendiri pun dia pun susah, yang buat padi, yang tanam padi, yang penoreh getah dan sebagainya, mereka ini terdiri daripada orang-orang yang susah.

#### ■1520

Jadi saya hendak dapatkan penjelasan dari segi apa strategi hendak pastikan supaya bekalan daging, satu bekalan itu cukup. Keduanya bila sudah bekalannya cukup untuk pastikan supaya kestabilan harga. Stabil harga itu maknanya harga rendahlah tidak naiklah. Kalau kata kita stabil harga tetapi tiba-tiba naik itu tidak stabillah itu. Maknanya setiap kali raya naik, setiap kali raya naik.

Baik yang kedua Tuan Pengurus, berkaitan dengan bekalan daging lembu termasuk dengan bekalan daging lembu segar. Jadi ia ada kaitan dengan bekalan daging lembu segar ini, ia berkaitan dengan bekalan lembu hidup. Cukup ataupun tidak dalam hendak memastikan harga di pasaran berada pada kadar yang munasabah. Sebab saya melihat bahawa hari ini kalau kita lihat bahawa harga daging lembu segar yang ada di pasaran kita, tidak menentulah dia ikut negeri. Kalau di Kelantan semalam saya pergi Kelantan lebih kurang RM25.00 satu kilogram tetapi kalau belah negeri Kedah ada ke tidak saya tidak tahu maknanya ada RM27.00, RM28.00 pun ada. Dalam kawasan Pokok Sena ada sesetengah tempat RM28.00 ada sesetengah tempat RM27.00 sekilo.

Ini sudah tentu memberikan kesan kepada masyarakat dan rakyat. Saya menjangka ini kalau kerajaan tidak dapat memastikan daripada awal lagi untuk memastikan bekalan yang cukup lembu hidup ini untuk memastikan daging segar itu dapat diperoleh dengan baik saya percaya bahawa 1 Ramadhan ini akan naik lagi RM2.00. Kalau yang RM25.00 dia akan jadi RM27.00 dan kalau yang RM27.00 mungkin kalau naik RM2.00-RM3.00 dia kan jadi RM29.00 ataupun RM30.00.

Itu yang berlaku selalunya dan bila sampai kepada selepas 1 Ramadhan, lagi seminggu hendak raya dia akan naik lagi RM2.00. Dia akan naik lagi RM2.00 sebab saya melihat kepada harga yang memang berlaku sedia ada setiap kali setiap tahun bila tiba musim perayaan dia

akan berlaku kenaikan yang besar. Umpamanya kalau saya ambil perbezaan, perbandingan antara daging segar dengan daging import dari tahun 1994. Daging segar RM12.00 sekilo pada waktu itu dan import RM7.00, 1994.

Kemudian dalam tahun 1994 - 1995 naik, tahun 1996 daging segar RM14.00, daging import RM8.00. Kemudian dalam tahun 1996 sampai 1998 daging segar, RM16.00 import RM9.00. Tahun 2000 sampai 2004 kadar purata harganya RM18.00 untuk daging segar, RM12.00 untuk daging import. Kemudian purata sampai 2005, tahun 2005, RM20.00 daging segar, RM18.00 daging import. Maknanya daging import pun naik. Daging import pun naik, daging segar pun naik. Kemudian menjelang tahun 2013, sehingga sampai sekarang ini harga daging antara RM28.00 ke RM30.00. Ada tempat sampai RM30.00 sekilo. Jadi saya cukup bimbang dengan perkembangan kedatangan musim perayaan ini akan menyebabkan terkesan kepada pengguna khususnya masyarakat Islam dan seluruhnya berhadapan dengan kenaikan ini.

Baik, saya hendak tanya juga, saya pun hendak dapat apa perkhabaran apa sebenarnya yang jadi dengan projek NFC kita ini. Apa kesudahannya sebab kita mengharapkannya. Saya baca dari segi paperworknya maknanya kertas kerja untuk projek NFC ini. Saya katakan tujuan, matlamatnya baik untuk memastikan kecukupan bekalan daging lembu tempatan, maknanya daging lembu segar. Maknanya bermula daripada menghasilkan lembu maknanya ada ternakan lembu, lembu hidup dalam negara kita. Saya baca bahawa untuk memastikan kecukupan bekalan tersebut sampai pada satu peringkat ia ada dijawab pada waktu itu kita boleh menjadi sampai satu peringkat kita pula boleh menjadi pembekal, pengeksport daging keluar lagi mengambil daging dari luar.

Jadi matlamat itu saya cukup setuju, saya cukup gembira bahawa itulah yang sepatutnya sekarang ini. Kalau dari segi pelaksanaan projek itu berjalan dengan baik, sepatutnya sekarang ini kita tidak hadapi masalahnya dari segi bekalan lembu hidup dan juga daging segar, berhadapan dengan keadaan harga yang tidak stabil harganya, situasi terdedah kepada kenaikan harga. Mungkin kalau berjalannya dengan baik projek NFC tersebut maka saya percaya bahawa daging tempatan mungkin boleh pada kadar yang lebih murah daripada apa yang ada sekarang iaitu sampai RM27.00, RM28.00 ataupun RM29.00.

Jadi tiba-tiba sekarang ini bila projek itu gagal geran RM250 juta yang telah kita keluarkan ataupun mungkin sebahagian itu sudah pun habis sudah pun lesap, tiba-tiba kita sekarang ini pengguna ini, orang kampung ini, orang susah ini kena bayar pula harga daging makin meningkat. Kita kena dua kali bayar, geran itu ialah duit ialah duit kerajaan, duit negara, duit rakyat daripada hasil cukai rakyat. Bila habis duit itu rakyatlah yang tanggung, bila rakyat yang tanggung kalau selepas itu kita tanggung, kalau selepas itu kita dapat bekalan daging yang cukup yang sempurna dengan harga yang munasabah, okey *no problem*.

Sekarang kita tanggung, kita tanggung bayar kemudian kita kena bayar pula harga daging yang lebih meningkat. Harga daging yang lebih meningkat kerana apa, kerana projek itu dilihat seperti gagal sehingga keadaan kenaikan harga sekarang ini kerana kebergantungan kita kepada lembu hidup itu dari luar. Dari Australia, dari Myanmar, dari Thailand yang terpaksa kita ambil lembu hidup itu daripada luar.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Bolehlah kakanda.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *No problem*, kawan lama kita, Allah. Yang Berhormat Mersing saya gembiralah bekas Timbalan Menteri hendak tanya saya. Saya cukup gembira, alhamdulillah. Jadi hari ini baru dapat tanya. Bekas Timbalan Menteri hendak tanya. Timbalan Menteri Kesihatan dahulu pernah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bukan hendak tanya hendak perbetulkan itu, bukan hendak tanya. Dia bukan hendak tanya hendak perbetulkan Yang Berhormat Pokok Sena.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Yang Berhormat Pokok Sena dia masuk kemudian dia pergi balik pusat serenti ini dia masuk balik. Saya terus sahaja ada. Kita satu kelas, *class of 1999*.

Tuan Pengerasi, kalau dengar hujah-hujah yang dibuat oleh Yang Berhormat Pokok Sena itu kalau dia datang Mersing saya ingat orang Mersing boleh percaya. Dia datang Pasir Salak kempennya apa yang dihujahkan, kalau ada NFC, harga daging dapat selesai. Betulkan Yang Berhormat Pokok Sena?

Bermakna kalau NFC itu berjaya, RM250 juta itu yang dilaburkan berjaya maka harga akan stabil. Saya hendak tanya di Australia tidak ada NFC, bilangan lembu lebih ramai daripada manusia. Cuba *check* balik data-data yang diberikan oleh Yang Berhormat Pokok Sena harga lembu import berbanding dengan lembu *fresh* daripada tahun 1994 sampailah ini turun, naik. Itu di Malayalah.

Akan tetapi Yang Berhormat Pokok Sena tahu tidak di Australia, di New Zealand, harga daging lembu dari tahun 1994 sampailah sekarang masih naik. Cuba terang kepada kamilah kalau tidak boleh jawab suruh Yang Berhormat Menteri jawab. Bersetuju tidak dengan pandangan saya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengemukakan soalan, bekas Timbalan Menteri, bekas, bekas. Bekas ini kadang-kadang memang berguna. Bekas semua berguna. Bila kita hendak kahwin, hendak meminang berapa bekas. Bekas itu maknanya walaupun... *[Disampuk] [Ketawa]* Dia bekas kadang-kadang bubuh garam, kunyit ini kita hendak bubuh bekas di rumah itu kadang-kadang dia sumbing sudah.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Serupa bekas Naib Presiden PAS lah. Bekas Naib Presiden PAS.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Bekas itu kadang-kadang dia sumbing sudah tetapi paling tidaknya bubuh garam.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Suruh bekas Naib Presiden PAS.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Paling rendah, paling lekeh lagi bubuh kunyit. *[Ketawa]* Bekas bubuh kunyit. Itu kata bekas itu sentiasa memberikan manfaat kepada semua, bekas itu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bukan semua bekas berguna tetapi bekas Naib Presiden PAS tidak guna.

#### ■ 1530

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** *[Ketawa]* Baik. Saya tidak pernah duduk di Australia. Saya katakan tidak mustahil apa yang disebut oleh Yang Berhormat bahawa berlaku kenaikan harga. Saya bukan katakan bahawa masalah harga itu selesai seolah-olah harga itu turun. Harga itu stabil kerana kebergantungan kita kepada bekalan dalam negara kita itu lebih mencukupi. Hari ini kita terpaksa menghadapi tekanan harga kerana kebergantungan kita dari luar. Pendapatan kita tidak meningkat. Orang Australia mungkin pendapatan mereka lebih baik, meningkat pada setiap tahun. Jadi perbandingan itu harus lebih adil kita hendak buat perbandingan antara Australia dengan negara kita.

Jadi sebab itu saya sudah katakan bahawa tujuan projek itu tadi untuk mencukupi bekalan lembu dan daging dalam negara kita. Tiba-tiba sekarang kita terpaksa bergantung kepada negara luar. Maka kebergantungan kita itulah yang menyebabkan berlaku tekanan harga yang menyebabkan berlaku kenaikan. Saya tunjuk contoh lembu hidup yang kita beli daripada luar. Tahun 1994 kita beli hidup daripada Thailand, daripada Myanmar dan sebagainya kita beli lembu hidup ini, timbang hidup sekali dengan najaunya. Timbang hidup RM1.95 sekilo. 300 kilo lembu yang berat itu 300 kilo baru RM585. Kemudian tahun 1995 dia naik RM2.45 sekilo. 1996 naik RM3.00, 1997 RM3.25. Maaf orang Gerik saya cakap dua kupang lima duit. Maknanya bahasa orang Gerik dengan Pokok Sena itu berbeza. Depa orang Gerik pergi hospital, doktor orang Kuala Lumpur. Dia ambil ubat lepas itu dia tanya doktor, hendak pergi ambil ubat ini bilik mana.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Mengarut, mengarut Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Doktor kata bilik A. Bilik A dia pergi *toiletfah*. Orang Gerik kata bilik air itu bilik A.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Pokok Sena tidak makan ubat itu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Pengerusi, suruh dia berhenti Tuan Pengerusi.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Dia tidak makan ubat, tidak makan ubat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Kita peringkat Jawatankuasa Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Suruh berhenti sahaja, tidak ada *point* sudah.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Orang Gerik cakap air itu A. Mu hendak minum A kah? Ha, minum A. Doktor kata mu pergi ambil ubat bilik A, dia pergi bilik airlah. *[Ketawa]*

Serupa lebih kurang sahaja dengan orang Lenggong ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Habiskan.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Memang hendak habis. Hendak habis kena sembelih lembu dahulu, kena sembelih lembu dahulu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Berhentilah itu, merapu sudah itu, merapu.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Tahun 1998 - RM3.45, 1999 - RM3.55. Tahun 2000 - RM3.80, 2001 - RM4.05, 2002 - RM4.25, 2003 - RM4.45, 2004 - RM4.55, 2005 - RM4.80, 2006 - RM5.00, 2007 - RM5.25, 2008 - RM5.55, 2009 - RM6.20, 2010 -RM6.50, 2011 - RM6.80, 2012 - RM7.50, 2013 - RM8.50. 2014 ini bermula daripada Januari RM9.50. Dia naik seringgit RM9.50. Jadi saya bimbang bahawa bila menjelang hari raya tekanan harga ini akan melambung kerana mereka tahu bahawa keperluan daging yang sangat diperlukan bagi musim-musim perayaan.

Sebab itu kalau kita lihat ini satu kenyataan dalam surat khabar yang saya ambil ladang satelit jamin bekalan daging negara. Jadi saya tidak tahulah apa jadi dengan ladang satelit yang telah pun dibentuk oleh kerajaan. Di mana saya hendak tahu ladang satelit itu. Ladang-ladang satelit itu di setiap negeri itu di mana. Jumlah lembu ada berapa ekor, kita lembu kita hendak tahu. Bukan ekor yang buat sup itu. Ini seekor. Payah hendak bercakap bahasa Pokok Sena dengan Gerik ini. Jadi berapa ekor lembu ada di setiap satu ladang satelit itu. Jadi ini penting sebab kerajaan telah pun memberikan jaminan mengatakan bahawa ladang satelit ini akan jamin bekalan daging negara kita ini. Jadi sejauh mana yang dikatakan telah memberi jaminan untuk membawa kepada kestabilan harga daging dalam negara kita. Malah kalau di Johor pernah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan ini dahulu dia jadi Exco Pertanian kerajaan negeri RM49 juta laksana ladang satelit di Johor. Kita hendak tahu juga bahawa ladang satelit itu di mana di Tenggarakah atau di manakah. Kalau Tenggara jangan dok pakai warna itu. Lembu ligan mampus. *[Ketawa]* Ligan jenuh.

Jadi saya hendak dapatkan penjelasan walaupun bercakap dalam suasana kita bergelak ini tapi ini satu benda yang sangat serius.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Merapu sahaja.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Satu benda yang sangat serius sebab saya agak hairan macam mana keluhan-keluhan yang dibuat oleh ada sekumpulan mereka yang mempunyai kepakaran dan kebolehan, bukan kebolehan biasa tapi mempunyai pengalaman-pengalaman dalam penternakan dan perladangan lembu ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Ya, 20 minit Yang Berhormat. cukuplah Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Ya, hendak habis sudah. Ini akhir-akhir sudah. Pernah mereka ini kerajaan bantu untuk mereka ini ke Myanmar untuk membantu projek di kerajaan Myanmar dalam tempoh lima ataupun sepuluh tahun kalau tidak silap saya untuk membela lembu. Kemudian bila habis tempoh itu Myanmar tidak bagi mereka sambung kerana Myanmar kata mereka hendak *proceed*. Mereka ini berjaya Tuan Pengerusi. Setengah itu orang daripada Teluk Intan, orang daripada Pasir Salak pun ada. Saya kenal kawan-kawan saya itu.

Maknanya mereka ini berjaya tetapi mereka ini tidak diberi peluang dalam projek-projek seperti mana NFC ini. Maknanya mereka ini ada kepakaran. Tiba-tiba kita beri projek NFC ini kepada orang yang pegang tali lembu pun tidak pernah. Yang pegang tali lembu pun tidak pernah. Orang Jerlun panggil pergi kenuk lembu. Dia tidak tahu kenuk lembu itu apa. Jadi ini saya fikir harus dilihat maknanya bagaimana kerajaan yang sepatutnya boleh membantu mereka yang benar-benar mempunyai kepakaran dan kebolehan sebab saya mendapat rungutan bahawa mereka ini hendak dapat pembiayaan khususnya daripada Agro Bank pun payah untuk mendapatkan pembiayaan pinjaman bagi penternakan lembu untuk hendak memulakan penternakan sedangkan kita boleh bawa keluar RM260 juta untuk geran kepada NFC habis begitu sahaja, tidak ada apa tiba-tiba syarikat yang betul-betul ada kepakaran daripada anak bangsa kita sendiri tidak dapat diberikan peluang.

Jadi saya hendak dapatkan penjelasan Yang Berhormat tentang projek NFC apa jadi, siapa ambil alih. Sekarang ini NFC itu siapa ambil alih? Siapa ambil alih dan lembu ada berapa ekor yang NFC. Kemudian yang ladang satelit ini di seluruh negara ini saya hendak tahu *detail* setiap negeri dan setiap ladang itu di mana. Setiap negeri ada berapa ladang, di mana ladang tersebut dan berapa jumlah lembu di setiap ladang yang ada di setiap kawasan ataupun di setiap negeri. Ini sangat penting untuk pastikan bahawa musim perayaan ini kita tidak menghadapi masalah.

Yang akhir sekali Tuan Pengerusi, saya minta bahawa kerajaan dalam hendak melanjutkan wang ini bagi saya bahawa kena suntikan yang lebih besar untuk pastikan bahawa harga ini tidak meningkat yang akhirnya membebankan. Saya tidak tahu orang kampung dalam keadaan penoreh getah tinggal RM1.80 yang disebut oleh Yang Berhormat Pendang dua hari sudah saya takut nanti lemang dan ketupat depa tidak cicah dengan daging lembu sudah. Orang Perak tidak buat rendang tok sudah. Dia buat rendang tok keladi. Lemang

cicah rendang tok keladi, bukan rendang tok lembu. Maknanya rendang tok keladi. Keladi buat rendang tok. Sebab apa? Daging mahal. *[Ketawa]* Tidak, kita gelaklah dahulu tapi inilah dia yang dahulunya...

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** ...Orang dok buat gulai bubuh batang pisang. Fasal apa? Daging mahal, anak 12 hendak makan daging lembu tidak ada. Jadi hendak banyak lauk bubuh batang pisang. Orang panggil riyas pisang. Anak kecil-kecil dia bukan kenal riyas pisang dengan daging dia balun sahaja. Jadi saya takut hari raya nanti pergi tengok, makan lemang, cicah-cicah awat sedap ini. Oh, dia kata ini rendang tok baru, apa dia, keladi. Rendang tok keladi. Bukan rendang tok daging lembu fasal daging lembu mahal. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri yang bijaksana yang sentiasa senyuman cukup menawan, dengan ketajaman pandangan dia itu sebab itu dia rambut pun luruh sebab dok fikir terlalu banyak jadi saya harap dia boleh beri jawapan yang cukup meyakinkan kita bahawa Ramadhan kali ini, hari raya kali ini betul-betul melegakan rakyat seluruhnya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

#### ■1540

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu.

#### 3.40 ptg.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih. Saya tidak banyak hendak bercakap. Tidak macam Yang Berhormat Pokok Sena.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Baguslah itu, Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Yang Berhormat Pokok Sena dia panjang-panjang. Dia rakan saya di satu hotel tetapi tidak satu mimpilah. Tidak satu bantal. Akan tetapi Yang Berhormat Pokok Sena ini dia lain-lain pun dia satu bantal memang mimpi lain-lain. Akan tetapi yang susahnya Yang Berhormat Pokok Sena ini dia mimpi yang sama agak-agaknya. Duduk lain-lain bilik tetapi mimpi sama. Faham-faham sahajalah ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak faham, tidak faham.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Tidak faham lagi? Tidur sebantal tetapi kita ini mimpi lain-lain. Kena faham. Yang Berhormat Pokok Sena ini bilik lain-lain tetapi mimpi sama. Faham-fahamlah itu ya. Tahniah kepada Yang Berhormat Pokok Sena kerana kuat berkempen hari itu di Telok Intan. Dia tidak cukup hendak berjumpa dengan calonnya. Dia bawa ke Kelantan. Untuk kempen apa tidak tahuolah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Masukkan terus, Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Okey, terima kasih, terima kasih. Ini *intro* sahaja.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Agro makanan ya.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Satu lagi Yang Berhormat Pokok Sena ini dia sudah lanjut umur barangkali. Saya, Yang Berhormat Setiu sudah selalu jumpa pun dia cakap bukan Setiu. Daripada mana. Kesian dekat Yang Berhormat Kuala Nerus kah? Dia sebut nama. Lain, lain dia sebut nama.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, Tuan Pengerusi. Kawan saya ini memang saya tengok wataknya, sifatnya layak sebagai calon Menteri Besar. Itu yang saya kata patut dialah. Ini kerana dia bekas hakim. Daripada lantik orang lain jadi Menteri Besar, kalut. Dia bekas hakim, jatuh hukum terus.

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Setiu, minggu ini dua kali dia cakap macam itu, Yang Berhormat.

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Bukan kuasa. Bukan kuasa lagi sudah. Bukan kuasa saya.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya untuk berhujah, untuk berdebat berkenaan dengan Maksud B.21. Apa yang saya ingin tahu daripada pihak kementerian adalah berkenaan dengan dasar agro makanan ini yang dimulakan pada September 2011, yang hendak dijalankan selama sepuluh tahun. Saya ingin tahu setakat ini, selama tiga tahun ini apa perkembangan yang telah berlaku? Kejayaan-kejayaan dan dalam bidang mana yang ditumpukan? Saya hanya ingin sentuh berkenaan dengan pengeluaran padi ini. Apa yang saya hendak beritahu ialah kalau pengeluarannya kurang, kalau kita hanya menumpukan kepada sawah, dengan cuaca yang panas sekarang ini kemungkinan akan berkurangan pengeluarannya. Kenapa kita tidak mencuba cara lain?

Saya difahamkan tahun 2010 kalau tidak silap saya, telah ditentukan kepada tiga negeri iaitu Pahang, Terengganu untuk menjadi perintis kepada tanaman padi Aerob kalau tidak silap saya. Padi Aerob ini macam padi huma juga cuma tidak sahaja di tanam di sawah tetapi boleh juga ditanam di bukit-bukit. Cuma yang perlu ada ialah *sprinkle*. Air itu perlu diadakan. Maknanya pihak kementerian perlu adakan kemudahan-kemudahan berikut kerana saya difahamkan pengeluaran berlipat kali ganda. Maknanya sekali ganda. Dia boleh ditanam selama tiga musim. Kalau sekarang dua musim, kalau dengan pengenalan kepada padi Aerob ini, dia boleh sehingga tiga musim dan pendapatannya sehingga 4,000 metrik tan lebih kurang.

Jadi, saya minta pihak kementerian untuk meneruskan dengan perancangan yang telah dibuat. Ini kerana yang saya tahu setakat ini hanya pengenalan kepada benih-benih MR256 lebih kurang. MR256 atau MR236. Jadi, yang itu pengeluaran seperti biasa. Saya harapkan pihak kementerian juga akan meneruskan dengan teknologi baru untuk mendapatkan benih-benih yang terbaru mungkin, yang lebih, mungkin empat kali setahun selepas ini untuk mengatasi masalah makanan.

Satu lagi tentang pengeluaran makanan segera ini. Bukan segera macam *junk food* tetapi seperti nangka dan sebagainya. Kalau saya pergi ke stesen minyak dan sebagainya, saya hanya nampak daripada *Tong Garden*. Kalau nangka ataupun biji gajus dan sebagainya, itu juga boleh kita usahakan dan perbanyak pemasarannya. Tidak hanya kepada kedai-kedai kecil termasuk pasar raya dan sebagainya, daripada pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Itu sahaja yang saya hendak beritahu. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Seri Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bayan Baru kemudian Yang Berhormat Labuan. Selepas itu Yang Berhormat Menteri boleh menjawab.

### 3.46 ptg.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang budiman dan sudi duduk di sini mendengar dengan senyuman yang lebar. Saya ingin bangkitkan isu tentang masalah nelayan yang baru-baru ini mengalami beberapa masalah terutamanya nelayan-nelayan daripada bot Kelas 'B' yang baru-baru ini mereka telah mengadakan- LKIM telah membuat satu *ruling* baru di mana kawasan untuk menangkap ikan telah dianjak lebih jauh daripada dulu iaitu lima *nautical mile*. Sekarang lapan *nautical mile* sehingga 12 atau 13 *nautical mile*. *Ruling* ini akan menyebabkan nelayan-nelayan daripada Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Selangor. Hanya empat negeri ini sahaja dan mereka menghadapi pelbagai masalah.

Pertama, di Pulau Pinang kerana kalau katakan lapan *nautical mile*, sebenarnya Pulau Pinang adalah pulau. Di sebelah Utara dia sudah Kedah. Di sebelah Selatan dia sudah Perak. Kalau dulu, lima *nautical mile* masih boleh menangkap ikan di kawasan Utara, Selatan dan Barat. Akan tetapi kalau lapan *nautical mile*, mereka tidak boleh pergi ke Utara dan tidak boleh pergi ke Selatan sebab itu sudah masuk ke perairan Perak dan sudah masuk ke perairan Kedah. Maka mereka terpaksa pergi ke Barat sahaja. Akan tetapi di Barat, dia punya kawasan penangkapan ikan kurang. Jadi, 170 bot terpaksa *cramp* di sana, di kawasan tersebut. Menyebabkan mereka ada rungutan yang banyak. Antara rungutan adalah tidak ada tempat untuk menangkap ikan.

Kedua, dia punya *fishing boat*, dia tidak cukup *horse power* untuk pergi jauh. Kalau ombak besar, mereka akan menghadapi masalah kerana pergi jauh, balik pun jauh dan mereka pun ada masalah dari segi subsidi minyak dan sebagainya. Akan tetapi isu yang utama adalah kawasan penangkapan ikan terlalu jauh dan tidak cukup tempat untuk penangkapan ikan. Saya dengar rungutan tetapi saya tahu saya tidak boleh *judge* dengan hanya mendengar satu pihak sahaja. Saya pun harap boleh dengar daripada kementerian, apa rasionalnya untuk menukar kawasan penangkapan ikan?

### ■1550

Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu jawapan yang lebih baik kerana antara sebab-sebab saya rasa kementerian adalah kerana untuk kelas 'B' itu dia akan

merosakkan kawasan perikanan dan sebagainya. Akan tetapi satu masalah juga adalah pemberian lesen kelas ‘A’ yang terlalu banyak menyebabkan kawasan kelas ‘A’ tidak cukup. Maka, terpaksa diperluaskan kawasan kelas ‘A’ untuk menampung nelayan-nelayan bot kelas ‘A’. Selepas itu, kerana terlalu banyak lesen diberikan maka terpaksa pula kawasan dianjak keluar. Itu adalah satu *possibility* dan saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri beri jawapan adakah itu benar dan berapa lesen kelas ‘A’ telah diberikan dalam lima tahun kebelakangan ini di Pulau Pinang. Dahulu katakan sekarang 2013, lima tahun yang dahulu berapa lesen, sekarang berapa lesen, pertambahan berapa lesen untuk bot kelas ‘A’.

Saya juga difahamkan bahawa mereka cuba hendak minta Yang Berhormat Menteri berjumpa dengan mereka tetapi selalunya mereka tidak dapat berjumpa dengan kementerian. Menteri tidak mahu jumpa dan sebagainya. Itu rungutan daripada mereka. Akan tetapi saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri itu orang baik, memang akan boleh jumpa kalau hendak jumpa. *No problem*. Betul tidak Yang Berhormat Menteri? Jadi, saya rasa itu cakap mereka lah. Saya harap saya boleh menjadi orang tengah di sini, aturkan satu perjumpaan dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya suara mereka boleh disalurkan.

Ini kerana kita tahu bahawa LKIM ditubuhkan untuk membantu nelayan. Nelayan sekarang ada masalah sebab rungutan adalah satu hala sahaja daripada *top down*. Dia tidak ada *bottom up*. Mungkin ada kebijaksanaan daripada para nelayan yang kita boleh kongsikan kepada kementerian untuk dapatkan *win-win*. Memang setiap industri ada masalah mereka. Jadi, kita cuma kena cari *win-win* supaya nelayan itu dapat hidup. Mereka pun cari makan sahaja. Jadi, ini adalah masalah.

Juga isu tentang subsidi minyak diesel kepada nelayan-nelayan di mana kita tahu bahawa banyak ketirisan. Kita sekarang terpaksa kurangkan subsidi kerana kita katakan ketirisan RM6 bilion dari segi subsidi minyak. Ada banyak diesel-diesel ini bukan daripada Pulau Pinang, biasanya di negeri Kedah, yang utara sempadan Thai. Di negeri Kedah kah, negeri Kelantan kah yang minyak diesel itu dijual ke Thailand. Jadi, isunya adalah bagaimana *restructure* supaya bukan sekadar bagi diesel subsidi tetapi kalau boleh dari segi bentuk lain supaya nelayan tidak ada cara untuk ambil diesel ini terus pergi ke Thailand untuk dijual. Dia kena *restructure* supaya minyak itu, *nano tagging* kah, apa-apa itu semuanya saya rasa *secondary*. Yang paling penting adalah *stop where it is happening*. Di mana mungkin bagi sebagai *cash instead of diesel* yang lebih murah.

Ini kerana masalah sekarang adalah kalau kita banyak bagi lesen bot kelas A dan ada yang mereka tidak keluar menangkap ikan tetapi ambil subsidi hidup RM200 tetapi subsidi minyak itu mereka ambil dan pergi jual. *Then*, mereka tidak hendak tangkap ikan, kita pula kena subsidi minyak. Mereka mulakan hidup dengan hanya jual diesel dan ambil RM200 subsidi bulanan. Cukup hidup RM500, RM700 mungkin satu bulan mereka boleh dapat. Kalau satu

keluarga ada dua nelayan, RM1,400 boleh dapat satu bulan. Itu masalah yang kita hadapi dan saya minta kalau boleh Menteri boleh tolong jelaskan.

Saya harap kalau Menteri boleh saya hendak aturkan satu perjumpaan nelayan-nelayan kelas B itu dengan Menteri pada hari Isnin atau masa bila-bila Yang Berhormat Menteri senang. Minggu depan is cukup baik, masa yang bagus kerana *rulling* ini akan berlaku 1 Jun. Sekarang sudah 12 Jun dan mereka sudah menghadapi masalah. Saya kalau boleh saya minta dalam jawapan Menteri bagilah satu tarikh saya akan bawa kalau boleh hari Isnin. Bagus, kita bawa nelayan untuk jumpa dengan Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, berbahas untuk buat *appointment*. Ya Yang Berhormat Labuan.

### 3.56 ptg.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya lihat tambahan sebanyak RM72 juta ini saya yakin sebahagian besarnya adalah program penyelarasan harga yang sama di antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Labuan. Saya dengar tadi banyak pembahas-pembahas mengatakan kerisauan mengenai kekurangan barang dan sebagainya di musim-musim perayaan terutamanya Ramadhan yang akan datang ini.

Akan tetapi di sini saya ingin mengambil perhatian Yang Berhormat Menteri bahawa sebenarnya di sesetengah kawasan mengalami kekurangan barang ini sebelum perayaan lagi. Di Labuan contohnya sekarang ini isu yang hangat di pasaran ialah kita ketidaan minyak makan walau apa *brand* sekali pun, gula dan juga beras nasional. Jadi, saya rasa adalah perkara-perkara yang mungkin menyebabkan dari segi pengedaran memandangkan Labuan ini ialah sebuah pulau, mungkin logistik dan sebagainya tetapi memang ia sesuatu yang perlukan perhatian yang secepat mungkin.

Saya terpaksa menyatakan di sini, inilah peluang untuk saya menyatakan disebabkan ini ialah permintaan-permintaan rakyat Labuan walaupun mungkin pihak kementerian sudah pun mengetahui daripada laporan-laporan yang telah dihantar oleh jabatan-jabatan berkaitan.

Bagi hal-hal pertanian di Labuan, sebenarnya Labuan ini lebih kepada perikanan dan nelayan. Saya dengar ada juga yang mengatakan susah untuk menarik orang-orang muda dan generasi baru yang berminat untuk menceburkan diri di dalam industri pertanian. Akan tetapi sebenarnya di Labuan dengan penduduk yang cuma 100,000 orang, jumlah nelayan yang berdaftar dengan Persatuan Nelayan menghampiri 1,000 dan ramai lagi sebenarnya yang tidak berdaftar disebabkan oleh polisi kita untuk membekukan, sebenarnya berminat, mempunyai minat yang tinggi untuk pertanian terutamanya dalam perikanan.

Jadi, dengan itu walaupun saya pernah minta sebelum ini saya ingin suarakan lagi bahawa di Labuan ini amat sesuai untuk diadakan projek ikan sangkar. Sebenarnya projek ikan sangkar telah pun diadakan oleh dua atau tiga pengusaha tetapi ianya tidak cukup banyak. Jadi

kita tidak mempunyai *volume* atau pun jumlah pengeluaran yang cukup yang akan membolehkan pengimport ikan sangkar atau pun ikan hidup yang memang sudah berminat daripada sebelah timur, *East Asia Hong Kong* terutamanya untuk datang ke Labuan mengambil ikan-ikan tersebut disebabkan oleh ikan yang dikeluarkan di Labuan tidak cukup banyak. Jadi, saya berharap kementerian memberi perhatian untuk mengadakan program bantuan ikan sangkar di Labuan supaya Labuan mempunyai *economy of scale*.

■1540

Sekarang juga sebenarnya pengusaha-pengusaha ikan sangkar yang mengadakan ikan sangkar mereka di pantai timur di sebelah Lahad Datu dan sebagainya menghadapi ancaman-ancaman keselamatan. Jadi saya lihat minat yang tinggi telah datang ke Labuan cuma mungkin kita perlukan bantuan yang sewajarnya.

Ada lagi yang lain yang saya ingin sentuh di sini adalah di Labuan ini kita ada mempunyai satu jeti LKIM yang telah disiapkan beberapa tahun yang lepas. Akan tetapi ia masih memerlukan pembangunan seterusnya untuk memastikan ia boleh digunakan oleh para nelayan dan para pemilik kapal.

Apa yang diperlukan sebenarnya adalah *wave breaker* dan pendalaman sedikit di kawasan jeti yang saya difahamkan akan memerlukan bajet lebih kurang RM20 juta. Jadi saya rasa ini ialah salah satu keperluan atau pun sesuatu kritikal kalau kita tidak teruskan maka jeti yang kita sudah belanja untuk beberapa juta itu tidak dapat dimanfaatkan. Pada masa yang sama disebabkan oleh perpindahan. Kapalnya belum berpindah tetapi penjualan dieselnya sudah berpindah ke jeti tersebut. Jadi, pangkalan yang satu lagi yang dipanggil Labuan Fisheries sudah kehilangan kuota diesel.

Jadi, pada masa ini Labuan mengalami kekurangan diesel bersubsidi untuk nelayan sehingga masuk di media cetak semalam dan ada dihantar kepada saya di mana banyak kapal yang terkandas tidak keluar untuk menangkap ikan. Jadi...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Labuan, boleh tambah? Belakang.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Diesel ini walaupun saya ingin ia dimantapkan mekanismenya supaya mengelakkan daripada penyeludupan tetapi sebenarnya di Labuan ini ia jauh dari kawasan-kawasan yang ingin menerima diesel yang di seludup ini. Negara asing yang dekat dengan Labuan sebenarnya cuma Brunei Darussalam yang mana harga minyak adalah lebih murah dari Labuan. Okey, saya bagi Yang Berhormat Kuala Kangsar sekejap.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Saya ingin berkongsi pandangan dengan Yang Berhormat Labuan bahawa kalau kita lihat negara kita dikelilingi oleh laut dan juga khususnya Labuan sebuah pulau. Jadi, mengapakah nelayan kita tidak berapa ramai berbanding negara-negara lain? Apakah langkah-langkah kerajaan untuk menggalakkan? Adakah kerana laut kita tidak banyak hasil laut?

Apakah langkah kerajaan dalam membuat kajian dan juga langkah-langkah seperti dahulu mengadakan tukun-tukun?

Kita lihat bahawa mungkin penghasilan laut dari pantai timur ataupun di Sabah dan Sarawak mempunyai hasil laut yang lebih tinggi daripada semenanjung. Jadi mungkin pihak kementerian boleh membuat kajian tentang bagaimana kita hendak meningkatkan produktiviti semula jadi di laut kita dan khususnya di Labuan yang berpotensi untuk industri perikanan yang begitu hebat di Asia Tenggara ini. Terima kasih.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Kangsar saya memang setuju. Sebenarnya di lautan Malaysia saya difahamkan mempunyai kekayaan ikan yang jauh lebih baik daripada negara-negara jiran sehingga banyak kapal nelayan negara jiran menceroboh kawasan perairan kita.

Malah saya juga didatangi oleh ramai pengusaha-pengusaha yang sebenarnya daripada negara jiran yang ingin melabur kononnya melaburlah tetapi mungkin cuma ingin menangkap ikan di kawasan perairan Malaysia tetapi menggunakan kapal-kapal daripada luar Malaysia.

Jadi, saya lihat apa yang kurang di Malaysia ini, nelayan-nelayan kita ini adalah kekuatan. Banyak nelayan sebenarnya tetapi nelayan yang tidak mempunyai kekuatan dari segi aset, *knowledge* sebab mungkin juga *investment* yang diadakan itu tidak mencapai tahap yang optimum di mana kita boleh mengadakan *fleet* ataupun kekuatan yang cukup mantap termasuklah dalam memperkuuhkan organisasi dan *training* dengan menggunakan teknologi-teknologi terkini untuk menjadikan syarikat-syarikat perikanan Malaysia menjadi lebih kompetitif berbanding dengan negara-negara jiran.

Jadi, balik kepada jeti LKIM dan kuota diesel di Labuan tadi. Dahulu Labuan mempunyai kuota subsidi diesel kepada dua pengedar iaitu satu PNK dan satu lagi syarikat yang bertapak di Labuan Fisheries. Syarikat yang bertapak di Labuan Fisheries sudah pun ditarik balik kuota dieselnya dan ini menyebabkan kuota diesel di Labuan sudah tidak mencukupi dan menjelaskan nelayan-nelayan di Labuan.

Jadi, apa yang saya ingin mohon sekali gus di sini adalah untuk kuota itu dikembalikan ke Labuan sekiranya tidak mahu diberikan kepada pengusaha yang dahulu yang bertapak di Labuan Fisheries. Kita boleh bagi kepada PNK tetapi dijalankan di Labuan Fisheries punya jeti selagi jeti LKIM ini masih belum disempurnakan dengan *wave breaker* yang saya maksudkan tadi.

Jadi saya ucapkan terima kasih juga kepada kementerian yang memang berusaha keras selama ini untuk memastikan Labuan yang mana di antara tempat yang termahal dari segi kos sara hidup dengan agensi-agensinya seperti FAMA dan yang lain-lain dalam menangani kos tersebut di mana Labuan diberikan subsidi khas untuk memastikan pengurangan harga-harga barang.

Saya harap ia diteruskan dan Labuan akan terus menjadi tempat yang menarik bagi pelabur dan sebagainya. Terima kasih, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Menteri.

#### 4.08 ptg.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun membahaskan peruntukan yang telah pun dimasukkan dalam belanjawan tambahan bagi maksud B.21 iaitu untuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Sebelum saya menjawab satu persatu isu-isu yang dibangkitkan, saya ingin menegaskan di sini bahawa apa juga yang dilakukan oleh kerajaan ialah merupakan bagi kepentingan negara sama ada di kalangan petani-petani, penternak dan nelayan ataupun pengguna-pengguna.

Tadi kita dengar daripada Yang Berhormat Bayan Baru umpamanya begitu berminat sekali untuk membela kaum petani dan nelayan khususnya. Akan tetapi, saya rasa pelik kalau dia begitu prihatin kepada masyarakat nelayan, kenapa nelayan-nelayan di Jelutong dihalau oleh Kerajaan Pulau Pinang. Jadi, ini *a little bit of contradiction* apa yang dicakapkan dengan apa yang dibuat. Dia keluar dalam surat khabar begini Persatuan Nelayan Jelutong agak berdukacita, tidak berpuas hati dengan apa yang dilakukan.

#### ■1610

Tuan Pengerusi, begitu banyak isu yang dibangkitkan. Saya akan cuba menjawab yang penting-penting sahaja, yang lain itu mungkin kalau menghendaki juga, saya jawab kemudian secara bertulis kerana menjimatkan masa dan sebagainya. Apa yang penting sekali ialah saya ingat Ahli-ahli Yang Berhormat semua sangat *concern*, sangat mahu mengambil tahu berhubung dengan *food security* atau pun jaminan makanan sama ada mencukupi atau tidak mencukupi. Itu satu isu. Sama ada beras, daging, sayur-sayuran, ikan dan sebagainya. *That is the issue, whatever you say*, yang kita cakapkan, dengan izin Tuan Pengerusi, itu adalah isu penting yang saya rasakan menjadi perhatian kita di dalam Dewan ini.

Selain daripada itu, isu yang kedua cukupkah tidak tapi yang penting lagi juga ialah harganya, harga yang dibayar oleh pengguna-pengguna. Tadi beberapa orang wakil rakyat telah membangkitkan bahawa kemungkinan dalam musim perayaan ini harga akan terjejas atau pun meningkat naik sehingga membebankan para pengguna. Ini saya nampak. Selain daripada itu, isu soal pemberian sokongan dan bantuan insentif kepada masyarakat petani, terutamanya kepada pihak nelayan dan juga kepada pengusaha-pengusaha pertanian padi dan pengeluaran beras. Jadi, inilah yang lebih penting.

Bagi menjawab *food security*, isu *food security* ini, saya ingin menegaskan bahawa kerajaan, khususnya Kementerian Pertanian amat mengambil berat dalam hal ini. Oleh sebab itu kita mempunyai program untuk memastikan bekalan makanan mencukupi. Kita menyasarkan

untuk sampai kepada tahap SSL atau pun *self-sufficiency level* atau pun ke tahap sara diri. Maknanya, pengeluaran memenuhi keperluan negara. *The supply, dengan izin, is sufficient to meet the domestic demand.* Jadi, ini kita amat menyedari dan bukan menyedari saja, kita merancang dan juga melaksanakan program ke arah itu.

Dari segi jenis barangannya, *agro foodnya*. Pertama sekali, kita punya *staple food*, makanan ruji kita iaitu beras. Beras pada masa ini kita mengeluarkan padi dan seterusnya beras, 70% daripada keperluan negara kita. Kita mengimport 30%. Dari segi kuantiti, lebih kurang 1 juta tan metrik beras kita import daripada luar. Jadi, sekarang ini kita telah beri jaminan sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi iaitu bekalan di jamin mencukupi iaitu disebut berhubung kait dengan daging, dia sebut, dengan *satellite farm* dan sebagainya. Bukan saja daging tetapi juga beras.

Kita mempunyai perancangan untuk memenuhi keperluan negara seluruhnya. Akan tetapi *there is a time frame*, dengan izin, Tuan Pengurus. *There is a plan, there is a programme, that will be implemented over time*, kita akan mencapai tahap pengeluaran sepenuhnya keperluan negara. Jadi, bagi padi, beras, kita akan meningkatkan sehingga kita dapat atau pun mendapat mengeluarkan sehingga tidak perlu lagi mengimport sebanyak 30% atau pun 1 juta tan metrik sebagai yang saya sebutkan tadi. Kenapa, kita pun sedar bahawa *importation* merugikan negara. kita rugi *foreign exchange*, berapa bilion? RM2 bilion, *whatever it is, one year*.

Akan tetapi sekarang tidak ada pilihan. Soalnya Yang Berhormat bertanya, bagaimana kita hendak meningkatkan pengeluaran ini? Adakah ia hanya *on paper*, perancangan di atas kertas? No, Tuan Pengurus. Kita melaksanakan program yang konkret bagi memastikan pengeluaran hasil padi dan seterusnya beras itu akan meningkat sehingga pada tahun 2020. Ini sasaran kita. Sasaran kita tahun 2020. Kita hendak mencapai tahap pengeluaran yang sepenuhnya hasil pengeluaran padi dan beras negara kita. Jadi, apa caranya? Tadi ditanyakan iaitu ada cadangan, saya pun menyokong daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian iaitu janganlah tumpu kepada jelapang padi sahaja. Saya *take note of that*. Saya ambil perhatian itu dan saya bersetuju.

Kita pun di kementerian telah membincangkan bahawa apabila kita mengatakan pengeluaran beras atau padi negara, sumbernya tidak semestinya atau pun terhad kepada jelapang padi. Jelapang padi dengan jelapang padinya. Ada baiknya menambahkan jelapang padi. Sekarang kita menambahkan jelapang padi, empat lagi kawasan jelapang padi di Rompin, Kuantan, Kota Belud dan satu lagi di- pegawai pun lupa. [Ketawa] Di pekan Batang Luper. Bukan “batang lapar” ya, jangan salah faham. Jadi Tuan Pengurus- ini ada pula yang kata *unparliamentary*, terpaksa tarik balik pula. *But, it's okay I think.* Kita ada jelapang padi baru, kita hendak mengeluarkan hasil padi dan beras negara ditingkatkan.

Di samping itu tidak mencukupi juga. Jadi, kita hendak tambah lagi dengan kawasan-kawasan di luar jelapang yang perlu dipertingkatkan dengan pengairannya, infrastrukturnya,

insentifnya, dengan bantuan bajanya dan sebagainya. Semua ini kita amat mengambil berat dan akan membuat dasar-dasar yang bertepatan dengan matlamat kita untuk menjadikan kawasan di luar jelapang padi juga merupakan sumber pengeluaran padi dan beras yang penting kepada negara kita ini.

Jadi, selain daripada itu saya ingat Tuan Pengurus, saya rujuk kepada Yang Berhormat Kota Belud sebagai satu contoh, tadi ada Yang Berhormat Lenggong kah yang menyebutkan bahawa- Lenggong ya, bukan lenggung ya. Yang Berhormat Kota Belud, saya sudah bawa kepada mesyuarat dengan pegawai-pegawai sebelum ini pun, maknanya kita *excited* jugalah. Sebelum Yang Berhormat bangkitkan, kita sudah fikir sudah... [Yang Berhormat Lenggong berjalan masuk Dewan] Ada baru datang Yang Berhormat Lenggong, pergi mana tadi.

Jadi, perlunya ditambah peruntukan. Pada masa ini untuk makluman Dewan, majlis, apa yang berlaku di Kota Belud itu kita sudah wujudkan satu *Integrated Agriculture Development Agency* (IADA). Bukan Aida yang di rumah itu ya. IADA ini [Ketawa] IADA merupakan satu agensi untuk membangunkan kawasan pertanian Kota Belud. Saya sudah pergi ke Kota Belud, "Hai Timbalan Menteri ini boleh tahan juga rajinnya". Sudah turun ke Kota Belud.

Kita tengok, dengan izin Tuan Pengurus, *I am very impressed, I am so happy to see*, melihatkan tanah di kawasan Kota Belud itu cantik sekali dan luas. Saya ingat dekat 20,000 hektar barangkali dan saya sangat menyokong penuh. Oleh sebab itu saya bawa kepada dekat kementerian dan *we are now*, dengan izin, *we are looking into the* sumber kewangan, tabungnya supaya kita boleh bangunkan Kota Belud ini. Begitu juga di Pahang, dalam mesyuarat saya telah bangkitkan, bukan sebab Pahang itu negeri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. [Ketawa]

## ■1620

Pahang bukan sebab kerana negeri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja, ya. Memanglah negeri bos kita kena jaga juga, betul tidak? Akan tetapi dalam itu yang pentingnya petani dan rakyat di sana. Jadi kawasan Pahang Tua- Pahang Tua juga merupakan satu kawasan di luar jelapang, Yang Berhormat Parit, ya. Di sana, di luar jelapang. So, kawasan ini telah pun tertinggal begitu lama, sama seperti kawasan di luar jelapang yang ada tanah-tanah di Parit itu. Jadi kita cuba dalam belanjawan tahun ini, tahun akan datang untuk mendapatkan peruntukan untuk membangunkan infrastruktur ataupun sistem pengairan yang lebih baik supaya dapat kita menghasilkan keluaran padi, beras di sana dengan lebih banyak lagi.

Padi Aerob tadi dibangkitkan. Saya hendak bagi tahu di sini secara ikhlas. Padi Aerob ini satu perkara baru, satu kaedah baru. Jadi kita hendak bagi- orang kata apa, *a very high hope*, tinggi macam melangit. Nanti takut satu hari sampai akan dipersoalkan. Yang Berhormat cakap, "Oh! bukan main lagi, tetapi mana hasilnya?". Jadi Aerob ini, *we are experimenting*- hendak sebut pun susah pula hari ini, apa pasal tidak tahu- *experiment*, satu padi baru, kaedah baru yang tidak menggunakan sistem perparitan, pengairan dan sebagainya. Banyak bergantung kepada air yang menggunakan *sprinkler* seperti...

**Seorang Ahli:** Fertigasi?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Bukan fertigasi. Ini apa- kebun sayur-sayuran. Sayur-sayuran di Cameron Highlands atau di mana. *Vegetable farms* dia pakai itu *sprinkler*. Jadi padi ini pun, sistem Aerob ini, padi Aerob pun akan menggunakan kaedah yang seperti itu. *I want to caution us*, jangan kita *over expectation*, ya. *But* ini satu *possibility* dan satu *skim* yang kita- we are *trying our best*. Kalau menjadi esok, banyaklah untungnya. Untung bagaimana? Bukan sahaja dari segi peningkatan pengeluarannya. Kosnya- kos pun menjadi murah. Ini kerana kalau kita hendak terus dengan pertanian yang konvensional hari ini, *we have to spend RM100 million* Tuan Pengerusi, beratus juta untuk mengadakan sistem pengairan yang moden, yang cekap dan efisien itu. Jadi inilah yang menjadi kekangan kita. Umpamanya di Sungai Manik, tempat sayalah. Sebut tempat saya dulukan? Tidaklah dulu, tempat Yang Berhormat Menteri dulu, saya nombor dua [Ketawa]

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Cantiklah.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Akan tetapi itu pun hendak kena betulkan juga. Tempat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dulu. Yang Berhormat Menteri kedua, saya ketiga.

Sungai Manik- kita hendak naik taraf pengairan Sungai Manik sampai perlu duit RM150 juta. Jadi hendak dapat sekali RM150 juta bukan senang. Jadi setakat ini dapatlah RM70 juta, *alhamdulillah* lah ya. Akan tetapi orang *complaint* lah ya, tetapi dia kata macam mana pula kawasan yang lain? Tidak kan kawasan Timbalan Menteri sahaja? Akan tetapi jangan gaduh. Selepas ini kita akan cuba untuk beri perhatian kawasan yang lain. So, *we have to-* Tuan Pengerusi, kaedah yang macam mana yang boleh menjimatkan kos, infrastruktur, pengairan dan sebagainya? Ini Pengerusi MADA jeling pada saya kan.

Ambil contoh Pengerusi MADA, atau MADA, projek MADA. Hendak bangunkan sistem pengairan yang efisien di kawasan MADA itu, yang penting kita lakukan. Oleh sebab kita hendak bagi rakyat Kedah puas hati, so undi lagi. Tidak buat, *you jaga*. Betul tidak? Akan tetapi saya hendak cerita di sini Tuan Pengerusi dan juga Dewan, *we need about RM2 billion- RM2 bilion!* Inilah jadi masalahnya. So, *how to find the fund? How to get the money? This Dewan must approve it.* Next time kalau kita bawa, Bayan Baru kah apakah sebelah sana itu, janganlah banyak sangat *complaintnya*. Sokong sahajalah ya? Untuk rakyat.

Jadi di MADA ini, saya hendak menarik perhatian Majlis, dan juga Tuan Pengerusi, kerajaan telah pun meluluskan peruntukan RM2 bilion untuk menaik taraf, *but approval is one thing* lah. *But money is coming slowly*, dengan izin, *but steadily*. Jangan kita bimbang. Saya harap Pengerusi MADA ada di sini dengan izin, *he will make sure that this project*, pengairan ini akan- baru sampai? Hari itu datang Sungai Manik *complaint* banyak ya- Telok Intan. Ini Pasir Puteh, Pasir Puteh pula. Apa...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Telok Intan kalah *[Ketawa]* Dia orang cakap baik-baik sama saya kali ini ya.

Tuan Pengerusi, jadi kita harapkan dengan berbagai program dan projek yang saya sebutkan tadi, kita akan dapat terus meningkatkan pengeluaran padi dan beras negara. Dengan itu, jaminan makanan, barang ruji kita tidak jadi masalah. Buat masa ini pun tidak ada masalah, tetapi kita bergantung kepada *importation*. So, *importation* kita ini nampaknya tidak terjejas dan semua rakyat boleh mendapatkan beras secukupnya ya. Ya Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mengutarakan sekali lagi persoalan saya, semalam sebenarnya. Berkennaan dengan perkara yang meresahkan petani-petani apabila keseragaman harga padi RM1,200 itu per tan metrik. Apabila pemotongan daripada pemutuan itu agak tinggi yang melebihi saya rasa 20% hingga 25%. Sedangkan petani-petani akan menanggung kerugian dan pendapatannya akan jadi sikit. Jadi kita tidak membantulah akhirnya. Jadi apa yang disarankan, dicadangkan ataupun pemotongan itu janganlah tinggi sangat. Mungkin 18% atau 19% sudah memadai. Terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sudah berkali-kali bagi *statement*. Dengan izin, *you can say its a warning, its okay*. Kepada BERNAS-jangan potong tinggi-tinggi sehingga petani-petani rugi dan pendapatannya jauh pula rendah daripada dahulu sebelum Yang Berhormat Menteri umum penyelarasan harga padi kepada RM1,200. Tujuan Yang Berhormat Menteri mengumumkan penyelarasan harga padi kepada RM1,200 adalah untuk membela petani, untuk meningkatkan pendapatan mereka.

Ini kerana kita dapat di Kelantan umpamanya satu metrik tan cuma RM950. Di perak cuma RM1,100 dan di beberapa tempat pun *around that figure*. Cumanya di Selangor sahaja yang agak tinggi sedikit. So, we want to- kita hendak selaraskan ini supaya yang dapat RM950 itu dibela- naik dan di Perak dan di meratanya. Akan tetapi kalau berlaku pemotongan yang lebih tinggi daripada selalunya, sebelum ini sehingga 35%, sampai 38%, sampai 40%. Eh, saya setuju sebagaimana Yang Berhormat kata tadi.

*Instead of making more they making less*, dengan izin. *This is not what we wanted to do*. Kita hendak tolong mereka. So BERNAS, *we have told them. Make sure this does not happen*. Tuan Pengerusi, pastikan potongan- Sungai Manik saya sudah pergi, *not more than 20%. More than 20%, I will go down again, I will call you up but alhamdulillah*, setakat ini saya rasa BERNAS patuh dan mengikuti.

Kalau sekiranya ada tempat-tempat masih lagi berlaku, Yang Berhormat tolong bagi tahu dan kita akan ambil tindakan. Kita boleh ambil tindakan. Masalahnya kita pergi ke Rompin- saya pergi ke Rompin. Potongan tinggi, dan petani *complaint* potongan tinggi. Saya kata kenapa jadi macam ini? Dia kata pasal *grading - grading* ada *new technique, new way of grading*. Dia kena

tiga kali cucuk pula hendak tengok kualiti padi. Cucuk sekali tidak cukup, cucuk dua kali, sampai tiga, empat kali cucuk. Cucuk sekali okey, 20. Tidak puas hati, cucuk kali kedua, 25.

**■1630**

Tidak cukup lagi, dia sabotaj letak jerami padi apa dekat situ. Cukup kali ketiga sudah jadi melambung sampai 38 dekat 40. *What happened?* Inilah penyokong kuat sebelah sana itu, sabotaj kita. Budak-budak PAS buat kerja, teruk mereka ini. Yang Berhormat tidak tahu budak-budak *you* di bawah itu. Hendak bagi apa? Bagi petani marah kepada kerajaan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Rompin bangun

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Sila.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak mengucapkan syabas kepada Dato' Menteri dan Timbalan Menteri kerana menunjukkan sikap keprihatinan Dato' untuk turun ke bawah. Kadang-kadang banyak yang datang daripada ke sini, pergi ke sana dan lupa hendak turun ke *grass roots*, so kita ucapkan syabas kepada Dato'. Tepuk lah sedikit untuk mereka ini. Dia siang malam dalam *whatsapp* dia pergi turun ke bawah. *Indeed*, orang putih kata *very proud of you*. Saya sebab apa, tokoh Yang Berhormat sudah lama dalam negara kita dan ini satu kepimpinan yang kita amat hargai...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Kalau kita tidak puji, Yang Berhormat mesti kutuk punya. Betul tidak? Habis dia kerja gigih, Yang Berhormat yang dengki. Saya hendak bawa dua perkara Tuan Pengerusi. Satu, tentang Yang Berhormat Menteri, mungkin macam kita kalau ada satu perkara berlaku, ada tempat yang ketiga dapat dia merujuk. Mungkin Dato' timbang, kalau orang ada tidak puas hati tentang harga atau potongan, mungkin dia boleh merujuk kepada pegawai daerah sebagai orang tengah. Ini supaya pegawai daerah ini boleh membawa kepada kementerian sebab orang kampung maklum sajalah, hendak cari Ahli Parlimen kadang-kadang mereka segan, hendak cari pegawai tinggi, dia segan tetapi kita tahu seperti Dato' kata tadi menjadi satu kerugian besar kalau potongan yang dibuat tidak adil. Itu yang pertama.

Yang keduanya, adakah saya dengar juga ura-ura juga membenarkan supaya orang ketiga membina kilang padi ini. Tidak semestinya hanya Bernas sahaja. Untuk itu orang kata adalah pilihan sebab ini orang kata market. *For market to work perfectly, they must be a free market.* Ada pilihan. Orang kampung tidak ada pilihan kerana terpaksa juga hantar kilang yang sama. Adakah kerajaan bercadang hendak membuka supaya ada juga kilang ketiga, supaya petani-petani- kerana maklum sahaja kadang-kadang saya dengar cerita juga kadang-kadang tidak boleh kita hendak marah kepada tuan punya atau lembaga pengarah. Kerana apa,

pengurus itu dia ada KPI dia. KPI dia hendak untung besar. Hendak untung besar dia potong banyaklah. Betul tidak?

**Seorang Ahli:** Betul.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Itu kadang-kadang itu jangan hendak hempuk, marah ke atas Syed Mukhtar dan lain-lain. Yang sebenarnya dia tahu pun tidak tetapi dari sistem yang ada itu membuatkan sistem itu tidak ada keterbukaannya. Oleh kerana itu...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Belum habis lagi, Yang Berhormat ini... *[Disampuk]* Dia ini bersetuju tetapi cara cakap saja tidak bersetuju. Setuju apa yang saya cakap itu. Yang kita bela macam Rompin itu, yang petani itu bukan semuanya UMNO pun. Saya tahu pun. Akan tetapi kita tidak kisah. Perjuangan UMNO, kerajaan ini, kita tidak kira siapa. Yang belah sana kadang-kadang pilih. Kita tidak pilih bulu, betul atau tidak? Belah sana, bila ambil kerajaan, dia macam Kedah, banyak cerita sekarang. Dulu geng dia saja. Akan tetapi kita tidak. Kita UMNO, pegawai kerajaan, kita Barisan Nasional tidak kira pilih bulu. Itu yang sebenar. Itu saya hendak minta... *[Disampuk]* Minta maaf, Yang Berhormat Pasir Puteh memang baik. Minta maaflah sedikit sebab mengutuk dia *[Ketawa]* Saya hendak minta dua perkara. Sedikit, sementara kita bahas isu ini amat penting sekali kepada orang rakyat Malaysia kita yang di luar bandar, yang banyak bergantung pada padi sebagai punca pendapatan mereka. Saya minta pandangan Dato' Menteri.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Rompin. Isu penetapan harga dan timbangan, pematuhan, kita sudah selesaikan dengan mekanisme di mana semasa ianya ditimbang dan digredkan, mesti ada *three parties there at same time, same place* dengan izin iaitu BERNAS, PPK dan petani. Kalau ada *dispute, they must settled it together*. Tidak boleh satu orang buat keputusan ke atas pihak petani atau pihak yang lain. So, I think Tuan Pengerusi, sehingga ini sejak daripada masa saya buat lawatan dan perkara ini telah diselesaikan, saya tidak terimalah ada kompelin lagi akan perkara yang tidak munasabah ataupun tidak sesuai, tidak baik berlaku. *That is my answer to your number one question dengan izin.*

*Number two, saya memang menyokong penuh kalau kementerian also sebab kilang padi ini, bumiputera tidak sampai 10% pun. You just imagine. Melayu bumiputera yang jadi petani, titik peluh, penat lelah sampai Bengkok tulang belakang, jalan pun terbongkok-bongkok for decades, berkurun-kurun lamanya. Kurun atau abad? *[Disampuk]* Abad ya? Dengan izin, I know when I was a boy fifty years ago, sixty years ago. Kita bekerja bagi hendak mati dekat sawah. Basah kain ini, seluar. Daripada pagi sampai petang, sampai malam dekat hendak maghrib. Siapa yang benefit? We all in benefit- so little, out of our sweat and effort- susah payah kita. Yang untung tauke, tauke itu siapa? Pengilang padi.*

*So, Yang Berhormat sudah setuju. We do not want this to go on and on and on forever. We want to bela nasib petani-petani. So, kilang padi, petani patut buat. Bina kilang padi. Iku mana hendak cari duit, RM20 million, RM30 million. Eh! Agrobank itu buat apa? We have set up an Agrobank. We want have one, we have two Agrobanks. Your duty is to help. Jangan tutup Agrobank itu di Parit itu. Yang kecil ada sedikit cawangan minta. Saya sudah tulis surat tidak boleh tutup itu. Cawangan Parit.*

**Seorang Ahli:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih kata [Ketawa] So, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Rompin, kita hendak menggalakkan usahawan terutamanya daripada masyarakat petani sendiri especially the new generation, the educated one. Ada accountant, architect, engineers, come, go into this. This is a business. You can do it. Let the fruits of your fathers, your community effort goes back to you.

**Seorang Ahli:** ...Tidak faham.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ha! Itulah, dulu kecil-kecil tidak hendak belajar. [Ketawa] Sudah tua sudah tidak faham. Inilah fasal. Dengan izin.

**Seorang Ahli:** Peraturan-peraturan.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Peraturan, Yang Berhormat maki hamun itu tidak ikut peraturan. Cakap banyak. *You don't talk to me. I know what you do, who you are.* Perangai macam hantu itu pun kita tahu [Ketawa] Okeylah, tarik baliklah. Tarik baliklah. Okey, no problem. Kita joke saja, sudah petang ini. Ya tidak? So, balik kepada ini Yang Berhormat Rompin, *I think* kita kena kempenlah sedikit, uar-uarkan kepada bakal-bakal usahawan terutama generasi muda. Ini peluang keemasan. *Its a big industry*, padi. *Billion dollars*. So, saya ingat Yang Berhormat Menteri memang tidak jadi masalah. *You want license, tomorrow you get the license.* Ya, untuk buat kilang padi. BERNAS tidak berapa minat pun kilang padi. Dia minat yang import itu saja. Yang import itu banyak untung. Buat kilang padi ini tidak berapa banyak untung. Itu bagi usahawan-usahawan. Kalau boleh saya hendak cadangkan BERNAS pun kalau boleh jual saja kilang padi itu kepada usahawan bumiputera. Setuju atau tidak? *They will have to look into that.*

Jadi Yang Berhormat, panjang pula jawab Yang Berhormat Rompin punya tadi. *Thank you for your compliments*, dengan izin. Lagi satu hendak jawab soal ada cadangan dari Yang Berhormat Bayan Baru itu. Nampak kali ini kepala dia boleh ada sama sedikit.

■1640

Dia kata bantuan diesel ini, subsidi diesel ini maybe kita cadangkan satu kaedah dan bentuk baru ye tak? *Is that what you said?* Dengan izin lagi. So, perkara ini saya dah sebut dalam mesyuarat kementerian, dalam Post Cabinet and I think it is being studied now. *It's not only from melah, because the brain come from our boss, big boss. I think our big boss also, the Prime Minister, he already directed us*, dengan izin lagi [Ketawa] telah mengarahkan kita untuk

mengemukakan satu cara baru, satu kaedah baru yang boleh kita menyelamatkan wang kerajaan yang timbul daripada ketirisan subsidi diesel ini. So, kita sedang mengkaji dan pegawai-pegawai sedang meneliti apakah cadangan kepada Kabinet yang akan dibuat.

Saya bagi tahu jawatankuasa ini, kalau sayalah, saya setuju lebih kurang tadi. Kita kenal pasti senaraikan mereka yang *deserve*, mereka yang berhak dan layak untuk mendapat bantuan iaitu golongan yang memerlukan, yang miskin, nelayan yang miskin, bukan nelayan kaya. Bukan tauke-tauke kapal yang besar itu yang menggunakan nama awak-awak dia, *claim* sara hidup, *claim* subsidi, *claim* itu ini dan duit yang dia *claim* sebenarnya bukan pergi kepada nelayan yang miskin yang berpendapatan rendah tetapi pergi kepada tabung syarikat tauke kapal besar. *This is happening*, dengan izin. So, *how to?* Bagaimana kita nak membanteras ini dan mengatasi masalah ini *once and for all?*

Saya punya pendapat, saya cadangkan kita senaraikan penerima-penerima yang layak seperti juga BR1M, yang layak *and then* kita beri terus kepada dia. Jadi, kita tidak timbul lagi beri kepada orang yang tidak layak, tidak lagi timbul ketirisan. Kita beri kepada sasaran, *target group*. Jadi, itu cadangan yang tak sepertinya.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Petani bangun.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ya, baik. Cadangan saya yang tak sepertinya. Kalau ada Yang Berhormat Sungai Petani cadang yang lebih baik, *you are most welcome*.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tidak. Menteri sebut tadi itu adalah cadangan menteri. Adakah ini menjadi dasar sekarang kerana di luar sana, itulah yang diminta selama ini. Kalau menteri sebutkan itu cadangan menteri, adakah ini akan di bawa atau dijadikan dasar selepas ini? Terima kasih. Sebab menteri bercakap atas pihak sebagai menteri sekarang.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ya lah, menteri ke, timbalan menteri pun, kita belum buat keputusan. Masih dalam orang kata, *lab*. You tahu *lab*? Sekarang terkenal dengan *labkan*? *[Ketawa]* Makmal, makmal lagi.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Masih dalam makmal?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Kalau Yang Berhormat Sungai Petani dengar tadi iaitu pegawai-pegawai sedang mengkaji dan mengolah apakah cadangan yang kita boleh kemukakan kepada Kabinet dalam hal ini. Dalam proses menggubal ini, saya dah beri pandangan. Itu sumbangan idea sayalah...

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Akan tetapi *personally* menteri setuju tak dengan cadangan tersebut?

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ya lah, saya dah sebut *personal*.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih, terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Jangan nak *trap* saya pula.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tidak, tanya itu. Tanya, betul itu.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ya, okey. *Thank you*, terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, Menteri. Saya minta menterilah kalau boleh, adakah sebelum apa-apa dasar yang ingin dilaksanakan, panggillah nelayan-nelayan untuk berdialog kerana ada kebijaksanaan daripada segi mereka juga. Ada rungutan, ada masalah yang dihadapi mereka juga. Kalau selalunya menteri at *the top* buat keputusan *unilateral*, lepas itu timbulah pula nelayan-nelayan membantah. Isu dua bulan yang lalu, isu pukat. Pukat diimpose kepada nelayan-nelayan selepas itu mereka kena buang dia punya pukat, ribu-ribu habis. Sekarang isu Jun ini adalah kawasan penangkapan ikan itu diubah pula. Sekarang ini adalah masalah yang dihadapi nelayan. Jadi, kalau isu diesel, kalau nak tarik balik subsidi, kerana sekarang kebanyakannya nelayan-nelayan tak boleh hidup tanpa *certain subsidy* terhadap diesel.

Kalau mereka pakai diesel pada harga pasaran, lingkup, tak boleh buat, tak boleh dapat untung. So, isunya kalau nak tarik balik pun, subsidi itu perlu dibincangkan dengan panjang lebar, dapatkan *feedback* daripada nelayan-nelayan tak kira daripada kawasan 'A' ke 'B' ke 'C' dan sebagainya.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru, terima kasih Tuan Pengurus bagi saya menjawab. Siapa kata kita nak tarik balik sehingga tak dapat apa? *Nobody say that*. Kita bercakap soal bagaimana kaedah ini hendak ditambah baik. Kan? *How to do it in a better way*, itu sahaja. Jadi, perkara itu belum lagi selesai. *We are now at the stage of discussion*. Sampai masanya kita akan putuskan tapi saya setuju dengan Yang Berhormat yang mengatakan perlulah ada *engagement*, kan? Begitu? Jumpa nelayan dan sebagainya. *That's good*. *Proposal* ataupun cadangan idea yang begitu *is great, is okey* dan kita cuba lakukannya. Saya pun dah pergi jumpa beberapa persatuan nelayan. Kita berdialog dengan mereka, mendengar pandangan mereka, rintihan mereka. Kita tak buat keputusan tanpa mendengar pihak yang berkenaan ataupun kumpulan sasarnya.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: [Bangun]**

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** So Tuan Pengurus, *with due respect to you*. We are doing it tapi nak jumpa semua sampai 94,000 nelayan *impossible*lah. Ya kah tidak? You want us to see all the 94,000?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tak ada, tak ada.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ha, no way.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi menteri, okey. Kalau menteri kata begitu, saya rasa besar hatilah kerana Menteri sudi nak jumpa. Jadi Menteri, bolehkah menteri jumpa dengan group minggu depan hari Isnin untuk dialog?... *[Dewan riuh]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Itu kena tulis surat dulu *[Ketawa] No, no problem* Tuan Pengurus.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Hari Isnin? *No problem?* Okey.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Hari Isnin saya tengok dulu kalau *free*, kita boleh jumpa tapi tak perlu di sinilah. Jumpa di pejabat sayalah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey, tak ada masalah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Pengerusi.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Eh, kita ribu-ribu dekat Teluk Intan pun kita boleh *handle* [*Ketawa*]

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Aiseh, jangan macam itu. Belum lagi, belum tetap lagi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ya, ya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bila cakap tentang nelayan miskin ini saya pun rasa sedihlah. Saya terpaksa sebut sekali lagilah kawasan saya di DUN Selingsing ini. Dua perkara yang saya sebut beberapa kali. Yang pertamanya, tentang nelayan miskin yang susah nak cari makan sebab jeti dia dah uzur sangat. Kalau jadi apa-apa kecederaan dan sebagainya, akan lebih menyusahkan nelayan di kawasan ini. Jeti di Sungai Baru DUN Selingsing dan juga muara Sungai Rotan yang sangat cetek yang menyusahkan nelayan untuk turun dan balik ke laut untuk cari makan. Jadi, perkara ini saya dah cakap dah setahun lebih, saya dah cakap dengan LKIM, nampak macam tak jadi apa-apa sahaja. Saya cakap dengan JPS tentang muara ini pun nampak macam semua orang macam garu kepala sahaja. Jadi, saya harap Datuk dapat menolong saya di kawasan ini. Terima kasih banyak.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sebut awal tadi, niat kita ini kalau boleh nak tolong semua. Ya tak? Kalau boleh nak tolong semua dan kita dah buat nak tolong tapi ada lagilah yang belum selesainya. Kita, *the fight is on* orang putih kata. *It's not over yet*. Kalau sekiranya ada yang ketinggalan, kita cuba buat, kita cari peruntukan. So, jangan bimbang bahawa Yang Berhormat, misal takut kita sudah *give up hope*, tak ada lagi semangat, agenda program. *No, it's not true. We'll look into that* and kita boleh bincanglah daripada semasa ke semasa. Ada Yang Berhormat nak cakap?

**Tan Sri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Dalam suasana kita berbicara tentang cuba mendapatkan meningkatkan pendapatan nelayan ini, saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat tadi. Kalaulah 50 tahun dahulu masa kecil, mereka ini sebagai nelayan punca pendapatan dia satu sahaja iaitu tangkap ikan.

■1650

Adakah kementerian memikir bahawa kena ada punca lain dalam bot yang sama menggunakan alat yang sama. Sebagai contoh di Rompin Yang Berhormat, di Rompin terkenal dalam orang kata industri ikan layar. Akan tetapi permasalahannya kalau bot itu ditauliahkan

untuk tangkap ikan, tetapi kementerian lain pula mentauliahkan untuk membawa pelancong untuk menangkap ikan layar. Pendapatan ikan layar RM1,000. Kadang-kadang lebih elok dia bawa dua tiga empat orang pergi dua tiga kilometer sahaja daripada pantai, dapat ikan layar Yang Berhormat di sini tidak payah hendak pergi ke Maldives atau Australia untuk memancing ikan layar.

Di Rompin ikan layar saya boleh *guarantee*, kalau pergi situ sure dapat ikan layar. Itunya baiknya kawasan ikan layar. Untuk itu Yang Berhormat, adakah mungkin kementerian menjaga pertanian cuba membenarkan mereka juga sebab kadang-kadang kita ini autoriti banyak. Kementerian Yang Berhormat hanya mentauliahkan untuk tangkap ikan. Kementerian yang lain mentauliahkan untuk membawa pelancong, yang pelancong undang-undang banyak sangat pula.

Yang ketiganya pula, mereka untuk menangkap ikan di laut, mungkin Yang Berhormat boleh fikir mereka juga boleh, selain menangkap ikan yang liar mungkin buat kawasan-kawasan tertentu untuk membela ikan di laut sebagai contoh. Selain daripada menangkap ikan secara punca yang kita lihat generasi yang dahulu, beberapa generasi puncanya satu sahaja. Adakah sampai masa satu pemikiran *outside the box* mungkin ada punca yang lain sebagai punca yang asas ke laut untuk menangkap ikan. Pertama, industri pelancongan ikan layar. Kedua, mungkin adakan sedikit kawat - mereka ini boleh juga memelihara ikan sendiri di tepi laut.

Adakah Yang Berhormat kementerian memikir membuat satu anjakan baru untuk membantu seperti Yang Berhormat kata tadi Yang Berhormat Bagan Serai tentang cerita hati, kebimbangan kita, generasi nelayan ini kalau dahulunya juga miskin terus menjadi satu tekanan kepada hidup mereka kerana punca mereka untuk mendapat pendapatan adalah punca yang sama.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Pengurus, lupa hendak ucap tahniah sebenarnya Yang Berhormat Rompin baru ini dianugerahkan Tan Sri. Jadi, kita sama-sama ucap tahniah kepada beliau. Tan Sri, jangan main-main. Yang sebelah sana jangan main-main.

[Ketawa]

Tan Sri oh... Belah sana kalau mahu jadi Tan Sri lambat lagi. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, *the word is* dengan izin *diversification* atau kepelbagaiannya. Petani saya setuju jangan hanya bergantung kepada satu sumber pendapatan. Boleh buat benda lain. Itu sebab kita kata pertanian itu satu perniagaan. Apabila disebut pertanian di sini termasuklah nelayan dan juga penternak. Jadi, sebagai nelayan, ada aktiviti-aktiviti sampingan yang berkaitan dengan nelayan yang boleh dia usahakan untuk menambah pendapatan termasuk *tourism* dan sebenarnya dalam kementerian bukan sahaja menggalakkan *it is our policy*. Sebab apa satu daripada program kita atau bahagian kita dalam kementerian agrotourism. Kita ada bahagian agrotourism.

Kita ada kakitangan yang cukup. Ada pengarah, ada timbalan pengarah dan kakitangan. Semua bahagian ini akan membantu pihak nelayan yang ingin mengusahakan perusahaan

agrotourism. Jadi, apabila bercakap agro tourism ini ramai pelancong yang hendak pergi tengok laut, hendak naik kapal, hendak rasa macam mana hendak mencadat sotong, macam mana hendak tangkap ikan waktu malam. Akan tetapi jangan main-main, saya pergi sekali pening kepala dibuatnya. Kalau tidak biasa, hendak muntah. *But some people like it, okeylah.* Ada yang suka pergi ke laut untuk melancong. Sesetengah kalau dari Turkmenistan itu mana pernah tengok laut. Dia datang sini, laut '*Wahl!*'. Ini satu produk pelancongan. Yang datang dari padang pasir mana negeri tidak tahu dengan *central Europe* kah, mana dia pernah tengok laut. Dia tengok laut macam tarikan. *So, this is agrotourism product.*

Selain daripada ikan-ikan itu pun merupakan produk-produk pelancongan bagi orang yang tidak biasa tengok. Akan tetapi, sebenarnya tidak payah bergantung kepada pelancong dari luar negara. Anak-anak kita yang bersekolah ini pun ramai yang tidak kenal ikan, tidak kenal laut, tidak kenal itu dan ini. Kalau setiap cuti sekolah, cikgu-cikgu boleh bawa anak-anak ini pergi melancong dengan emak bapa dia, pusat pelancongan ini akan menjadi satu perusahaan yang sangat besar dari segi nilai ekonominya. *So, I agree Tuan Pengerusi, I agree totally with it.*

Lagi satu saya hendak sebut Yang Berhormat Rompin, iaitu kita tidak hendak nelayan turun ke laut tangkap ikan balik rumah jual ikan. Pergi ke laut tangkap ikan, jual ikan. Kadang-kadang dia tidak sempat hendak jual. Sampai sahaja ke darat, berlari ke rumah. Dua tiga hari tidak balik. Saya selalu ingatkan nelayan, tidak lari gunung dikejar. *[Ketawa] Tidak lari ke mana, orang rumah itu ada, tidak payahlah tiba-tiba terus-terus berlari balik ke rumah. Tangkapan ikan itu dijual sendiri, jangan jual kepada pemborong. Ini yang sekarang Menteri Pertanian, bos saya menggalakkan supaya nelayan menjual hasil produk mereka sendiri. Jangan jual kepada pemborong. Because kalau you jual sendiri, nelayan akan dapat harga yang lebih.*

Selain daripada itu, Menteri saya, bos saya bagi tahu juga nelayan patutnya terlibat dalam *business* yang berkaitan dengan industri penangkapan ikan. Umpamanya pembekalan sampan, bot, *engine, this and that*. Semua itu kenapa mesti diserahkan kepada pembekal daripada orang lain? Kita sendirilah jadi penjual enjin bot. Kita jadilah penjual sampan, jadi buatlah *maintenance* sampan. Industri ini *business*. Akan tetapi masalahnya rantaian nilai industri ini dikuasai oleh orang lain. Orang lain yang untungnya. Orang kita, nelayannya sekadar pergi ke laut dan jual ikan. Kita menggalakkan supaya nelayan-nelayan kita ini melibatkan diri...

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Nerus bangun.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Cukup ya?

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Nerus bangun.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Oh, ingatkan suruh berhenti. Sila.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ada mendapat laporan daripada nelayan di sebelah Terengganu, jumpa saya Jumaat lepas. Permasalahan mereka ialah hasil tangkapan merudum kerana masalah bot dari Vietnam masuk dan merosakkan banyak bubu dan pukat mereka. Aduan telah mereka sampaikan banyak kali kepada pihak berkenaan tetapi masih lagi keadaan yang sama berulang. Jadi kalau kita pergi lebih jauh isu yang nelayan hendak buat lagi tetapi isu sebenar yang melibatkan produk asas mereka, kerja asas mereka pun terganggu. Saya hendak minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, bot dia kenapa? *Sorry, I miss it.*

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Gangguan dari bot nelayan Vietnam yang masuk ke perairan Terengganu, mereka merosakkan bubu, merosakkan pukat dan hasil tangkapan terganggu. Ada mereka yang sudah buat banyak kali kepada pihak yang terlibat. Yang buat aduan kepada saya ialah Ahli Lembaga Pengarah dalam persatuan nelayan juga.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Terima kasih, ini Menteri sudah masuk. APMM Agensi Maritim Malaysia, dia kena jawab. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, jadi pemantauan daripada segi pencerobohan dan sebagainya di laut ini itu di bawah jagaan APMM, Agensi Maritim. Kakanda saya Menteri sini ada di sini.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Adinda.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Adinda ya? Sorry, saya terasa muda pula hari ini. Jadi walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ataupun agensi yang berkenaan LKIM dan Jabatan Perikanan, kita juga tidak membiarkan ataupun mengambil acuh tidak acuh masalah ini. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Kuala Nerus kita punya laut begitu besar sekali.

#### ■1700

Kita sudah *tackle* dekat sini berlaku dekat tempat lain. Kejar dekat situ berlaku tempat lain. Vietnam tahu lah Vietnam. Bukan? Dulu budaya dia bukan macam budaya kita. So tidak payah jawab panjang-panjang. Saya hendak bagi tahu kita akan buat sehabis baik yang mungkin untuk mengelakkan pencerobohan daripada bot-bot Vietnam ini. Ini kerana kita pun simpati dengan nelayan kita Tuan Pengerusi. Jadi saya ingat cukuplah itu ya. Sudah pukul berapa ini.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, Menteri belum lagi jawab soalan saya.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Sikit lagi, sikit lagi.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat Rompin, Rompin. Yang Berhormat Rompin Tan Sri. Tan Sri bagi *priority*.

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Saya tadi banyak Dewan sudah berbincang tentang masa depan, penempatan untuk pendapatan sara hidup untuk nelayan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat dahulu kita sudah menghadapi senario bahawa ikan ini kepentingan pengguna, *the consumer*. Kita jangan bimbang ini, kita hendak jaga dua-dua. Satu keluarga, masyarakat yang bergantung kepada industri perikanan ini untuk supaya sumber pendapatan dia tetap pada tahap yang boleh menyara hidup mereka dengan satu tahap yang kita semua bangga.

Satu lagi isu Yang Berhormat dalam perbincangan kita di dalam Dewan yang mulia yang kita ada pada sesi petang ini ialah orang ramai ini. Harga ikan itu sendiri. Itu mungkin Yang Berhormat sebagai untuk hendak merumus, sentuh sedikit. Dulu sudah bising harga ikan melambung-melambung tinggi. Adakah kementerian memikirkan kalau katalah dalam industri lain, kalau barang-barang itu bekalan tempatan tidak mencukupi harga naik. *Supply and demand*. Bermakna kalau sampai masa juga ikan, bekalan tidak cukup harga akan naik. Ini *law of market forces* dengan izin. Adakah kementerian hendak memikirkan kalau timbul suasana itu berlaku apakah strategi kita menghadapi harga yang meningkat penghujung tahun, masa tengkujuh orang tidak ke laut.

Adalah satu yang saya dengar dalam berita hari itu ialah membenarkan kita import ikan supaya dapat dikawal harga, supaya orang ramai ini yang mana kita hendak pastikan, kerajaan hendak pastikan kos sara hidup mereka terkawal. Kalau harga ikanlah yang paling untuk dari segi dietnya, selain daripada daging kadang-kadang mahal. Ayam mahal. Kadang-kadang ikan lebih mahal daripada ayam dan daging. Ini kadang-kadang kita dengar di kedai-kedai kop. Adakah Yang Berhormat kementerian melihat juga *the other part of the acquisition* tadi iaitu harga bekalan ikan dalam pasaran, timbul di mana bekalannya turun oleh sebab tengkujuh. Adakah strategi seperti mengimport ikan itu juga difikirkan. Saya difahamkan di sebelah Tioman itu, Indonesia ikannya separuh harga daripada ikan di Mersing, di Pulau Tioman. Separuh harga. Adakah kerajaan dan kementerian memikir jika strategi untuk import ikan atau strategi lain untuk memastikan tekanan hidup disebabkan kos ikan ini terkawal sepanjang masa. Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri sedikit sahaja. Menteri masih belum jawab soalan utama saya iaitu kenapa *change of policy* daripada *nautical mile* itu dan untuk masalah dari Perak, Kedah, Penang dan Selangor itu.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** *I got it* Yang Berhormat.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Pengurus dan Yang Berhormat. Saya semalam telah membangkitkan panjang lebar *actually* berkaitan perwujudan semula Badan Kawal Selia Industri Padi dan Beras iaitu dulunya disebut LPN. Peranan itu telah diubah kepada BERNAS. Akan tetapi hari kita melihat industri padi sudah makin besar, penglibatan rakyat makin banyak dan keluaran padi makin meningkat. Isu-isu yang berkaitan dengan kawal selia ini bukan

hanya di sekitar harga akan tetapi dari segi benih padi. Walaupun hari ini peranan itu dimainkan oleh IPB, bahagian IPB di kementerian.

Akan tetapi kita melihat bahawa sudah sampai masa lembaga yang mengawal selia industri padi ini diwujudkan semula. Apa pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tiga sekali ini lupa pula satu. *[Ketawa]* Yang Berhormat Tan Sri Rompin, tadi apa benda tanya tadi ya?

**Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Ikan, ikan.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ha, harga ikan. *You study economics. Eh, no engineering ya. Apa itu? [Disampuk] Oh, together. Economics and engineering. I study economics.* So yalah *supply and demand* menentukan harga. Kalau *ceteris paribus* macam mana? Dia harga tidak berubah, ya tidak? Jadi masalahnya perubahan sama ada *supply or demand*. Kalau perubahan dari segi permintaan lebih maka kalau bekalannya kurang maka harga naiklah. Kalau sebaliknya maka harga akan turun.

So, keadaan *supply and demand* atau bekalan dan permintaan ini dia bukan statik. *It can happen in our favors, ataupun buyers or consumer favors.* Kalau sekiranya harga turun. Akan tetapi apabila harga turun sebelah sana tidak ada yang bising pun. Bukan tidak ada bising, tidak ada cakap apa pun Tuan Pengerusi. Ada masa-masa harga barang turun. Tidak ada kata kerajaan *very good, credit to the government* kerana berjaya menurunkan harga barang. Tidak adapun.

**Seorang Ahli:** Ayam RM1.00.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Jadi bila naik disebabkan oleh faktor-faktor yang tidak boleh kita kawal *you janganlah keterlaluan dari segi mengkritik atau menghentam kerajaan.* Bukan kita *purposely* atau sewenang-wenangnya hendak menaikkan harga sehingga rakyat menjadi susah. *But that is political statementlah. That is not so important.* Tidak begitu penting, yang pentingnya sebagaimana hendak menjawab soalan Yang Berhormat Rompin itu tadi.

Memang pun Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani telah pun membuat keputusan untuk membenarkan *importation* barang makanan termasuk ikan dari luar negara. *When the time, when the need arise* Tuan Pengerusi. Jadi dalam keadaan sekarang ini mana kita hendak menghadapi perayaan ini iaitu bulan puasa, raya, raya haji dan sebagainya. NAFAS umpamanya, NAFAS telah diarahkan oleh Menteri untuk pergi jauh sampai ke Sudan cari lembu. Itu untuk daginglah. Begitu juga AP untuk import barang makanan ini termasuk ikan dan apa semua Tuan Pengerusi pun dibuka. Apa barang pun dibuka.

*Because we want to – istilah tidak berapa baguslah. We want to flood the market.* Bukan *floodlah actually.* *[Disampuk]* Ha, kita hendak bagi bekalan itu cukup supaya jangan dianya jauh gapnya dengan permintaan. Jadi Tuan Pengerusi ini yang kita lakukan untuk memastikan kestabilan harga. Harap-harap berjayalah. Sebab apa saya gunakan *qualified statement the*

words. Harap-harap berjaya. Sebab kita boleh usaha Tuan Pengerusi. Akan tetapi kalau sekiranya negara pembekal sana itu ada masalah, berlakulah bencana alamkah atau apa-apakah, menjelaskan pengeluaran produk barang makanan yang kita hendak import itu, apa kita boleh buat. Jadi kita kena buat satu kenyataan berhati-hati juga.

Yang Berhormat Bayan baru tanya fasal pengezonan semula daripada lima *nautical mile* kepada Iapan *nautical mile*. Kita bukan buat suka-suka Tuan Pengerusi. Ini kerana memikirkan kepentingan nelayan tradisi yang merupakan, saya ingat 70% kah daripada jumlah nelayan? 80%. *We are talking about the interest and the welfare of 80% of nelayan dengan izin.* Takkun kita hendak *protect*, hendak jaga kepentingan 20%. *You buy that.* Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Yang Berhormat Bayan Baru or you disagree.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Dulu kalau hendak jaga kepentingan semua nelayan kenapa hanya buat di Pulau Pinang, Kedah, Perak dan Selangor.

#### ■1710

Buatlah di Terengganu, Kelantan, Johor boleh buat sekali. Isu yang kedua adalah dahulu pun boleh selama 50 tahun *no issue*, kenapa tiba-tiba jadi isu? Oleh sebab itu saya hendak Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab berapa bot kawasan ‘A’ yang meningkat mendadak? Kalau kita tidak memberikan lesen secara sewenang-wenangnya jadi tidak ada isu. Kalau kita *control* dan bagi kepada orang-orang yang hanya berminat untuk menangkap ikan. *No problem.* Boleh *control number* tetapi kalau kita main ber sahaja dengan lesen itu, jadi terlalu banyak dan kita terpaksa pula *re-zoning*.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey, masa pun lima minit sahaja lagi Tuan Pengerusi, sudah panjang sangat. Kesian Tuan Pengerusi. Jadi soalannya iaitu kenapa di Pantai Barat sahaja. Jadi apa Yang Berhormat ingat apa? Ingat kita ini hendak menyeksa orang sana sahaja? *We are discriminating? That is what in your head.* Di kepala *you* itu ingat itu sahaja. Kita tidak ada niat hendak *discriminate*. Sedikit-sedikit “*We are being discriminated.*” Apa ini? *If we discriminate...*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya tidak ada cakap *discriminate* Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolong tarik balik.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey tidak apa, tidak apa. Okay, *no discrimination, it's so happened* Tuan Pengerusi, di situlah sumber ikan yang berlaku banyak pencerobohan dan sebagainya. Pencerobohan daripada nelayan-nelayan daripada zon apa tadi? Zon ‘B’.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau berlakunya pencerobohan *that is a failure of APMM* dan juga maritim, betul tidak? *Enforcement, enforce.* Saya rasa *enforcement* kalau bagus *no issue*.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** No, you only have one, we have two. You only one measure dengan izin, we do two. First is enforcement and the second is re-zoning.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** But you are killing the life of other people, do not...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Yang Berhormat Bayan Baru, who are we killing?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** The livelihood of the nelayan.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Who are they?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Who are they? Answer me.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Rakyat Malaysia, rakyat Malaysia!

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Tidak ada.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Rakyat Malaysia.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Rakyat Malaysia ini dengar.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Itu sebab mereka hendak berjumpa dengan Menteri.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Sebanyak 80% itu rakyat Malaysia.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sama, rakyat Malaysia 80%, ini 20% pun rakyat Malaysia. Jadi isu ini janganlah kita *kill out the livelihood*. Boleh discuss...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Debat macam ini tidak jadi, duduk, duduk. Dia orang ini yang 20% yang kaya-kaya, tauke besar, kapal besar. *What is the problem?* Ini yang miskin, you tahu tidak, Ahmad, Dollah, Mamat, lagi siapa?

**Beberapa Ahli:** Ah Chong.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ah Chong...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Seorang Ahli:** Shamsul, Azmin...

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Ini, ini! Ini yang miskin-miskin, siapa yang hendak bela? Hendak harapkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bela? Tidak bela.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri *no issue about* – tidak ada masalah dengan bela orang-orang, nelayan-nelayan yang miskin. Cuma kalau hendak buat *regulation* bawa berbincang dahulu, cari penyelesaian *win-win*, tidak perlulah satu *group* yang dapat banyak, satu *group* pula terpaksa hilang dia punya mata pencarian, itu masalah.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Okey, Tuan Pengerusi. Saya hendak beri satu contoh pada Yang Berhormat Bayan Baru, *you listen*. Dahulu apabila Yang Berhormat Menteri, bos saya membuat keputusan berkenaan dengan saiz mata pukat daripada 38 milimeter kepada hendak kita jadikan ia lebih kecil lagi kan. Daripada 22 milimeter kepada 38 milimeter sebab kita hendak menyelamatkan sumber-sumber ikan di laut. Wah! *Protest like hell*, ugut Menteri saya. Ugutlah saya, buat apa ugut Menteri saya? *[Ketawa]* Duduklah dahulu, belum habis lagi. Tidak

boleh ugut pasal apa bukan kita kuat, bukan kita berani, kita tahu itu adalah benda yang betul dan akhirnya kebetulan itulah yang *prevail* dan mengatasi yang batil.

Hari ini mereka sudah terima. *Where are all the noises? No more, no more noise because* mereka pun tahu yang kita buat itu mereka yang akan untung apabila sumber ikan terselamat dan diselamatkan, yang untung siapa? Mereka juga tetapi mereka mula-mula bukan main lagi, *there is another example, this is another one.* Kita *re-zoning*, orang marah, tunggulah esok. Siapakah yang untung? Nelayan juga yang untung. Terima kasih, sekian Tuan Pengerusi.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Tuan Pengerusi, LPN tidak jawab. Lembaga Padi dan Beras Negara, kawal selia.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Bukan, *I can read the sign language* bukan macam Yang Berhormat Kuala Langat. Tidak boleh baca *sign language* betul atau tidak? Akan tetapi kalau hendak belajar *brain language* nanti saya ajar selepas ini, keluar Dewan. Kalau naik bas, bas penuh *you* tunggu sorang-sorang, hendak tumpang satu bagi *signal* betul-betul, kalau tidak kena... *[Disampuk][Ketawa]* Okey Tuan Pengerusi, berhubung dengan Yang Berhormat Jerlun, Pengerusi MADA yang mencadangkan tadi Lembaga...

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Kawal selia padi Yang Berhormat, Lembaga Padi.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** You cadangkan lembaga kan?

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Apa-apa lembaga yang mengawal selia industri padi dan beras.

**Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman:** Jawapannya ringkas sahaja. *I think* dengan hormatnya saya ingat *the Minister is looking into it*. Menteri saya sedang mengkaji, *I think that is a good answer.* Okey, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM72,217,000 untuk Maksud B.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan]*

*[Wang sebanyak RM72,217,000 untuk Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Menteri.

**USUL****MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH  
PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN****Masalah Gangguan Bekalan Elektrik di Tuaran****5.18 ptg.**

**Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Barisan pimpinan di Tuaran khususnya wakil-wakil rakyat diserang dengan pelbagai aduan daripada rakyat akibat gangguan bekalan elektrik yang begitu teruk sepanjang tahun lalu dan tahun ini. Setakat bulan Mei 2014, bilangan *breakdown* dalam bekalan elektrik di kawasan Parlimen Tuaran ialah 1,683, manakala pada tahun 2013 sebanyak 2,460 *breakdown* dan pada tahun 2012 sebanyak 1,938 *breakdown*. Daripada segi SAIDI, pada tahun 2012 sebanyak 250.18 dan meningkat kepada 492.72 pada tahun 2013 dan setakat bulan Mei pada 2014, SAIDI sudah pun pada tahap 430.06. Setelah dianalisa punca utama gangguan bekalan elektrik, didapati bahawa punca utama ialah pokok terkena talian dan yang kedua ialah gangguan binatang di mana bagi talian *high tension* 11kv sepanjang 330 kilometer yang belum diganti dengan AVC.

**■1720**

Untuk mengatasi gangguan disebabkan pokok, SESB telah melantik lima kontraktor JHT Rentis di seluruh kawasan Parlimen Tuaran melibatkan 40 orang pekerja dengan peruntukan hanya RM833,000 sahaja bagi tahun 2014. Kerja-kerja ini amat mencabar sebab pemotongan pokok yang melibatkan buah-buahan keliling kampung dan perlu persetujuan pemilik.

Oleh sebab itu, untuk menyelesaikan masalah gangguan bekalan elektrik yang berpunca daripada pokok, maka talian AAC perlu ditukar kepada ABC di tempat-tempat seperti berikut dengan anggaran kos untuk pertimbangan kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di bawah Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB):

- (i) Kg. Mangkaladoi RM495,000;
- (ii) Kg. Ruhuang hingga Simpang Kg. Puhus dengan harga, dengan kos RM891,000;
- (iii) Kg. Bungaliu-Kg. Logub dengan kos RM990,000;
- (iv) Kg. Nohirot-Dansangai dengan RM1,023,000;
- (v) Kg. Kelawat dengan RM1,115,000;
- (vi) Kg. Puhus ke Kg. Bundu Tohuri dengan RM2,013,000;
- (vii) Pekan Kiulu ke Natai dengan RM2,640,000;
- (viii) Kg. Sinulihan dengan RM1,500,000; dan
- (ix) Lawamandau sebanyak dengan RM4,125,000.

Jumlah peruntukan yang diperlukan ialah **RM14,832,000**.

Menurut dalam perancangan SESB, peruntukan sebanyak RM14.9 juta ini akan disalurkan selama empat tahun bermula daripada tahun 2014 sehingga tahun 2018. Dengan gangguan bekalan elektrik yang begitu tinggi, rakyat tidak dapat bertahan dengan keadaan *blackout* yang berlaku tiap-tiap hari. Kerosakan kepada harta benda akibat gangguan bekalan elektrik juga meningkat. Rakyat berada dalam keadaan trauma apabila dua buah sekolah rendah terbakar di kawasan Parlimen Tuaran sepanjang tahun ini. Rakyat mengandaikan kebakaran tersebut akibat daripada gangguan bekalan elektrik yang tidak stabil.

Oleh itu saya minta kerajaan memberi peruntukan sebanyak RM14.9 juta untuk menyelesaikan gangguan bekalan elektrik yang berpunca dari pokok dan binatang. Saya juga minta kerajaan, khususnya kementerian supaya memantau dengan rapi peralatan yang telah dibekalkan oleh kontraktor di projek Pencawang Penurun 33kv kepada 11kv di Tompinahaton, Kiulu dan juga menjadi punca gangguan bekalan elektrik yang hanya peralatan yang dipasang tidak berfungsi. Perlu diperingatkan juga bahawa projek ini adalah di bawah kawalan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Silakan, Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Terima kasih Yang Berhormat yang telah membawa usul ini. Terlebih dahulu sebenarnya bila saya lihat kandungan usul ini walaupun kemungkinan peranan itu di peringkat luar bandar tetapi sebahagian besar daripada tanggungjawab ini sebenarnya di bawah KTAK – Kementerian Tenaga dan Alam Sekitar dan membabitkan SESB.

Walaupun demikian, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cabaran utama pengoperasian sistem bekalan elektrik untuk meningkatkan mutu perkhidmatan serta daya harapan bekalan elektrik di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan adalah kekangan dalam kapasiti penjanaan, khususnya di waktu puncaknya. Itu yang saya kata puncak dari segi bekalan

penjanaan *where the grids are*, dengan izin, *the source*. Peranan kementerian ini cuma kita sambung elektrik, wayar, tiang, pasang sahaja. *But, if the grid is not there, the capacity is not there*, dengan izin, ia akan membantutkan bekalan itu.

Walau bagaimanapun, masalah kekangan kapasiti ini akan beransur-ansur berkurangan apabila dua stesen jana kuasa baru dengan jumlah kapasiti sebanyak 385 megawatt dijangka siap secara berperingkat mulai bulan ini iaitu Jun 2014. Selain daripada itu, pihak SESB yang sedang giat mempertingkatkan sistem bekalan elektrik di seluruh negeri Sabah dan Wilayah Labuan. Perkara ini dapat dilihat melalui pengurangan catatan System Average Interruption Duration Index (SAIDI) kepada 424 minit untuk setiap pelanggan pada tahun 2013 berbanding dengan 2,867 minit untuk setiap pengguna pada tahun 2009.

Melalui usaha dan bantuan kerajaan yang berterusan, kerajaan yakin pencapaian SAIDI bagi tahun-tahun akan datang mula bertambah baik dan dapat memastikan bekalan elektrik yang lebih berdaya harap di negeri Sabah. Berhubung dengan gangguan bekalan elektrik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuaran, pihak SESB telah melantik seperti apa yang disebutkan Yang Berhormat tadi. Lima kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja rintis di kawasan Zon Tengah iaitu kawasan Kota Belud, kawasan Ranau, kawasan Tuaran.

Mulai daripada Januari 2014 hingga 2015, kontrak ini melibatkan kerja-kerja rintis sebanyak empat pusingan setahun. Pihak SESB juga telah melantik anggota kerja kontrak seramai 40 orang bagi melaksanakan aktiviti rintis secara serta-merta serta meningkatkan keberkesanannya di seluruh negeri Sabah. Anggota kerja kontrak ini turut melaksanakan kerja-kerja rintis di kawasan Tuaran.

Cabarani kerja-kerja rintis di Daerah Tuaran ialah bentuk muka bumi yang berbukit, sukar untuk dilalui dan pembukaan jalan masuk yang mencabar terutama di kawasan Tamparuli dan Kiulu. Risiko pokok yang berada di luar kawasan rintis menimpa talian semasa hujan lebat adalah tinggi. Selain daripada punca gangguan daripada pokok, kerosakan kepada aksesori talian atas tidak bertebat atau *bare cable* turut menyumbang kepada gangguan bekalan. Sehubungan itu pihak SESB telah dan akan terus melaksanakan aktiviti senggaraan ataupun *condition based monitoring* selain senggaraan rutin dan pencegahan.

Dengan usaha yang dilaksanakan pihak SESB, prestasi semasa bilangan gangguan voltan tinggi dan rendah mengambil kira perbandingan selama tiga tahun menunjukkan penurunan gangguan bekalan elektrik sebanyak 13% dari Daerah Tuaran iaitu daripada 1,938 minit pada tahun 2012 kepada 1,683 minit pada tahun 2013. Saya akui masih ada gangguan, yang ini saya tidak nafikan bahawa *it is completely overcome*, dengan izin, masih ada gangguannya tetapi kita menyedari hakikat perkara ini perlu diatasi seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuaran.

Merujuk kepada permohonan Yang Berhormat supaya kerajaan mempertimbangkan peruntukan sejumlah RM14.83 juta bagi kerja-kerja menukar talian tidak bertebat kepada talian

bertebat jenis *aerial bundle cable* di sembilan buah kampung di Daerah Tuaran. Sukacita dimaklumkan perkara ini dalam pertimbangan KTAK untuk pelaksanaan bermula 2014 sehingga 2018.

Berhubung dengan isu gangguan bekalan elektrik di Pencawang Penurun, Kampung Tompinahatun. Sukacita dimaklumkan bahawa kerja pengujian pencawang dan talian telah disempurnakan pada 10 hari bulan Oktober 2012 selepas mula tugas talian 33kv yang dibina terpaksa ditutup perkakasan-perkakasan perlindungan seperti *auto recloser and remain* unit terpelantik ataupun *tripping*. Ujian yang dilakukan bersama SESB mendapati semua perkakasan yang dipasang di Pencawang Penurun Kampung Tompinahatun berada dalam keadaan baik.

Lanjutan daripada beberapa siri perbincangan bersama SESB, masalah pembumian talian 11kv sedia ada yang dibina SESB telah dikenal pasti sebagai punca gangguan kepada perkakasan perlindungan di Pencawang Penurun Kampung Tompinahatun. Pihak SESB akan menjalankan ujian kepada semua sistem pembumian talian 11kv sedia ada dan membuat kerja-kerja pembaikan bagi membolehkan talian 33kv serta Pencawang Penurun Kampung Tompinahatun berfungsi dengan baik. Kita akan pastikan bahawa perkara ini akan dapat diatasi untuk tidak membebankan para penduduk kawasan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuaran. Terima kasih banyak.

■1730

#### **Kes Pecah Rumah di Taman Desa Pakatan**

**5.30 ptg.**

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hal ini dibangkitkan untuk perhatian Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri berkenaan dengan kes pecah rumah di Taman Desa Pakatan, kawasan Parlimen Gopeng.

Selaku Ahli Parlimen Gopeng, saya telah menerima beberapa aduan berkenaan dengan kejadian pecah rumah yang semakin menjadi-jadi di kawasan Taman Desa Pakatan terutamanya di deretan rumah di Persiaran Pengkalan Timur 11 dan laluan Persiaran Pengkalan Timur 9. Untuk perhatian Yang Berhormat Menteri, kedua-dua lorong terbabit adalah membelaiki satu sama lain dan dipisahkan oleh satu lorong kecil. Setakat ini difahamkan tujuh buah ruah di lorong-lorong tersebut telah dipecah masuk pencuri dengan kejadian terbaru membabitkan tiga buah rumah sekali gus pada awal pagi 4 hari bulan Mei 2014. Laporan polis telah dibuat dan senarai mangsa dan alamat rumah yang terbabit adalah seperti di bawah:

- (i) Wan Su binti Wan Ali. Nombor rumah – No.160 Persiaran Pengkalan Timur 11;
- (ii) Krishnan A/L Govindarajoo. Nombor rumah – No.144 Persiaran Pengkalan Timur 11;

- (iii) Sim Chee Cheam. Nombor rumah – No.57 Laluan Pengkalan 9.

Soalan saya apakah status atau perkembangan kes pecah rumah penama terbabit seperti di atas? Yang kedua, apakah usaha oleh pihak polis untuk mengelakkan jenayah tersebut berulang lagi? Masalah yang saya timbulkan cuma saya pasti sebagai contoh kepada masalah-masalah yang sama di kawasan-kawasan yang lain dan saya harap Yang Berhormat Menteri dapat satu respons yang boleh menjadi satu teladan ataupun satu garis panduan untuk kita menangani masalah seperti jenayah. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

### 5.32 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada semakan pihak polis hanya satu laporan sahaja yang diterima oleh pihak polis berkaitan pecah rumah pada 4 hari bulan Mei 2014 di kawasan berkenaan yang dibuat oleh Sim Chee Chean berkaitan *report* Simpang Pulai 1459/14. Penama lain yang dinyatakan tidak membuat laporan pada pihak polis.

Siasatan polis yang dijalankan di tempat kejadian mendapati penjenayah telah masuk melalui tingkap dapur rumahnya yang tidak mempunyai *grill* dan bertutup tetapi tidak berkunci. Rumah pengadu juga didapati dalam proses pengubahsuaian. Barang-barang yang hilang adalah seperti berikut:

- (i) Wang tunai sebanyak RM1,000; dan
- (ii) Dua unit telefon bimbit.

Pihak polis tidak menjumpai sebarang kesan cap jari untuk membantu siasatan dan kes ini telah diklasifikasikan sebagai *no further action*. Pihak polis telah mengambil pelbagai langkah untuk menangani kes-kes pecah rumah di kawasan berkenaan dan juga di kawasan yang sering berlaku kes pecah rumah seperti berikut:

- (i) Rondaan lebih kerap oleh anggota mobil petrol vehicle (MPV), unit rondaan bermotosikal dan anggota bit di kawasan berkenaan;
- (ii) Operasi Ops Pintu dipergiatkan untuk mengesan penjenayah yang dikenal pasti terlibat dengan kes pecah rumah;
- (iii) Membuat cadangan pemasangan kamera litar tertutup di kawasan tertentu untuk membantu mengesan penjenayah seperti di kawasan perumahan dan kawasan perindustrian perniagaan;
- (iv) PDRM juga turut melaksanakan aktiviti *community policing* bertujuan untuk melibatkan masyarakat dalam aktiviti menangani jenayah bagi memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa membanteras jenayah

merupakan tanggungjawab bersama. Inisiatif ini melibatkan masyarakat awam dan program-program seperti Rakan COP, Rukun Tetangga, skim rondaan sukarela di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional;

- (v) *Stop and talk* merupakan satu pendekatan yang diguna oleh PDRM di mana semua anggota polis yang menjalankan tugas-tugas rondaan sama ada berjalan kaki, bermotosikal ataupun berkereta supaya berhenti untuk bertemu dengan orang ramai mengikut kesesuaian masa dan tempat bagi mendapatkan maklum balas serta mengetahui masalah mereka khususnya yang berkaitan hal kepolisian dan jenayah.

Walau bagaimanapun, pelbagai inisiatif yang telah diambil oleh pihak kerajaan. Peranan dan kesedaran masyarakat amat penting untuk bersama-sama menjaga keselamatan dan harta benda masing-masing seperti melaporkan kepada pihak polis jika terdapat pergerakan orang yang mencurigakan di kawasan perumahan ataupun di tempat tinggal mereka. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, Yang Berhormat terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Baiklah Yang Berhormat, selesai sudah urusan mesyuarat kita pada hari ini. Dewan bersidang semula pada jam 10.00 pagi, pada hari Isnin 16 Jun 2014.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 5.36 petang]**